

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 14	Selasa	1 April 2014
----------------	---------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014

Jawatankuasa:-

Jadual:-

B. 6 dan B. 7	(Halaman 25)
B. 12	(Halaman 44)
B. 62	(Halaman 51)
B. 21	(Halaman 68)
B. 23	(Halaman 88)
B. 27	(Halaman 130)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2013

Jawatankuasa:-

P. 6	(Halaman 25)
P. 10	(Halaman 44)
P. 62	(Halaman 51)
P. 22	(Halaman 69)
P. 23	(Halaman 88)
P. 24	(Halaman 125)
P. 25	(Halaman 126)
P. 27	(Halaman 130)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 1 April 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah langkah kerajaan menstrukturkan semula ekonomi negara termasuk rasionalisasi subsidi dan bantuan terus kepada golongan sasaran tidak akan membebankan rakyat sebaliknya mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara dan membawa negara keluar daripada perangkap “berpendapatan sederhana”.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I [Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli Parlimen Jasin bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Ahli Parlimen Selayang yang dijadualkan pada 2 April, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Bagan Serai pada 8 April serta Yang Berhormat Keningau dan Yang Berhormat Libaran pada 9 April. Ini memandangkan keenam-enam soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi telah menghasilkan banyak manfaat kepada rakyat dan negara terutamanya dari segi peningkatan kualiti hidup, pendidikan dan peluang pekerjaan. Kejayaan ini telah dicapai melalui perancangan yang teliti dalam merangka dan melaksanakan sesuatu dasar serta penyampaian perkhidmatan kerajaan yang efektif.

Semua dasar yang digubal adalah untuk memastikan ekonomi negara terus kekal kukuh mencatat pertumbuhan yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Justeru, dalam keadaan ekonomi dunia yang kian mencabar dan kompetitif, kerajaan perlu merangka pelan strategik supaya pertumbuhan ekonomi negara terus kekal sihat.

Kerajaan telah menggubal satu rangka tindakan Transformasi Nasional untuk membolehkan negara keluar daripada perangkap ekonomi berpendapatan sederhana dan seterusnya mencapai status negara maju serta berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Antara inisiatif utama untuk mencapai objektif tersebut adalah melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Komuniti (CTP).

Pelaksanaan program-program ini akan memastikan prospek pertumbuhan ekonomi yang berterusan ke arah mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi dengan pendapatan per kapita USD15,000 menjelang tahun 2020.

Sememangnya sejak empat tahun dahulu, kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk melaksanakan Program Transformasi Fiskal (FTP). FTP bermaksud mengukuhkan kemapanan kedudukan kewangan negara termasuk mengurangkan defisit fiskal dan hutang negara serta menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh dan bersifat holistik.

Perlu diketahui, defisit fiskal bukannya satu perkara yang tidak baik. Kedudukan fiskal negara telah berada pada tahap defisit sejak tahun 1990-an dan keadaan ini tidak menghalang negara daripada terus membangun. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu memastikan kewangan negara sentiasa berdaya tahan untuk menghadapi sebarang krisis ekonomi pada masa hadapan.

Ini kerana apabila hutang negara terkawal, ia akan beri keyakinan kepada pelabur untuk terus melabur di negara kita khususnya dalam pasaran modal atau *capital market*.

Sebaliknya jika penarafan kedaulatan negara atau *sovereign rating* diturunkan, ia akan memberi implikasi kos pinjaman yang meningkat dan memberi tekanan kepada nilai mata wang negara. Justeru itu, pasaran modal seperti ekuiti dan bon akan terjejas. Semua ini akan membawa kepada kemudaratan rakyat akhirnya.

Semestinya langkah transformasi fiskal ini termasuk rasionalisasi subsidi adalah untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan kerajaan. Pada masa ini kebanyakan negara telah mengambil langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka. Namun Malaysia mengambil pendekatan secara beransur-ansur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama berupaya mengekalkan kesejahteraan rakyat.

Sebenarnya langkah rasionalisasi subsidi adalah perlu kerana perbelanjaan subsidi semakin meningkat. Misalnya pada tahun 2010, kerajaan telah membelanjakan RM23.1 bilion atau 15% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus untuk membiayai subsidi, bantuan dan insentif. Manakala pada tahun 2013, hanya dalam tempoh tiga tahun sahaja jumlah tersebut telah melambung kepada RM43.3 bilion atau 21% daripada perbelanjaan mengurus.

Peningkatan ini adalah selari dengan kenaikan harga minyak mentah dunia dan pertambahan jumlah bilangan kenderaan.

■1010

Pemberian subsidi yang begitu besar akan menjejaskan kedudukan kewangan negara dan menyebabkan ianya tidak *sustainable* dalam jangka masa panjang. Oleh itu, pembaharuan fiskal adalah penting untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit

fiskal pada paras 3.5% kepada keluaran dalam negeri kasar pada tahun ini, 3% pada tahun 2015 dan bajet berimbang atau *balance budget* pada tahun 2020 tercapai. Komitmen tersebut adalah penting untuk memastikan agar paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan menjamin kemapanan fiskal jangka panjang negara.

Makanya, langkah rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi juga mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya sebahagian daripada penjimatan rasionalisasi subsidi akan digunakan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan yang dapat meningkatkan kapasiti produktif negara seperti pembinaan infrastruktur pengangkutan termasuk jalan-jalan luar bandar dan bandar, hospital dan perumahan. Selain itu kerajaan akan dapat membina lebih banyak sekolah, institusi pendidikan serta latihan yang amat diperlukan dalam pembangunan modal insan.

Jadinya, penjimatan yang sebahagian lagi pula akan dipulangkan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mereka yang mudah terjejas sebagai kesan kenaikan kos sara hidup dapat imbangi. Hasilnya, kerajaan telah meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M dalam Bajet 2014. Semestinya pelaksanaan program BR1M akan diperkemas lagi supaya ianya memberi manfaat yang terbaik kepada rakyat pada masa yang akan datang.

Kerajaan akan terus memberi subsidi bagi barangan keperluan dan perkhidmatan asas seperti subsidi harga beras, subsidi minyak masak, subsidi kadar elektrik bagi penggunaan bulanan RM20 ke bawah dan subsidi kadar tol. Tambahan pula insentif hasil tangkapan nelayan dan insentif pengeluaran padi juga diteruskan. Berkait itu, terdapat bantuan lain yang diterima secara terus oleh rakyat, antaranya bantuan persekolahan, bantuan makanan dan minuman, bantuan buku teks dan baucar buku.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan bantuan kepada golongan Orang Asli, subsidi pengangkutan negara ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Contohnya pada tahun 2014, sebanyak RM39.4 bilion atau hampir 20% daripada perbelanjaan mengurus kerajaan diperuntukkan untuk subsidi insentif dan bantuan kepada rakyat. Di samping subsidi dan bantuan terus, kerajaan terus-menerus memberi bantuan dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran paling minimum atau percuma. Antara contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan sedar akan kepentingan menjelaskan Program Transformasi Fiskal kepada rakyat. Sejak September 2013, kerajaan tidak pernah berhenti memberi penjelasan mengenai rasional langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara

khususnya rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan, GST serta inisiatif bagi mengurangkan beban rakyat kesan daripada FTP ini.

Penjelasan tersebut tidak terhad di dalam Dewan yang mulia ini sahaja malahan telah diperluaskan ke seluruh negara melalui pelbagai media massa. Ini termasuk penjelasan yang telah dan sedang dilakukan melalui siri ceramah dan taklimat di seluruh negara dengan kerjasama persatuan-persatuan pengguna dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya langkah-langkah yang telah dinyatakan tadi jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa komited untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara dengan melaksanakan pelbagai langkah pembaharuan demi kesejahteraan rakyat. Semua langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kesungguhan Yang Amat Berhormat Dato' Sri dalam berusaha dengan begitu gigih sekali bagi memperbaiki kehidupan rakyat dengan memberikan berbagai-bagai pertolongan [*Tepuk*]

Saya sedar, tidak mudah untuk Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebagai Perdana Menteri untuk menguruskan dengan izin, *the delicate balance* di antara memberikan bantuan kebajikan kepada rakyat dan juga insentif dalam masa yang sama untuk menguruskan ekonomi negara terutamanya untuk menambahkan lagi pendapatan. Dalam masa yang sama kita juga berhadapan dengan termasuk untuk merasionalisasikan subsidi dan juga memperkenalkan GST.

Di satu pihak, kita dapat lihat BR1M mengundang banyak kritikan walaupun sebenarnya ia telah banyak meredakan keresahan rakyat hasil daripada kenaikan harga barang. Di satu pihak pula rasionalisasi subsidi ini sebenarnya telah sedikit sebanyak menyebabkan kenaikan harga barang dan kos sara hidup dan dalam masa yang sama apabila GST diperkenalkan nanti bukan sahaja akan menambah beban bahkan kita bimbang peningkatan pendapatan tidak secepat ataupun sepantas kenaikan kos sara hidup.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan akan melihat semula apa juga dasar dan program seperti isu-isu yang saya sebut tadi untuk menambah baik kerana kita mahu melihat apa juga dasar yang telah diperkenalkan nanti betul-betul menepati dan kita hendak dalam masa yang sama dapat meningkatkan pendapatan isi rumah.

Keduanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri tentang rasionalisasi subsidi ini. Rasionalisasi subsidi sebenarnya telah banyak mengambil hasil daripada kerajaan [*Dewan riuh*] Janganlah kacau kita hendak tanya perkara benar. Perkara yang hendak diketahui oleh rakyat [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas subsidi melonjak sampai RM45 bilion melebihi angka peruntukan untuk pembangunan.

Akan tetapi kita mahu melihat adakah kerajaan akan meneruskan rasionalisasi subsidi ini dan apa caranya dan bila masanya kerana kita tidak mahu rasionalisasi subsidi nanti tidak menepati golongan sasaran, itu yang pertama.

Keduanya, kita mahu melihat supaya ia tidak membebankan kepada rakyat dan kita mahu kalau boleh hasil daripada *saving* ini dapat benar-benar sampai kepada golongan yang tertentu. Terima kasih [*Tepuk*]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah jelaskan, kerajaan adalah komited untuk meneruskan dasar rasionalisasi subsidi. Ini bukan bererti bahawa kita menghapuskan subsidi sama sekali tetapi kita melakukan satu rombakan pada dasar di mana subsidi secara pukal ataupun *broad subsidy*, Tuan Yang di-Pertua berlaku banyak pembaziran dan ketirisan dan menguntungkan golongan berpendapatan tinggi lebih daripada golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Kebanyakan juga ketirisan kerana pelancong-pelancong dari segi minyak umpamanya dapat faedah dan penyeludupan pun boleh dikatakan amat besar berlaku pada masa sekarang. Oleh itu kita mesti menutup ketirisan ini sebab ketirisan ini merugikan rakyat. Oleh sebab itu kita melakukan pemindahan kepada subsidi bersasar termasuklah BR1M. Kita sedar bahawa BR1M ini perlu dilakukan penambahbaikan lagi. Memang ada hasrat kerajaan untuk berbuat demikian dan kita sedang mengkaji secara mendalam apakah langkah-langkah penambahbaikan yang sesuai dilakukan.

■1020

Saya ingin menyatakan juga Tuan Yang di-Pertua bahawa peruntukan untuk pembangunan setahun sekarang ini dalam lingkungan RM46 bilion walhal subsidi dan insentif tahun sudah mencecah RM43 bilion. Cuba bayangkan perbelanjaan negara— pembangunan sebanyak RM46 bilion, subsidi dan insentif sebanyak RM43 bilion. Sudah tentu ini merupakan satu perbelanjaan yang *lopsided*, Tuan Yang di-Pertua ataupun berat sebelah dan tidak wajar diteruskan kerana tidak boleh kita lakukan secara mampan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kerajaan apabila *revenue base* kita Tuan Yang di-Pertua, asas kewangan kita bertambah lagi, kita berhasrat untuk menambahkan lagi peruntukan pembangunan untuk negara kita. Ini kerana banyak tuntutan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan tambahan untuk kebaikan rakyat terutama sekali untuk Sabah dan Sarawak yang perlu kepada pembangunan infrastruktur tambahan, semestinya kita mesti tambah peruntukan pembangunan. Jadi inilah langkah-langkah selanjutnya yang akan dilakukan oleh kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah falsafah yang pokok untuk subsidi ini? Juga selain daripada ketirisan dan pembaziran, apakah kelemahan-kelemahan yang lain dan legasi daripada subsidi dan cara-cara untuk mengatasinya?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan dalam kita melakukan rasionalisasi subsidi kita mesti menentukan sistem jaringan kebajikan kita ataupun *social safety net* kita ini diperkukuhkan. Ini ialah untuk menjaga kebajikan

golongan-golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah kerana kalau kita tidak lakukan *social safety net* ini mereka akan menerima beban yang mungkin mereka merasai tekanan hidup atas sebab kenaikan perbelanjaan yang akan dialami oleh mereka.

Jadi kalau kita melakukan rasionalisasi subsidi kita menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan sebahagian daripada penjimatan itu kita perluas dalam bentuk *social safety net* kepada rakyat iaitu orang ramai dan di samping itu kita tambah lagi peruntukan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Dengan cara seperti ini negara akan mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan kita dapat melindungi kesejahteraan rakyat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kami terima baik pandangan kerajaan untuk mengusahakan dan mengadakan *balance budget* dan hal-hal sedemikian. Akan tetapi saya rasa *challenge* yang terbesar kepada kerajaan dan kepada rakyat negara ini adalah *leakages* di mana *arms length dealing* tidak dibuat dan di mana *Independent Power Producer* (IPP) mendapat subsidi yang tidak rasional langsung.

Dalam dasar kerajaan yang sedia ada yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat, saya hendak petik sedikit dari seorang pakar ekonomi yang mengatakan ini, *direct to the point*, "*Subsidy reduction makes good economic sense when there is overwhelming proof that part of the money doled out is not reaching the targeted groups. This base argument, while bitter for many, will make better sense if the government shows equal resolve in getting a handle on issues pertaining to leakages.*"

Jadi ini menjadi masalah yang pokok dalam hal ini. Jadi apakah usaha yang sedang dibuat oleh kerajaan, *short term* dan *long term* untuk mengatasi isu *leakages* dalam ekonomi kita. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menangani soal ini secara komprehensif. Jawapan saya tadi tertumpu kepada rasionalisasi subsidi tetapi seperti mana yang telah pun dinyatakan oleh kerajaan sebelum ini, kita juga melihat cara kita, perbelanjaan kita untuk memperoleh nilai atau *value* yang lebih tinggi umpamanya bagi projek-projek melebihi RM100 juta. Kita mengenakan *value base management* di mana satu projek itu akan dinilai dan kalau *valu*enya atau tambahan tidak ketara, kita kaji semula projek tersebut.

Dari segi perbelanjaan kerajaan untuk mengagihkan kontrak, kontrak-kontrak sekarang ini kita beri melalui tender secara terbuka atau tender terhad. Kalau tender terhad pun harga itu mesti harga yang mesti boleh diterima oleh kerajaan. Tidak semestinya automatik kita beri kepada mereka. Jadi dengan cara seperti ini mengetatkan dan menentukan *value base management*. Dari segi perbelanjaan kerajaan kita yakin bahawa kita boleh mengurangkan dengan ketaranya ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan.

2. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, sejauh manakah kejayaan program *Rural Business Challenge* (RBC) telah berjaya membantu belia luar bandar. Berapa ramai belia yang memperoleh faedah mengikut negeri.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk turut menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Libaran pada 3 April 2014, soalan nombor 69 memandangkan soalnya berkisar isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pertandingan *Rural Business Challenge 2012* telah berjaya mewujudkan hampir 400 peluang pekerjaan baru sama ada secara langsung mahupun tidak langsung terutamanya kepada belia luar bandar dengan jumlah pendapatan bulanan sebanyak RM700 hingga RM2,500 sebulan.

Di samping itu lebih 50 orang usahawan baru telah diwujudkan melalui pemenang-pemenang RBC ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 31 orang belia telah berjaya memenangi pertandingan ini sejak dua tahun penganjurannya bermula pada tahun 2012 di mana enam orang dari Perak, tiga orang masing-masing dari Selangor dan Pahang, tujuh orang dari Sabah, tiga orang dari Kedah, dua orang masing-masing dari Terengganu dan Kelantan, tiga orang dari Johor dan seorang masing-masing dari Melaka dan Pulau Pinang.

Pertandingan *Rural Business Challenge* ini telah berjaya menarik minat sejumlah 769 penyertaan dari golongan belia seluruh Malaysia semenjak dua tahun penganjurannya bermula dari tahun 2012. Daripada jumlah tersebut sebanyak 52 penyertaan datangnya dari Sabah sahaja di mana seramai tujuh orang daripadanya telah berjaya memenangi geran perniagaan berjumlah RM2.9 juta untuk makluman Yang Berhormat Libaran. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan objektif Program *Rural Business Challenge* ini. Saya nampak bahawa ia mempunyai objektif serampang dua mata iaitu mengurangkan penghijrahan dari luar bandar ke bandar dan satu lagi menghapuskan kemiskinan di kawasan luar bandar.

■1030

Walaupun program-program seperti ini dilakukan oleh kerajaan dan pihak kementerian tetapi saya nampak masih terdapat penghijrahan yang berleluasa daripada luar bandar ke bandar. Sebagai contoh kalau kita pergi ke kampung-kampung baru, kalau kita pergi rumah ke rumah, kita tengok yang masih tinggal di kampung-kampung baru ialah orang-orang tua, warga emas sahaja. Anak-anak muda, belia kita semua hendak berpindah pergi ke Kuala Lumpur, pergi ke Johor Bahru, pergi ke Singapura dan sebagainya. Jadi saya tidak tahu sama ada program-program yang dilakukan oleh kerajaan seperti program *Rural Business Challenge* ini sebenarnya benar-benar dapat menyelesaikan masalah penghijrahan ini. Sebab itu adalah objektifnya dan adakah kerajaan masih bercadang untuk meluluskan program-program seperti ini.

Saya juga ingin mengetahui selain daripada program *Rural Business Challenge* ini, apakah langkah-langkah kerajaan yang lebih kondusif untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik di kawasan-kawasan luar bandar dan saya juga merasakan bahawa apa jua program-program ataupun projek-projek yang dilakukan oleh kerajaan melalui pembangunan luar bandar, ialah tidak diberitahu kepada wakil rakyat. Wakil rakyat di kawasan itu sama ada ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri dia tidak tahu tentang projek-projek yang dilaksanakan. Saya rasa adalah baik kalau program-program seperti ini juga diberitahu kepada wakil rakyat supaya ia dilakukan secara bersama untuk pembangunan di kawasan luar bandar. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan cadangan saya itu. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, banyak soalnya.

Pertama yang saya hendak jawab berhubung kait dengan sama ada penghijrahan ini dapat kita lakukan supaya belia-belia khususnya, masyarakat luar bandar tidak akan ke dalam bandar. Fenomena penghijrahan ini bukan hanya dalam negara kita. Di banyak negara, tamadun manusia. Itu dalam Islam pun ada dan kita menggalakkan, bukan tidak digalakkan. Cuma kebimbangan kerajaan ialah bila mana kita dapati jumlah peratusan masyarakat luar bandar berhijrah ke dalam bandar itu semakin meningkat setiap tahun kerana kita sedar dan tahu tarikan dia banyak komponen dia yang telah membolehkan dan menarik masyarakat luar bandar ke dalam bandar selain daripada peluang perniagaan, peluang pekerjaan, hiburan, berbagai-bagai ya yang mereka dapati bahawa itu sebahagian komponen yang menjadi tarikan.

Kalau di negara Barat pula berbeza. Contohnya kalau di *United Kingdom*, sudah ada orang Inggeris yang berhijrah bukan dari bandar, berada di negara-negara Eropah lain, berhijrah sampai ke *France*, sampai ke *Europe* oleh kerana tekanan kos harga yang berada di *United Kingdom*, di London contohnya sudah meningkat begitu tinggi sangat. Jadi ini merupakan satu fenomena di peringkat antarabangsa.

Walaupun demikian pihak kerajaan dalam GTP yang kita hendak laksanakan ini, empat komponen yang cukup penting kepada kita iaitu inisiatif Kerajaan Persekutuan bersekali dengan kerajaan negeri. *It must be Federal and State driven* program yang ada seperti yang kita lakukan koridor *development* yang ada dan juga termasuk beberapa program seperti agropolitan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan menerusi KKLW. Banyak lagi inisiatif di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri ya termasuklah masalah air yang kita hadapi juga di Selangor. *It is nothing to do with politic* tapi kita hendak bantu negeri Selangor. Itu yang kita bagi peruntukan berbilion ringgit menghadapi masalah ini kalau sudah diselesaikan lebih awal, tiga tahun saya ingat masalah air di Selangor ini dapat diatasi.

Yang keduanya dari segi persoalan sama ada manfaat yang diberikan kepada masyarakat belia khususnya kerana ini objektif yang kita hendakkan kerana ini merupakan tenaga yang cergas *very dynamic, very educated some of them* yang kita katakan dengan izin,

belia-belia yang sudah ada kelulusan dan ada minat mereka yang berkecimpung dalam dunia perniagaan yang kemungkinan perlu bantuan masalah dari segi *financing*, masalah dari segi *marketing*, masalah dari market *linkages*, masalah dari segi *branding* yang ada dan ini perlu dorongan dan bimbingan daripada pihak kerajaan untuk membolehkan mereka dapat kita lonjatkan dan itu yang saya sebutkan tadi. Tarikan yang ada *alhamdulillah* sudah pun meningkat.

Pada tahun ini saja kita mula daripada *insya-Allah* 1 April kita pelawa tapi akan berakhir pada 30 April ini dan ada 3,000 minat yang dilahirkan oleh usahawan-usahawan daripada semua belia. Datangnya daripada bumiputera, daripada masyarakat Cina, masyarakat India, tapi kita akan tapis mereka ya berdasarkan bukan oleh kerana negerinya, bukan oleh kerana kaumnya, *quality of project* yang mereka tampilkan, salurkan kepada pihak KKLW untuk membolehkan kita dapat menapis. Pertama ialah supaya kita boleh lonjatkan perniagaan mereka ya, *profit* ya yang mereka boleh tambah daripada perniagaan yang awal. Keduanya dari segi *job's opportunity* ya, peluang pekerjaan yang mereka akan lahirkan dalam pertandingan ini menjadi kriteria yang kita tekankan.

Ketiganya daripada segi *business chain* ya, *supply chain* yang ada, peluang-peluang perniagaan yang mereka akan lahirkan di peringkat luar bandar. Ini merupakan di antara komponen yang kita tekankan seperti mana kita hendak pastikan supaya pemenang-pemenang, contohnya seorang pemenang, Hazelin yang mengeluarkan coklat daripada negeri Kedah, Sungai Petani di situ dan saya dapati anak-anak yang dibimbingnya, anak-anak OKU pun ada dan saya berkesempatan untuk melawat projek ini dan tempiasnya kepada belia-belia itu cukup besar ya.

Mungkin kepada kita di bandar tidaklah besar sangat. Ada yang dahulu tidak ada kerja langsung, sudah dapat peluang perniagaan, sudah dapat gajinya RM700 sehingga RM2,500 dan kita tidak kisah yang ianya kawasan pembangkang, tidak pembangkang kah, Sungai Petani punya Ahli Parlimen ada sini tapi niat kita ialah untuk membantu masyarakat luar bandar supaya kita dapat imbangi pembangunan yang ada dan mengelakkan penghijrahan masyarakat luar bandar ke dalam bandar ini walaupun ia bukannya kerja yang mudah untuk kita hendak halang kerana tarikan kemudahan-kemudahan pelbagai di peringkat bandar ini cukup besar ya.

Itu yang kita hendak kan. Kita pun berhadapan dengan masalah di dalam bandar itu *congested* dengan tekanan memerlukan perumahan, memerlukan pengangkutan, berbagai-bagai. Jadi untuk mengurangkan bebanan itu, kita perlu mengimbangi dari segi pembangunan yang ada. Ini merupakan di antara komponen yang kita sedang lakukan. Yang keduanya dari segi empat komponen tadi. Koperasi, kita galakkan di peringkat luar bandar ya dan *Rural Business Challenge*, ini di antara perkara ada empat komponen yang kita tekankan dalam program GTP untuk membolehkan supaya pembangunan kawasan luar bandar dapat kita tingkatkan dan kita akan teruskan.

Soalan yang akhir kita akan teruskan pertandingan ini sebagai satu dorongan dan galakan dan juga membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dengan projek-projek yang

pelbagai ya, bukan hanya daripada sudut pertaniannya bahkan juga dari industrinya, dari segi pelancongannya, itu sebahagian daripada sektor-sektor yang kita galakkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir hari ini dalam sesi soal jawab.

Pertama sekali saya hendak ucapkan syabas dan tahniah di atas kemenangan di Balingian kerana kerja kuat Yang Berhormat Dato' Seri sebagai Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab di sana. Keduanya saya ucapkan syabas dan tahniahlah kepada kementerian kerana dapat melakukan satu lagi transformasi iaitu program *Rural Business Challenge*. Saya di sini sudah semestinya saya hendak memperjuangkan rakyat saya di Baling dan khususnya di Sik, Padang Terap dan sebagainya. Rakan-rakan di Grik. Ini berkaitan dengan harga getah. Kalau Yang Berhormat Menteri sedia maklum, saya pun sudah terima beberapa jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan kekangan yang kita hadapi di kawasan khususnya kawasan besar pekebun-pekebun kecil getah seperti kawasan saya di Baling. Yang Berhormat Parit Sulong pun hendak tambah.

Jadi saya ingin bertanya soalan dengan Yang Berhormat Menteri, adakah cadangan Yang Berhormat Menteri boleh memperluaskan iaitu *Rural Business Challenge* Yang Berhormat Menteri sendiri sebutkan tadi agar akan memperluaskan lagi. Bukan setakat beri peluang kepada anak-anak muda. Saya ingin bertanya soalan sama ada, ada tidak bantuan kepada pekebun-pekebun kecil getah ini. *We have another alternative*, dengan izin, peluang yang satu lagi, peluang kedua untuk mereka melaksanakan perniagaan-perniagaan kecil untuk menampung sara hidup mereka kerana kita tahu harga getah sedang merudum turun sehinggakan kawan-kawan sebelah sana hendak buat satu program besar-besaran di Baling. Selamat datanglah pada 5 hari bulan ini mereka hendak buah himpunan kononnya harga getah tidak dapat dikawal oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi soalan saya bagaimana kaedah Kementerian Luar Bandar, kerjasama dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi boleh bekerjasama bagaimana untuk mengangkat martabat, memberi ruang dan peluang kepada rakyat khususnya di Baling yang sedang menderita dalam konteks harga getah yang begitu turun dengan dahsyatnya. Tidak ada bantuan. Terima kasih.

■ 1040

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya sebutkan tadi di antara langkah-langkah GTP yang dilakukan oleh kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri perlu bekerjasama dengan rapat untuk memastikan kita boleh membangunkan kawasan-kawasan luar bandar.

Kita sedar dan tahu komponen komoditi ini merupakan satu komponen yang harganya kita tidak boleh tentukan. Ia ditentukan oleh pasaran antarabangsa. Ia agak tidak menentu dari

semasa ke semasa apatah lagi dalam keadaan bukan hanya ekonomi dunia yang semakin mencabar. Di Eropah khususnya di antara negara-negara yang permintaannya cukup tinggi. Bahkan juga dalam keadaan cuaca yang semakin berubah tidak menentu, sudah pasti hasil keluaran produktiviti getah juga akan ada implikasi.

Maka dengan itu pihak kerajaan dari semasa ke semasa membantu masyarakat pekebun kecil kita bukan hanya daripada sudut kita katakan *mitigate*, dengan izin supaya tekanan bilamana harga ini menurun, langkah-langkah pergi mana? Memastikan supaya ada *cushioning*, tekanannya tidak akan membebankan masyarakat pekebun kecil kita. Bantuan pelbagai yang diberikan oleh pihak kerajaan. Antaranya subsidi baja yang kita beri bantuan, latihan-latihan, pendekatan bagaimana supaya torehan dan benih-benih getah contohnya yang kita hendak pastikan supaya klon-klon yang bertepatan bersesuaian dapat kita tanam kerana *geography position* dalam negara kita ini ada sesetengah negeri yang tidak sesuai kita tanam getah, ada sesetengah negeri bersesuaian untuk tanam getah.

Akan tetapi malangnya oleh kerana keadaan cuaca yang begitu tidak menentu, saya yakin Yang Berhormat Baling pun akan berhadapan dengan masalah produktiviti kemungkinan. Pihak kementerian sedang mengambil beberapa langkah bersekali dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk memastikan supaya kita mengurangkan bebanan pihak pekebun-pekebun kecil. Satu jangka pendeknya dan satu jangka panjang. Ini saya ada utarakan kepada pihak pimpinan atasan kita dan kita tunggu bagaimana langkah-langkah yang saya yakin boleh mengurangkan...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ada pekebun kecil dan penoreh getah. Ada dua kategori Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya tahu. Pasal pekebun kecil ini ada yang menoreh, ada pekebun kecil yang memiliki tanah tetapi dia tidak toreh, dia bagi sub kontrak kepada orang-orang lain. Ini merupakan hampir 245,000 tetapi yang sebenarnya 325,000 pekebun kecil di seluruh negara kita. Hampir lebih daripada 70% merupakan penoreh yang milik sendiri manakala yang lain pekebun memiliki tanah itu juga merupakan penoreh.

Insyallah Yang Berhormat Baling, pihak kerajaan akan mengambil langkah-langkah. Bayangkanlah ini usaha kerajaan yang sedang kita lakukan dalam keadaan harga komoditi menurun, subsidi yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, pihak kerajaan akan mengambil langkah-langkah.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Baling jangan bimbang sebenarnya. Jadi saya berharap sungguh kepada pekebun-pekebun kecil bersabar. Kita akan lakukan yang terbaik untuk mengurangkan bebanan mereka. Janganlah ikut langkah-langkah yang boleh memudaratkan, yang tidak akan boleh menyelesaikan sebarang masalah. Apa yang penting kepada kita ialah pastikan supaya kita sambut saranan pihak kerajaan sebenarnya yang boleh memberi manfaat jangka panjang kepada pekebun kecil ini. Terima kasih banyak.

3. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, perincian usaha pelaksanaan konsep kecekapan tenaga (*energy efficiency*) di bangunan-bangunan kerajaan. Selain daripada penggunaan *gas district cooling*, apa lagi strategi dan kaedah yang diguna pakai.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kepala Batas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan secara berterusan berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan tenaga di bangunan-bangunannya. Dalam meneruskan usaha ini, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Kontrak Prestasi Tenaga atau dengan izin, *Energy Performance Contract* (EPC).

EPC merupakan satu *business model* bagi mencapai pengurusan tenaga yang cekap di bangunan-bangunan kerajaan. Pelaksanaan EPC akan melibatkan pihak swasta iaitu *Energy Services Company*, ESCO dengan izin. Pelaburan dan jaminan penjimatan tenaga melalui EPC ini akan ditanggung sepenuhnya oleh ESCO. Pembayaran balik kepada pelaburan ESCO akan dibuat melalui jumlah penjimatan sebenar yang diperoleh daripada penjimatan bil elektrik sesebuah bangunan berdasarkan kepada perjanjian perkongsian yang dipersetujui antara ESCO dan agensi kerajaan yang terlibat. Pelaksanaan EPC yang berkesan dipantau oleh Suruhanjaya Tenaga melalui pendaftaran ESCO serta khidmat nasihat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha bagi meningkatkan penjimatan kos utiliti tenaga di bangunan-bangunannya dengan pelaksanaan Audit Tenaga dan *retrofit* kecekapan tenaga. Dalam tahun 2014, Audit Tenaga bagi mengenal pasti potensi penjimatan akan dilaksanakan di bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Manakala aktiviti *retrofit* kecekapan tenaga akan dilaksanakan di bangunan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia.

Kerajaan juga telah memutuskan supaya bangunan-bangunannya melaksanakan penjimatan bil tenaga sebanyak 5% pada tahun 2014. Pencapaian penjimatan ini merupakan salah satu *Key Performance Indicator* atau KPI dengan izin, kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan ketua perkhidmatan. Manakala KeTTHA akan memantau pelaksanaan usaha ini. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Banyak perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri yang saya hendak tanya dalam soalan tambahan. Ia juga memberi kelegaan kepada saya apabila kerajaan telah menggunakan EPC dan juga Audit Tenaga kepada kementerian-kementerian kerana ini amat penting.

Energy efficiency ini sebagaimana yang pernah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia boleh menyumbang kepada penjimatan dan sekali gus membawa kepada

penambahan GNI atau *Gross National Income* sebanyak RM14 bilion *by 2020* kalau ia dilaksanakan secara cekap.

Kebanyakan bil elektrik kerajaan atau pun penggunaan tenaga yang dibuat pada waktu ini yang mungkin belum sampai ke tahap piawaian yang begitu cekap adalah amat tinggi. Antaranya Kementerian Kesihatan sahaja pada tahun 2012, kadar bil elektrik adalah RM115 juta. Itu tidak mengambil kira hospital-hospital kecil dan juga klinik-klinik kecil.

Jadi saya hendak tanya, daripada jawapan yang diberi oleh Menteri tadi dengan pengenaan 5% penjimatan oleh setiap kementerian, apakah kementerian tidak mahu melihat ada negara-negara tertentu yang menggunakan satu *master plan* yang lebih berkesan? Antaranya Australia yang menggunakan EEGO atau *Energy Efficiency In Government Operation Policy* yang telah meletakkan KPI mereka 25% setiap kementerian. Setiap tahun kementerian-kementerian tersebut akan memberi laporan tentang berapa banyak penjimatan yang berlaku dan dimasukkan juga ke dalam laporan Ketua Audit Negara yang mana sekali gus penjimatan ini juga merupakan secara langsung atau tidak langsung sebagai pendapatan tambahan kepada kerajaan. Saya rasa *moving forward* untuk menjadi *develop nation*. Saya rasa ini adalah pendekatan yang baik.

Saya hendak tanya Menteri, apakah pihak kerajaan dan kementerian tidak berhasrat untuk menjadikan ia sebagai salah satu komponen penting *master plan* dan sekali gus komponen penting dalam *national austerity policy* atau dasar penjimatan negara. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas atas cadangan yang begitu baik tadi. Beberapa perkara yang dibangkitkan saya sentuh dua sahaja. Satu dari segi peratusan 5% yang telah pun dilaksanakan dan pihak kita sedia maklum di dalam perkara ini bahawa ini sudah mulai berjalan. Penjimatan seperti mana yang disentuh tadi amat tinggi jika ini dapat dilaksanakan dan ini telah ditetapkan sebagai KPI KSU-KSU bagi tahun ini.

Bagi dua bulan yang baru lepas setelah ini dilaksanakan, daripada 25 kementerian misalnya yang telah pun mula mengambil langkah-langkah penjimatan, saya melihat bahawa keberkesanannya adalah begitu bukan juga memuaskan tetapi melihat sesuatu yang boleh dikatakan telah mulai banyak implikasinya dari segi penurunan bil-bil elektrik.

■1050

Misalnya, Kementerian Wilayah Persekutuan menurun bilnya pada bulan Januari berbanding bulan sebelum itu dengan 19%. Satu lagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menurun 16.4%, Kementerian Pengangkutan menurun 13.8% dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang menggunakan banyak *aircond* kerana banyak komputer-komputer sistem di situ 12%. Jadi nampaknya daripada segi itu pun mulai ketara keseluruhannya.

Daripada segi sentuhan tadi mengenai dengan *master plan*, saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kita telah meneliti sebenarnya *the Australian case*, dengan izin.

Kita dalam peringkat terakhir untuk melaksanakan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga bagi negara kita. Ini dijangka boleh menjimatkan sejumlah 50,000 gigawatt dalam tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Dia terlewat sedikit kerana pada mulanya ada cadangan asal untuk menjadikan dia satu undang-undang. Akan tetapi apabila kita telitikan bahawa perihal mengenai dengan *master plan* ataupun Tindakan Kecekapan Tenaga boleh dimasukkan dalam akta sedia ada iaitu akta *Electricity Supply Act 1990* kerana di bawah empat seksyen di situ yang membolehkan Menteri untuk memasukkan perihal standard, *specification* dan *practices* yang boleh menurunkan atau meningkatkan kecekapan tenaga.

Jadi setelah ini sudah selesai, maka Pelan Kecekapan Tenaga ini kita bercadang untuk lancarkan dalam beberapa bulan ini setelah taklimat-taklimat diberi. Dengan itu, piawaian-piawaian yang ditetapkan serta *company regulation* telah selesai disediakan. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri tanya soalan kepada Menteri. Di sini saya hendak tanya Menteri, adakah mencapai sasaran kerja dalam pelaksanaan konsep kecekapan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan? Jika tidak mencapai, siapa yang bertanggungjawab? Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Bakri, terima kasih tetapi sebahagian itu saya telah jawab tadi. Dari segi sasaran 50% penurunan dari segi tahun 2014 ini di bangunan-bangunan kerajaan, saya katakan tadi pegawai yang bertanggungjawab adalah KSU sendiri di setiap kementerian sebagai sebahagian daripada KPI mereka. Saya dalam masa itu, saya ingin mengatakan ini bahawa sebenarnya bagi *monitoring* kita untuk 105 buah bangunan kerajaan dari segi penjimatan tenaga, saya ingin katakan di sini bahawa daripada segi 12 buah bangunan di Putrajaya, *target* penjimatan pada waktu itu adalah 10% tetapi sebenarnya mereka telah mencapai 11.7%.

Bagi 93 buah bangunan yang di luar daripada Putrajaya, 46 bangunan telah mencapai penjimatan elektrik sebanyak 8%, manakala 47 bangunan lagi telah menunjukkan peningkatan penggunaan elektrik sebanyak 6.5% iaitu tiada penjimatan. Pihak SEDA dan pihak kementerian sedang meneliti semuanya ini dan juga ingin mencari jalan untuk membantu kementerian-kementerian tersebut kenapa tidak mencapai sasaran dari segi menurunkan kadar penggunaan bil elektrik mereka.

Antaranya Tuan Yang di-Pertua adalah perihal penubuhan Jawatankuasa Pengurusan dan Kecekapan Tenaga peringkat kementerian belum lagi dikemas kini. Ini antara sebab-sebab juga di beberapa tempat bangunan-bangunan sudah tua, jadi hendak buat perubahan untuk menjimatkan tenaga itu mahal dari segi litofit dan seterusnya. Jadi ini antaranya halangan-halangan bagi kementerian ataupun jabatan yang belum mencapai sasaran. Pihak Kementerian KeTTHA dan SEDA dan ST, kita akan pantau untuk membantu mencapai penjimatan yang lebih memuaskan. Terima kasih.

4. **Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah kes kecurian mesin ATM sehingga Disember 2013.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penggunaan *automatic teller machine* (ATM) mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1981. Mengikut rekod polis, kes kecurian mesin ATM, Tuan Yang di-Pertua, mesin itu sendiri yang dicuri, yang dilaporkan pada tahun 2012 adalah sebanyak dua kes dan pada tahun 2013 pula sebanyak lima kes. Manakala statistik kesalahan berkaitan dengan mesin ATM iaitu kecurian, buka, pecah dan sebagainya itu, pada tahun 2012 adalah sebanyak 54 kes dan pada tahun 2013 sebanyak 78 kes. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Pelik tetapi benar ATM yang besar dan berat ini pun orang boleh curi. Persoalan saya ialah adakah kes kecurian mesin ATM ini membabitkan juga pengawal keselamatan yang tidak memenuhi piawai sebagai anggota keselamatan, terutamanya yang membabitkan pengawal keselamatan itu dari kalangan tenaga-tenaga buruh asing. Kalau masih ada, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terhadap penggunaan pengawal keselamatan itu dari kalangan orang-orang asing dan juga yang tidak memenuhi piawai sebagai anggota keselamatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita membuat persediaan untuk menjawab berhubung dengan *teller machine* ATM tetapi soalan Yang Berhormat ini berhubung dengan pegawai anggota keselamatan. Akan tetapi walau bagaimanapun, bahawa kementerian sedang mengkaji semula dan membuat *a vetting* dan juga membuat *auditing* kepada semua syarikat kawalan keselamatan di negara ini. Dalam keadaan sedemikian, kita memastikan supaya setiap pengambilan anggota untuk menjadi ahli ataupun menjadi anggota syarikat kawalan keselamatan ini hanya dilantik daripada dua jurusan masyarakat iaitu yang pertama orang Nepal yang pernah mempunyai pengalaman ketenteraan dan yang kedua masyarakat setempat.

Dalam masa yang sama juga, pihak polis telah meminta pihak bank bekerjasama dengan pihak polis supaya tidak mengambil orang sewenang-wenangnya untuk menjadi penjaga keselamatan ataupun pengawal keselamatan di bank-bank mereka dan hanya mengguna orang-orang yang mendapat pengesahan daripada syarikat-syarikat yang telah diaudit oleh pihak KDN. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan kepada soalan ini. Apabila kita bercakap mengenai kecurian sama ada kecurian mesin ATM sendiri ataupun kecurian wang di dalam mesin ATM itu, kita dapati pelbagai modus operandi telah dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Antaranya yang dilaporkan apabila pihak polis

menahan pelancong luar negara pada akhir tahun lepas, katanya daripada Eropah. Ini yang mana dia datang ke negara kita ini dengan membawa satu dipanggil *skimming device*, alat yang diletakkan di mesin ATM itu yang boleh mengimbas nombor pin dan juga nombor kad ATM. Diletakkan di situ, kemudian dia buat klon kad ATM dan melalui itulah dia mencuri wang.

■1100

Keduanya, saya mahu tahu juga mengenai mungkin dasar kerajaan yang membenarkan penempatan mesin ATM di dalam *supermarket* ataupun *hypermarket* yang mana dua kes telah dilaporkan. Satunya, di *hypermarket Carrefour* di Wangsa Maju dan keduanya di *Giant* di Taman Permata. Pertamanya, melibatkan kecurian wang sebanyak RM1.17 juta dan kedua, sebanyak RM80,000.

Soalan saya, apakah dasar kerajaan mengenai penempatan mesin ini dalam *hypermarket* yang menjadi satu *temptation* ataupun dorongan untuk pencuri masuk dalam *hypermarket* itu dan mencuri duit daripada ATM itu. Pertama tadi, apa langkah kerajaan untuk mengesan ataupun mengambil tindakan agar perkara-perkara penipuan di ATM seumpama tadi terus dilakukan. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, soalan ini baik. Ada dua Yang Berhormat ya.

Pertama, berhubung dengan satu alat untuk mengimbas, macam mana boleh seseorang itu membaca kunci untuk *automatic teller machine* (ATM) itu. Akan tetapi dalam rangka pendapat polis, belum terdapat mesin-mesin ini diguna pakai untuk mencuri. Kes-kes yang saya sebutkan tadi iaitu berhubung dengan kes kecurian di ATM sebanyak 54 kes pada tahun 2012 dan 78 kes pada tahun 2013.

Jadi, dalam masa yang sama, kita juga mempunyai kepayahan untuk mengesan alat-alat sedemikian dibawa ke dalam negara ini. Ini kerana ia boleh dibawa dalam cara apa sahaja pun dan menggunakan kotak-kotak dan sebagainya serta diimport oleh pihak-pihak peniaga ke negara ini. Jadi, memang payah untuk polis, kastam, imigresen serta pihak-pihak penjaga sempadan kita, *borders security* kita, untuk menjaga alat ini masuk ke Malaysia. Saya menerima hakikat, Yang Berhormat.

Kedua, soalan Yang Berhormat berhubung dengan dasar kerajaan. Sebenarnya bukan dasar kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, untuk meletakkan di mana *teller machine* kita buat. Sebenarnya, ini adalah di antara pihak perbankan dengan syarikat-syarikat yang perlukan kemudahan-kemudahan ATM ataupun macam pasar raya dan sebagainya itu. Bank Negara yang memberi kebenaran untuk mereka meletakkan mesin itu apabila dipohon oleh dua pihak ini tadi. Jadi walau bagaimanapun, pihak Bank Negara pada tahun 2000 telah membuat garis panduan–garis panduan yang tertentu untuk menjaga keselamatan ATM ini. Umpamanya, tiap-tiap ATM yang dipasang itu mestilah mempunyai CCTV yang baik. Kedua, memasang sistem penggera yang ada di sana. Apabila mesin ini diganggu ataupun dibuka, ia akan berbunyi. Ketiga, supaya

mengambil langkah-langkah pemasangan tempat-tempat yang tertentu untuk mengelakkan dari percubaan kecurian dan menggunakan material yang lebih baik lagi.

Banyak lagi langkah-langkah yang telah dibuat. Kena kerjasama antara pihak Bank Negara juga pihak polis. Mengenal pasti premis-premis yang diminta oleh pihak bank kepada pihak-pihak kedai umpamanya, hendak mengadakan ATM ini. Sebenarnya, ATM ini untuk kemudahan orang ramai. Permohonan orang ramai juga diambil kira dan keselamatan itu juga diambil langkah kira. Langkah-langkah yang boleh mengurangkan sumber kewangan yang diletak di dalam ATM itu sendiri. Jangan banyak sangat wang disimpan di sana. Lokasi ATM itu sendiri juga ditentukan di antara pihak bank dan juga pihak tuan punya premis. Juga menasihatkan supaya menggunakan satu-satu ATM mesin yang payah hendak dibuka menggunakan kuasa bateri bagi memastikan sistem penggera dan CCTV beroperasi walaupun tanpa bekalan elektrik. Ia mempunyai generasi sendiri, kuasa sendiri.

Pemasangan penggera api berdekatan ATM juga mengesan rompakan dan menggunakan *oxikata*, prosedur penghantaran wang oleh syarikat-syarikat keselamatan perlu dikaji semula oleh pihak institusi perbankan supaya tidak ada kebocoran maklumat kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jadi Yang Berhormat, dalam masa yang sama polis juga telah memberi laporan kepada pihak Bank Negara iaitu kelemahan-kelemahan yang didapati iaitu umpamanya CCTV yang menggunakan bukan *high definition* gambar. Ini juga telah diberitahu kepada pihak perbankan. Lokasi penempatan mesin ATM yang terpencil, kurang sesuai. Ketiga, kurang kawalan keselamatan. Struktur pembinaan mesin ATM tidak kukuh. Umpamanya dahulu Yang Berhormat, kita letakkan mesin ATM di atas satu tempat yang mana boleh disodok di bawahnya supaya diangkat ke dalam lori dan dibawa keluar. Akan tetapi sekarang ATM mesin itu mestilah diletak di atas satu tapak yang mana tidak boleh disodok sedemikian sahaja.

Keempat dan kelima iaitu kurang pencahayaan. Jadi Yang Berhormat, ada satu lagi. Semenjak penangkapan dua kumpulan. Satu, di Johor yang dijangka polis telah menyelesaikan 28 kes kecurian *teller machine* dan juga penangkapan satu kumpulan di Kuala Lumpur. Fakta-fakta ada menunjukkan bahawa kecurian ATM ini amat berkurangan sebab penangkapan dua kumpulan yang tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana dasar dan program transformasi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan berhasil mencapai matlamat yang dikehendaki dan bagaimana pula tahap pemahaman dan penerimaan rakyat terhadapnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, agenda transformasi nasional bertujuan untuk meningkatkan gerakan usaha bersepadu bagi menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi

menjelang tahun 2020 dengan mengekal dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat berteraskan lima program utama iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Politik serta termasuk yang paling terkini seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri sebentar tadi di Dewan ini iaitu Program Transformasi Fiskal.

Pelaksanaan agenda transformasi nasional ini pula diperkukuhkan dengan tujuh bidang keberhasilan utama, 12 bidang keberhasilan ekonomi negara dan enam inisiatif pembaharuan strategik. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dan telah banyak yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, agenda transformasi nasional ini adalah program berterusan. Namun begitu, antara pencapaian agenda transformasi nasional yang dapat saya kongsi di Dewan yang mulia ini adalah seperti berikut.

Pertama, peningkatan sistem penyampaian dan kecekapan di sektor perkhidmatan awam. Kedua, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita negara telah meningkat daripada USD7,059 pada tahun 2009 kepada USD10,060 pada tahun 2013. Manakala sejak tahun 2009, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat secara puratanya sebanyak 5.7% setahun.

Selain itu, negara telah berjaya menarik pelaburan swasta secara berterusan dalam tempoh tiga tahun yang lepas. Mencatatkan kadar pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak tiga kali ganda semenjak ETP dilancarkan iaitu peningkatan sebanyak 15.31% bagi tahun 2010 hingga 2013 berbanding 4.7% bagi tempoh 2008 hingga 2010. Ini menyaksikan pelaburan swasta melebihi sasaran awal iaitu sebanyak RM148.4 bilion dengan mencapai sejumlah RM161.12 bilion di mana mencatatkan lebih sasaran sebanyak 8.6%.

Melalui program NKRA mempertingkatkan pembangunan luar bandar. Seramai 4.5 juta penduduk luar bandar berjaya memperbaiki mutu kehidupan mereka melalui peningkatan akses kepada keperluan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih, jalan berturap dan rumah berkualiti.

■1110

Manakala dalam bidang pendidikan pula, enrolmen prasekolah meningkat daripada 71.5% kepada 81.7% di mana sebanyak 5,825 prasekolah baru dan 2,525 pusat penjagaan kanak-kanak baru telah dibuka. Pada tahun 2013, seramai 34,552 pelajar prasekolah daripada keluarga berpendapatan rendah telah menerima bantuan yuran daripada kerajaan berjumlah RM29.33 juta. Kerajaan amat menyedari bahawa Agenda Transformasi Nasional ini tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada semua pihak termasuk di kalangan pemimpin masyarakat, pihak swasta, NGO dan rakyat jelata. Justeru usaha memupuk pemahaman di kalangan rakyat kepada Agenda Transformasi Nasional ini sentiasa digerakkan.

Antara inisiatif yang dijalankan ialah hari terbuka di bandar-bandar besar dengan mengadakan pameran secara besar-besaran atau perbincangan secara berkelompok di peringkat negeri, sesi taklimat, perkembangan ETP dua kali setahun, *town halls*, dengan izin

ataupun sesi perjumpaan, pengiklanan dalam media cetak dan elektronik, rancangan di radio serta pengeluaran video, buku dan risalah. Ini tidak termasuk penggunaan media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook*. Usaha-usaha ini dilakukan dengan harapan ianya dapat memastikan semua pihak lebih memahami program-program yang sedang dijalankan. Terima kasih.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jelaslah menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa mencari jalan, berusaha memperkenalkan kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan baru dalam menerajui negara bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan membawa negara ke satu tahap yang lebih tinggi di masa hadapan.

Tadi pun Yang Amat Berhormat Pekan telah menjelaskan dengan terperinci dan terang. Jadi Yang Amat Berhormat Pekan selaku peneraju atau ketua utama negara, pemerintah jelas mempunyai *clarity of mind*, dengan izin tentang ke mana arah negara mahu dituju dan apa yang mahu dicapai untuk rakyat, yang baik untuk rakyat, yang baik untuk negara dengan memperkenalkan program transformasi yang mencakupi segala bidang yang terkini, yang politik, ekonomi dan sebagainya seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Jadi saya tentu percaya bahawa kerajaan mempunyai satu mekanisme atau kaedah pemantauan. Jadi soalan saya, apakah kaedah-kaedah yang diguna pakai bagi mengukur pencapaian program transformasi ini supaya ia bersifat saintifik, boleh diuji dan seterusnya boleh digunakan untuk menambah baik kepada semua program transformasi yang mencakupi pelbagai bidang ini kerana ia merupakan satu proses yang berterusan. Jadi mohon Timbalan Menteri memberi penjelasan tentang kaedah-kaedah dan mekanisme *monitoring* kepada program-program ATP kerajaan ini supaya kita dapat jelas dan faham dan akhirnya kita menerima laporan yang diberi petunjuk tentang kejayaan-kejayaan dan pencapaian tadi adalah benar dan ia merupakan sesuatu yang boleh diuji secara saintifik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Jawapan mudah. Pada saya ini ada satu buku yang dikeluarkan oleh EPU di mana semua kementerian dan jabatan yang telah pun bersetuju atas inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan akan diukur dan diberikan peratusan pencapaian. Mengikut perunding bebas, Frost & Sullivan yang membuat kaji selidik mengukur keberkesanan program transformasi ini telah memberikan sebanyak 82%.

Saya akan kongsi buku ini sebab sangat tebal dengan cara kaedah pengiraan yang mana tidak ada yang terlepas daripada sasaran yang diberikan. Saya rasa suka saya nyatakan di sini, Malaysia satu-satunya negara yang menetapkan tatapan sasaran kerja kepada kakitangan awam sebagai contoh untuk kita capai kerana saya setuju Yang Berhormat Jelebu, kita ada tugas, kita ada matlamat dan kita tidak mahu dilengahkan dan diganggu untuk mencapai matlamat tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun disebut tentang prestasi yang amat memberangsangkan tetapi mengapa bila kerajaan negeri termasuk daripada Pakatan Rakyat menyokong beberapa program transformasi yang diperkenalkan, ia tidak dilaksanakan. Sebagai contoh, satu pelan yang diambil inisiatif oleh Senator Dato' Sri Idris Jala tentang *Penang Conurbation Master Plan* di mana Pulau Pinang telah memberikan sokongan penuh dan banyak *lab* telah pun diadakan. Sungguhpun rumusan dibuat tetapi pelaksanaan sehingga sekarang sudah dua tahun tidak dilaksanakan langsung. Juga tentang beberapa program kerana kalau seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti mendapat sokongan daripada rakyat. Mengapa rakyat tidak dirunding atau dimaklumkan seperti beberapa projek di Pulau Pinang. Macam Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Butterworth diswastakan tanpa pengetahuan bukan sahaja rakyat tetapi juga Ahli-ahli Parlimen UMNO di kawasan tersebut.

Pelabuhan Pulau Pinang juga Tuan Yang di-Pertua, diambil alih oleh *Johore Seaport Terminal* yang dikuasai oleh Tan Sri Syed Mokhtar dibuat tanpa sebarang pengumuman oleh pihak Kerajaan Persekutuan, macam buat secara curi-curi. Kita lihat semalam, sekali lagi kenyataan yang dibuat oleh Malaysia Airports Berhad bahawa KLIA2 akan melebihi RM4 bilion iaitu sekali ganda lebih daripada kos asal RM1.7 bilion. Bukankah semua ini menunjukkan bahawa transformasi yang diuar-uarkan ini sebenarnya tidak mencapai sasaran yang disebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya menghormati Yang Berhormat Bagan tetapi kalau kita mohon tidak dapat, kita tidak boleh kata transformasi itu gagal. Saya hendak beri contoh tentang Pelabuhan Pulau Pinang yang disebut, ia dibuat secara tender terbuka, empat syarikat menyatakan minat, maafkan saya, tender terhad, empat syarikat menyatakan minat, hanya dua syarikat sahaja yang mengemukakan dan yang dipilih Johor Port itu merupakan yang terendah. Jadi kepada saya itu bukan satu persoalan.

Akan tetapi kalau hendak kata cadangan itu diberi, disokong dan mesti dijayakan, ada banyak sebenarnya cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang ada dan tidak semua dilaksanakan bergantung kepada tahap penilaian yang akan diberikan oleh pelbagai peringkat termasuk yang diumumkan ataupun diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pagi tadi.

Akan tetapi untuk mengatakan ia datang daripada pihak pembangkang atau negeri yang ditadbir oleh parti pembangkang, saya tidak berapa setuju. Saya ambil contoh e-tanah, e-tanah dilaksanakan di tiga negeri. Yang paling awal dibuat di Pulau Pinang. Yang Berhormat tahu tentang cerita ini, e-tanah dibuat di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan yang paling *advance*, yang paling baik di Pulau Pinang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Jadi pada saya, tidak timbul ia dicadangkan oleh kerajaan negeri pembangkang, kita di Kerajaan Pusat tidak mahu menjayakannya. Jadi saya rasa yang penting usaha kepada itu ada dan tidak semua yang kita minta perlu dipenuhi dan kalau tidak dapat tidak bermakna transformasi ini gagal. Kita buat untuk negara kita Malaysia, bukan untuk pasukan-pasukan tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, tarikh yang tepat berkenaan dengan pemindahan bazar larut malam *uptown* di Danau Kota.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, tiada tarikh tetap untuk memindah peniaga-peniaga di bazar larut malam Danau Kota. Dijangkakan tempoh projek siap selama dua atau tiga tahun kerana terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan seperti isu tanah dan reka bentuk pembangunan tapak baru. Lokasi yang dicadangkan mempunyai masalah pengambilan tanah di mana tanah tersebut adalah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan PTP. Terdapat dua kaedah yang boleh dibuat iaitu dengan pengambilan tanah atau pajakan daripada pemilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan tersebut dan ini memakan masa yang lama untuk diselesaikan. Sebaik sahaja tapak tersebut diperakui, maka pembangunannya pula mengambil masa dua tahun iaitu dari aspek penyediaan reka bentuk dan pembinaannya. Oleh yang demikian tiada tarikh yang tetap dapat ditetapkan bagi tujuan pemindahan bazar larut malam *uptown* tersebut, terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan dari Timbalan Menteri. Akan tetapi sebagai wakil rakyat di Wangsa Maju, jawapan ini langsung tidak boleh terima. Sebab ada satu perjumpaan di Putrajaya, Yang Berhormat Menteri Wilayah berjanji dalam jangka masa pendek perkara ini boleh diselesaikan. Sebab apa, ramai pihak bantah di sana dan langsung tidak boleh terima. Ini bukan cakap pihak politik. Saya hendak minta sebagai bekas Timbalan Menteri Tanah, perlu dua tahun menyelesaikan perkara tanahkah? Saya pun tidak faham. Sebab tadi kita dengar janji-janji manis dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini perkara kecil, perlu dua tahun selesaikah? Atau ada pihak politik campur tangan? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang dimaksudkan tadi bukannya jangka masa yang panjang untuk membina. Untuk membina kita perlukan masa lebih kurang dua tahun. Masalah adalah untuk mengambil tanah. Mengambil tanah ini memerlukan orang yang sedia ada ini kita perlu ubah, kita perlu memberi mereka pampasan dan sebagainya. Oleh itu kita perlukan masa

untuk menyelesaikan masalah tanah sebelum kita jalankan pembinaan bazaria ini. Oleh itu, yang Yang Berhormat katakan campur tangan orang politik, saya tidak tahulah. Kalau Yang Berhormat tahu sila bagi tahu. Sekian, terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan bahawa kalau kita lihat bandar-bandar pelancongan utama dunia khususnya di Turki, di *Morocco*, di Timur Tengah, di China, di India mempunyai bazar-bazar yang begitu besar, bazar-bazar *grand bazaar* atau dikenali dengan sauk. Jadi sebagai tarikan pelancongan yang begitu eksotik, kita faham bahawa masalah tanah di Kuala Lumpur.

Jadi saya ingin bertanya sebagai soalan tambahan, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan yang sedia ada untuk mewujudkan bazar-bazar bertema khususnya di kawasan-kawasan *reserve* ataupun di kawasan-kawasan terbiar di Kuala Lumpur, bukan sahaja untuk menarik pelancong tetapi untuk menambah pendapatan ekonomi penduduk-penduduk di Kuala Lumpur, terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang ada rancangan untuk membuka bazar-bazar baru dan juga menyediakan bagi tempat-tempat tarikan. Akan tetapi kebanyakannya di dalam tahap pengkajian. Oleh yang demikian kita akan menjalankan bazar-bazar ini apabila kita dapat selesaikan kajian ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Tuan William @Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, kenapa pembinaan projek berikut belum lagi bermula seperti projek Jalan Bukit Tungku-Sayat-Soh dan Seremat, Jalan Sayat ke Nanga Kumpang dan Jalan Engkili-Bukong dan Cangkul.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Jalan Bukit Tungku-Sayat-Soh dan Seremat, Jalan Sayat ke Nanga Kumpang dan Jalan Engkili-Bukong dan Cangkul sejauh 34.5 kilometer disenaraikan di bawah program Jalan Luar Bandar tahun 2014. Pembinaan ketiga-tiga projek ini melibatkan anggaran kos berjumlah RM22.46 juta.

Pada masa ini pihak kementerian dalam proses penganugerahan kontrak kepada syarikat yang berjaya dan dijangka pembinaannya akan dimulakan pada bulan Mei 2014. Sedikit kelewatan disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, masalah pengambilalihan tanah, yang keduanya kita baru mendapat kelulusan peruntukan tambahan 31 Mac 2014, terima kasih.

Tuan William @Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat agar menyegerakan projek khas di kawasan tersebut, tetapi saya tidak mahu kegembiraan ini akan menjadi kekecewaan nanti seperti pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar di kawasan saya sampai sekarang ini satu rumah panjang pun belum siap. Saya memohon supaya pemilihan

kontraktor-kontraktor itu betul-betul kontraktor yang berwibawa dan mempunyai kewangan yang cukup untuk menyiapkan projek ini nanti.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat, janji kita akan tepati. Masalah yang perlu kita fahami bahawa apabila kita melaksanakan beberapa prasarana di kawasan-kawasan luar bandar ini, bukan semudah seperti Yang Berhormat Gombak lihat atau orang-orang lain lihat. Ini kerana dia melalui- contoh macam hendak sambung bekalan elektrik di luar bandar. Dia kena melalui beberapa masalahnya, bukan hanya tanah-tanah yang perlu kita uruskan. Tidak semudah itu.

Ada langkah-langkah yang harus kita ambil pertimbangan. Masalah tanah, masalah penduduk yang ada dan ini di antara langkah-langkah. Saya memberi jaminan ya selaku Menteri yang diamanahkan, Yang Berhormat Lubok Antu kita akan mengatasi masalah ini dan kita akan selesaikan bukan hanya bekalan elektrik, bahkan juga jalan-jalan yang seperti yang kita sudah laksanakan, ya. Ini cuma 34 kilometer. Sedangkan di kawasan Kapit pun kita boleh sambung sampai ke Sibu yang menelan belanja hampir RM800 juta. *Insyaa-Allah*, ini kita akan laksanakannya, jangan bimbang sangat.

8. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kementerian mengeluarkan kelulusan daripada aspek keperluan piawaian kesihatan kepada Pasar Baru Cabang Tiga, Kuala Terengganu yang akan digunakan pada tahun 2014 ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Soalan ini adalah soalan spesifik berkenaan dengan Pasar Baru Cabang Tiga.

Untuk makluman Pasar Baru Cabang Tiga Kuala Terengganu mula dibina pada tahun 2010 dan telah siap pada Disember 2013. Pasar ini dijangka akan beroperasi pada tahun ini. Aspek keperluan piawaian kesihatan dan persekitaran yang dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ialah pencahayaan dan pengudaraan sesebuah premis berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu telah menerima permohonan kelulusan pelan bangunan pada 25 Mac 2010 dari Arkitek Low Wan Cheong. Pejabat Kesihatan Daerah Terengganu telah meneliti permohonan tersebut dan seterusnya memberi maklum balas kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu bahawa pihak pejabat kesihatan tidak mengesan apa-apa masalah berkaitan pengudaraan dan pencahayaan untuk pelan bangunan pasar tersebut.

Aspek piawaian kesihatan yang lain diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Surat sokongan untuk kelulusan pelan bangunan telah dikeluarkan kepada Arkitek Low Wan Cheong pada 18 April 2010. Kelulusan pelan bangunan tersebut telah dibuat oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat untuk kelulusan pelan pada 2 Jun 2010. Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan pihak

berkuasa tempatan dalam memastikan pembinaan bangunan awam adalah selamat dan tidak menjejaskan kesihatan orang awam dan petugas jabatan berkenaan, Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini pada awal bulan Mac, lebih kurang 100 orang umum telah menghadapi keracunan makanan yang menyebabkan seorang mati di Kuala Terengganu, di pasar malam. Juga pada awal bulan ini pihak peniaga pasar lama Cabang Tiga telah menerima notis untuk berpindah kepada pasar baru yang masih lagi belum operasi.

Soalannya di sini adalah pasar baru ini dibina di atas satu longkang yang terbuka di mana air atau arusnya tidak bergerak langsung, *stagnant water*. Bagaimanakah sebuah pasar di mana makanan, daging, sayuran dan sebagainya dijual dalam keadaan terdedah dapat dibina di atas longkang terbuka? Walhal kita tahu di Kuala Lumpur, cadangan *canal city* di atas Sungai Klang telah tidak diluluskan atas sebab sungai tidak boleh ditutup atau *waterway* tidak boleh ditutup atas sebab-sebab kesihatan.

Juga, aras air longkang ini dengan aras lantai pasar baru yang dibina ini adalah lebih kurang satu meter sahaja. Jadi dalam keadaan air pasang dan hujan lebat dan sebagainya, air longkang ini berkemungkinan besar pernah dan akan melimpah ke atas pasar di mana makanan akan dijual. Apakah pandangan dan risiko Jabatan Kesihatan nampak di dalam keadaan ini apabila pasar ini beroperasi sepenuhnya? Apabila pasar lama dirobuhkan kerana kita tahu bahawa JPS pun tidak bersetuju bagaimana sebuah pasar makanan boleh dibina di atas longkang terbuka. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini patut ditunjukkan kepada PBT sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua. Bidang kesihatan kita cuma melihat pencerahan dan juga pengudaraan. Ini yang kena mengena dengan Kementerian Kesihatan, yang lain adalah di bidang kuasa PBT, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tak boleh nak jawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 2 April 2014”.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2014

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Pertama]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.6, B7 [Jadual] -

Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Dalam Negeri yang dijadualkan di nombor 20 dinaikkan ke nombor tiga menggantikan giliran Kementerian Luar Negeri dalam susunan ringkasan Jadual

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014. Kepala Bekalan B.6 dan B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada Ahli bangun]

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa wang...

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Lambat Yang Berhormat berdiri. Sila.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lagipun yang ini token sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia memang *slow action*, Tuan Pengerusi tapi dia bergerak juga. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila.

11.34 pg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey. Ini di bawah Butiran 410200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. So saya harap Jabatan Perdana Menteri kaji balik kaedah mengambil pekerja kontrak di kementerian-kementerian lain juga seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan kerana pekerja-pekerja kontrak ada dapat banyak masalah dari segi *pension* mereka, dari segi pinjaman rumah, dari segi kenaikan gaji mereka. Ini miskin pekerja-pekerja biasa yang diambil sebagai kontrak kerana tiap tiga tahun bila kontrak diperbaharui, mereka hilang kerja mereka.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

So ini saya ingat satu isu yang harus dikaji kerana kita jimatkan duit untuk kementerian tetapi kita miskin satu kumpulan pekerja yang ramai juga, beberapa ribu orang yang kerja sebagai *cleaner* di hospital, sebagai *cleaner* di sekolah, *cleaner* di *land office*. Ini harus dikaji balik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

11.36 pg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sehubungan dengan itu, saya juga meminta untuk kementerian melihat balik bagaimana pekerja-pekerja kontrak- saya sambung di sini, bagaimana pekerja-pekerja kontrak ini diberikan janji. Lazimnya dia ada janji untuk setahun, dua tahun atau tiga tahun dan mereka ini dikatakan bahawa habis kontrak maknanya mereka bebas tetapi ada juga kita lihat pekerja-pekerja ini tidak diberikan satu tempoh masa. Ada pekerja-pekerja kontrak yang bekerja sampai lima enam tahun dan ada yang sampai sepuluh tahun. Dia

masuk umur 22 tahun atau 23 tahun, *by the time* sepuluh tahun, dia sudah 35 tahun. Jadi tidak mungkin dia akan masuk dalam pasaran dalam keadaan dia sudah berumur. Apatah lagi, bukan sahaja dia telah berumur tetapi dia mempunyai komitmen-komitmen yang lain. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang keduanya, dalam *performance* dia. Kalau dia tahu dia kontrak, *performance* dia mungkin terganggu kerana dia tidak mempunyai jaminan masa depan. Sebab itu sekiranya kita berikan dia *timeline*, contohnya kamu cuma diambil untuk satu kontrak lima tahun tetapi kalau *performance* kamu tidak baik, maka kamu boleh diberhentikan pada bila-bila masa. Akan tetapi kalau kita tidak maklumkan tarikhnya dan mungkin *performancenya* juga akan menurun dan tidak ada satu kaedah yang kita nak kawal agar produktiviti meningkat ataupun paling tidak pun seperti yang diharapkan.

Yang ketiganya ialah kalau sekiranya, saya dapat jawapan saya ingat dalam tahun sudah mengatakan bahawa ada kementerian mempunyai masalah khususnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri jawab waktu itu bahawa kita mempunyai masalah untuk *create*kan jawatan-jawatan kerana JPA mengambil masa panjang dan sebab itu kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi dibenarkan untuk ambil kerja kontrak. Kadang-kadang kita lihat satu agensi ambil staf kontrak sampai lima atau enam tahun. Tidak mungkin JPA begitu lambat, tidak mungkin JPA tidak efisien menyebabkan lima enam tahun tak boleh *create* jawatan yang *permanent*.

Jadi saya rasa harus lihat balik adakah benar masalah ini terletak di JPA ataupun memang jabatan-jabatan sendiri tidak mengusulkan supaya jawatan-jawatan itu ditetapkan atau jawatan itu *dicreate*kan supaya ianya mempunyai jawatan yang akhirnya boleh diambil mereka ini sebagai pekerja tetap. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Hulu Langat.

11.38 pg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.7 Butiran 040300, sebanyak RM55.6 juta diperuntukkan untuk rawatan perubatan pesara dan juga angkatan tentera. Jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari segi adakah sebelum ini tidak diperuntukkan dan kemudian baru di... Maknanya perbelanjaan itu didahulukan oleh kerana banyak pesara yang sakitkah ataupun angkatan tentera dan sebagainya. Jadi saya nak minta penjelasanlah sedikit perincian pembahagian antara dua kumpulan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

11.39 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sedikit sahaja. Ini pasal Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu saya melihat bahawa Tuan Pengerusi, pihak Suruhanjaya Pilihan

Raya harus melihat bahawa untuk memberi keadilan sejagat kepada semua penduduk termasuk di Kinabatangan contohnya, kawasan ini keluasan pilihan rayanya seluas besar sedikit daripada negeri Pahang tetapi ADUN dia cuma dua orang, Ahli Parlimen dia cuma satu orang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1140

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tuduhan terlampau berat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Seputeh saya sudah tahu apa dia mahu tengok saya ini *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rompin bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Seputeh. Dahulu Yang Berhormat dia sibuk, dia jadi Exco Kerajaan Negeri Selangor. Akan tetapi sekarang bila PKR buang dia, dia habiskan masa dengan kita sahaja. Itu saya kata dia tidak ada modal, dia hendak kacau kita. Tidak tahulah berapa lama lagi dia duduk mewakili DAP pun saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, ini butiran berapa ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. *[Ketawa]* Biar Yang Berhormat Rompin dengan Yang Berhormat Seputehlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin mengemukakan satu cadangan. Dahulu lima tahun yang lalu, SPR sebetulnya telah setuju untuk menambah satu Dewan Undangan Negeri di kawasan pilihan raya saya tetapi tiba-tiba tidak menjadi. Jadi, kalau boleh saya ingin tanya, apakah SPR untuk masa depan ini akan terus mencadangkan satu kerusi Dewan Undangan Negeri di kawasan Kinabatangan?

Kedua, saya juga...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Boleh saya tahu berapa pengundi di kawasan Parlimen Kinabatangan dan berapa pengundi di dua-dua kawasan DUN?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya beritahu dia? Macam SPR pula dia *[Ketawa]* Pengundi saya 25,000 orang untuk Parlimen. Itu sahaja.

Seorang Ahli: 150,000 orang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 150,000 kawasan macam lubang hidung dia *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Satu kali jalan pakai kereta tidak sampai 10 minit sudah sampai. Kawasan saya tiga hari *you* tidak sampai-sampai pun *[Ketawa]* So, jangan buat *conclusion* macam itulah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat dua orang ini masih macam apa orang cakap, masih anak ayamlah. Tidak tahu apa-apa *[Ketawa]* Anak ayam yang masih diberi makan oleh ibu ayam.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak minta penjelasan sedikit, hendak tanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau kita melihat mewakili rakyat ini, kalau kita tengok dari segi contoh-contoh di negara lain. Di Amerika sebagai contoh, dua wakil rakyat dipanggil Senator dipilih bagi tiap-tiap negeri tidak mengambil kira berapa ramai pengundi tiap-tiap negeri itu. Di Alaska dua Senator, *New York* dua Senator supaya tiap-tiap negeri ada perwakilan dan mewakili mereka.

Saya tidak nampak bahawa yang di sana hanya hendak menggunakan konsep ini contohnya untuk menguatkan diri dia, bukan menguatkan rakyat. Untuk kuasa mereka yang sebenar, bukan untuk kepentingan rakyat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini baik, yang ini boleh masuk dalam sebahagian daripada ucapan saya. Biar mereka tahu bahawa perkara sebegini memang berlaku di negara yang maju, yang membangun sekali pun dan sebagai satu contoh apakah kerajaan tidak berhasrat...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh atau tidak? Sedikit sahajalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma Yang Berhormat, saya ingatkan balik kepada Kepala dan Butiran. Sekarang ini Bekalan B.6 dan B.7.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan Yang Berhormat Rompin bahawa kita mesti ada pemilihan untuk Senator di seluruh negara ini? Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat cakap saya diam. Saya cakap diamlah.

Seorang Ahli: Jawab dahulu. Jawablah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jawablah. Macam mana hendak jawab? Yang Berhormat Kapar ini tidak tahu dia manusia jenis apa, wakil rakyat jenis apa ini? Rakyat sana saya rasa menyesal pilih dia. Saya hendak jawablah. Sampai masanya...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sudah sebut Kapar, Kapar kena bangunlah, tidak sah. Berilah ruang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak mahu jawab, dia kacau. Saya terus...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kacau pula, takut. Tadi beria.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan iaitu kita melihat bagaimana di *Singapore* negara jiran kita, mereka mengadakan pilihan raya mengikut puak atau pun mengikut kumpulan etnik seperti yang dicadangkan dan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dua hari yang lalu.

Jadi saya melihat mengapa kita tidak boleh mengunjurkan perkara sebegini di mana mengikut kumpulan etnik itu sendiri dan ini sudah pastinya setiap suku bangsa kaum itu akan ada perwakilan dia di Parlimenkaah atau di Dewan Undangan Negeri. Ini sudah tentu memberi jaminan, keadilan kepada kumpulan-kumpulan, puak-puak di seluruh negara ini. Bermakna mana-mana satu puak yang besar, maka besarlah perwakilan dia. Puak-puak yang kecil, kecilah perwakilan dia.

Jadi ini pada saya harus difikirkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Pergilah kaji Singapura punya sistem.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk mungkin kita buat kajian. Saya baru cadangkan ini, Yang Berhormat tidak senang hati kenapa?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Salah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Salah pada pandangan Yang Berhormat, salahlah tetapi pandangan saya tidak salah. Negara *Singapore* maju menuju kemajuan, rakyat dia tidak cakap salah.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Penjelasan tentang *Senatorship* pernah dipilih atau tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh Batu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya beri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau itulah cara dia, setiap kaum kita ada puak perwakilan dan Dewan ini dibagi kepada wakil Cina, wakil India, wakil Iban, wakil Kadazan. Memang mungkin semua puak akan dapatkan perwakilan. Di mana letak keturunan orang yang mempunyai ayahnya orang Cina tetapi ibu dia orang India? Di mana orang Sungai kahwin dengan orang Kadazan? Di mana perwakilannya? Itu satu.

Kedua, adakah ini kemungkinan menampakkan Parlimen Malaysia ini mirip seperti sistem aparteid yang ada dahulu? Di mana Parlimennya diberi kepada Ahli Parlimen 'Orang Putih', 'Orang Hitam' dan *mix color, Asian*. So, adakah ini boleh diberi satu tafsiran yang tidak baik untuk Malaysia ini di pandangan antarabangsa? Saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, soal mekanisme itu saya rasa biar perlu ada permesyuaratan yang mungkin dua atau tiga keturunan. Mungkin dia boleh pilihlah mana satu dia suka. Kalau dia Cina dengan Melayu, dia pandailah suka mana yang dia pilih sebab kedua-duanya dia boleh. Ini manusia dia boleh dua alamlah. Soal aparteid, rasa saya tidak timbul soal ini. Sistem aparteid ini apabila orang minoriti mengontrol, menguasai, dan memerintah orang majoriti. Seperti di Afrika Selatan, orang kulit putih memerintah di negara orang berkulit hitam, dijajahnya dan ditindasnya. Itu sistem aparteid.

Di negara kita ini, kalau contohnya orang Melayu majoritinya lebih ramai daripada kaum-kaum yang lain maka itu tidak aparteid. Dia berhak mendapat lebih daripada suku bangsa yang lain sebab kita ikut kita punya kebesaran dan keturunan kaum itu sendiri. Pada saya itu cukup baik sebab sekurang-kurangnya macam suku bangsa saya Sungai-Melayu bolehlah dapat dua atau tiga perwakilan. Sekarang ini satu sahaja. Jadi, ini sebetulnya yang harus kita lihat supaya perwakilan suku bangsa itu dapat dilihat oleh SPR sebagai satu unjuran untuk kita mengadakan pilihan raya yang lebih adil, telus dan jelas pada masa-masa akan datang. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

11.48 pg

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Saya merujuk kepada B.6 Butiran 080300 – Pusat Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Rukun Tetangga telah ditubuhkan pada 1975 dengan fokus pertama kepada keselamatan kawasan kediaman yang dijaga sendiri oleh rakyat di sekeliling dan fokusnya bertukar kepada kejiwaan dan menghubungkan perpaduan pada sekitar tahun 1983. Seterusnya, fokus Rukun Tetangga telah diperluaskan kepada pembangunan komuniti untuk memastikan perpaduan nasional.

Sehingga September 2013, terdapat 6,390 Pusat Rukun Tetangga di seluruh negara dengan 3,901 anggota SRS diwujudkan.

■1150

Saya ingin bertanya daripada jumlah ini, pusat Rukun Tetangga di seluruh negara, berapakah pusat Rukun Tetangga yang boleh dikategorikan aktif ataupun apakah kriteria-kriteria yang dikatakan sesuatu Rukun Tetangga itu aktif dan apakah bentuk galakan yang diberikan oleh

kerajaan kepada pusat Rukun Tetangga yang aktif untuk terus kekal aktif dan juga pusat Rukun Tetangga yang tidak aktif kepada yang aktif agar matlamat penubuhan ini dapat direalisasikan.

Apakah tindakan atau apakah yang dibuat kepada kawasan Rukun Tetangga yang tidak aktif contohnya. Jadi peranan Skim Rondaan Sukarela (SRS) ialah menganjurkan kumpulan rondaan yang bertugas pada malam untuk menjaga keselamatan di sekitar. Persoalannya mengapa hanya lebih kurang 50% KRT yang mewujudkan SRS ataupun apakah keistimewaan kepada ahli dan Rukun Tetangga yang mengadakan SRS ataupun insentif.

Setiap kawasan Rukun Tetangga disarankan untuk mengadakan, mewujudkan sekurang-kurangnya 12 program dalam satu tahun dan enam mesyuarat dalam satu tahun. Peruntukan yang diberikan hanya RM6,000. Jadi saya kira, kita semua tahu Tuan Pengerusi, perpaduan sangat penting untuk negara menjadi maju untuk pembangunan dan juga ekonomi. Tanpa perpaduan yang erat dan betul maka banyak masalah akan terjadi seperti di negara-negara luar, seperti di Mesir dan sebagainya di mana tidak wujud perpaduan yang jitu. Maka banyak masalah yang akan menggugat kemajuan negara.

Jadi saya ingin mencadangkan kerana program Rukun Tetangga ini adalah program sukarela yang mana ramai kita lihat di kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya yang telah mengambil bahagian dalam jawatankuasa Rukun Tetangga ini. Ada yang melebihi sepuluh tahun malah ada yang menghampiri 20 tahun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai merujuk P.6 ya?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: B.6 - Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: B.6?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: B.6, Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya ingin bertanya apakah bentuk-bentuk pengiktirafan kepada ahli jawatankuasa dan pengerusi. Saya rasa perlu ada penambahan kepada peruntukan kawasan Rukun Tetangga ini untuk menjalankan aktiviti dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dijemput Yang Berhormat Jelebu. Sila. Selepas Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Lenggong. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada perkara berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Ingin bertanya kepada SPR, apakah mungkin...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kalau B.6 dan B.7, tidak ada kaitan dengan SPR.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]: Tidak masuk di bawah SPR kah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Kita ikut kepala dan butiran pada peringkat jawatankuasa.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]: Okey B.6 berkenaan dengan EPU, Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya ingin mencadangkan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada kertas warna...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Warna putih dan juga oren, kena semak mengikut butiran kepala supaya kita tidak tersasar.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]: ...EPU, saya mencadangkan supaya mengubah doktrin menentukan keutamaan projek supaya elemen luar bandar diberikan keutamaan kerana di bandar itu memang sudah ada pembangunan yang sedia ada. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong dan selepas Yang Berhormat lenggong, Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Saya masuk P.6 – Jabatan Perdana Menteri, Butiran 80300. Kita sedar bahawa dalam suasana hari ini perpaduan di kalangan rakyat mesti dipertingkatkan, mengambil kira isu-isu semasa dan keadaan masyarakat, di mana cabaran kepada perpaduan di kalangan rakyat semakin mencabar hari ini. Ini sudah tentu dengan cabaran baru, dengan keadaan baru maka jabatan dan agensi yang bertanggungjawab dalam soal perpaduan juga mesti mengorak langkah, mesti memberi pembaharuan, pendekatan yang baru sesuai dengan keadaan ini. Sebab itu, saya kira saya menyokong sangat apa Yang Berhormat Bagan Serai sebutkan tadi bahawa mesti ada nafas baru diberikan kepada pusat Rukun Tetangga ini.

Sebab itu jika kita lihat hari ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengorak langkah mewujudkan JPP. Kementerian Luar Bandar dengan meningkat dan menaiktarafkan JKK dan sebagainya, apa salahnya untuk Rukun Tetangga juga diangkat kedudukannya, diberikan elaun yang tetap dengan struktur yang cukup baik.

Ini perlu dilakukan kerana mengambil kira bahawa cabaran yang mereka lakukan dan peranan mereka lakukan sebenarnya juga lebih mencabar apatah lagi sebenarnya usia Rukun Tetangga sudah lama sejak zaman saya kecil-kecil lagi Yang Berhormat Menteri akan tetapi tidak ada perubahan. Jadi saya minta supaya sudah sampai ketikanya kerajaan mengkaji semula untuk memberikan nafas baru kerana cabaran yang ada di hadapan kita pada hari ini semakin

besar agar dari segi peruntukannya, peranannya diberi dan dilipatgandakan Rukun Tetangga ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri di mana dalam 19 Mac 2014...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Butiran B.6 dan saya telah bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan telah memperuntukkan satu aktiviti kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia atau PERKASA oleh Majlis Keselamatan Negara dan Biro Tata Negara. Saya bertanyakan apakah aktiviti program tersebut dan Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa program tersebut adalah seminar bernama transformasi ekonomi antara kaum dan bangsa teras sebagai asas perpaduan rakyat.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri kurang memberikan penjelasan yang lebih lanjut. Saya tanya juga berapakah peruntukan yang diperuntukkan. Saya mahu *amount of* peruntukan yang diperuntukkan, ini soalan spesifik dan bilakah ia dijalankan dan di mana ia dijalankan. Adakah program tersebut sejajar dengan konsep 1Malaysia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Kulai.

Teo Nie Ching [Kulai]: B.7 boleh? Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: B.7, ya.

Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ikut kepala dan butiran ya.

Teo Nie Ching [Kulai]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita ramai Yang Berhormat tersasar keluar daripada kepala dan butiran.

Teo Nie Ching [Kulai]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. B.7, Butiran 044000. Saya rasa di sini satu jumlah yang banyak, RM55 juta adalah diperuntukkan untuk soal pembayaran, rawatan perubatan, pesara awam persekutuan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Teo Nie Ching [Kulai]: ...Saya rasa adalah satu peruntukan yang wajar kita bayar untuk manfaat pesara awam persekutuan. Akan tetapi saya hendak minta sedikit butiran di sini di antara jumlah pesara awam persekutuan, berapakah jumlahnya adalah golongan OKU? Ini kerana saya rasa sejak tahun 2008, kita sudah ada satu polisi bahawa kami ingin membekalkan 1% kerja di sektor awam persekutuan untuk golongan OKU ini.

Akan tetapi setakat ini, saya rasa jumlah OKU yang berkhidmat untuk kerajaan kita tidak sampai 2000 orang. Jadi saya ingin tahu bagaimana rancangan JPA untuk meningkatkan jumlah OKU yang berkhidmat dalam sektor awam dan bagaimana kita boleh menambahbaikkan manfaat dan kebajikan mereka. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dijemput Yang Berhormat Menteri.

11.59 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membincangkan mengenai B.6 dan juga P.7 - Jabatan Perdana Menteri.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, mengikut Peraturan Mesyuarat 67(9), Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, perbahasan Akta Rang Undang-undang Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir segala anggaran.

■1200

Jadi, walaupun tadi banyak disentuh pasal dasar tetapi saya ingin juga orang kata tanpa hampa untuk memberi jawapan khusus kepada perkara yang telah dibangkitkan. Pertama sekali ialah perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat dan juga Yang Berhormat Kulai berhubung dengan tambahan rawatan perubatan kepada pesara-pesara.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2013, JPA telah diluluskan peruntukan sebanyak RM184,717,487. Sebanyak RM150 juta bagi JPA dan RM34,717,487 bagi angkatan tentera untuk perbelanjaan rawatan perubatan.

Pembiayaan rawatan perubatan adalah termasuk pembelian ubat dan alat-alatan perubatan, rawatan kecemasan, rawatan hemodialisis dan rawatan di Institut Jantung Negara bagi pesara persekutuan, negeri, badan berkanun dan juga pihak berkuasa tempatan, hakim, Ahli Parlimen, anggota pentadbiran, setiausaha politik dan juga pesara angkatan tentera. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut adalah tidak mencukupi kerana perbelanjaan sebenar bagi tahun 2013 adalah sekitar RM240,317,487.

Justeru itu JPA telah memohon peruntukan tambahan dan diluluskan oleh Perbendaharaan sebanyak RM55,600,000. Secara keseluruhannya peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM180,717,487 berserta dengan peruntukan tambahan sebanyak RM55,600,000 telah dibelanjakan sepenuhnya bagi tahun 2013.

Justifikasi Tuan Pengerusi antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan rawatan perubatan adalah kerana pra pembiayaan rawatan perubatan tidak dapat disediakan unjuran yang tepat memandangkan jumlah pesara yang mendapat rawatan perubatan tidak boleh dikawal. Pertambahan bilangan pesara baharu meningkat dari tahun ke tahun.

Peningkatan kos rawatan perubatan dan harga ubatan mengikut pesara semasa. Pelaksanaan sistem e-Mass yang membolehkan pesara mendapatkan ubatan ataupun alatan perubatan tanpa melibatkan sebarang pembayaran. Keputusan kerajaan yang memberikan kelulusan bagi bayaran balik bil rawatan perubatan melebihi tahun semasa mulai 1 Oktober 2001. Jadi Ahli Yang Berhormat, saya menjawab tentang rawatan perubatan.

Berhubung dengan pekerja-pekerja kontrak Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2008 - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak. Dasar yang berkuat kuasa telah meletakkan bahawa pelantikan kontrak dibuat atas keperluan berikut:

- (i) melaksanakan sesuatu tugas atau projek bagi tempoh yang terhad;
- (ii) melaksanakan tugas bidang kemahiran tertentu melalui jawatan yang diwujudkan secara sementara bagi tujuan pembayaran gaji;
- (iii) bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dilaksanakan oleh pegawai kontrak seperti perkhidmatan bakat dan seni.

Memandangkan pelantikan kontrak adalah bagi tujuan dan tempoh tertentu, kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai akan dilantik atau diserapkan ke jawatan tetap. Sebaliknya adalah menjadi tanggungjawab kakitangan lantikan kontrak termasuk yang telah berkhidmat lebih daripada tiga tahun untuk memohon jawatan secara tetap dengan pihak berkuasa yang melantik yang berkenaan berdasarkan kepada kelayakan akademik dan juga pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan kerajaan boleh dijadikan kelebihan berbanding dengan calon lain bagi dipertimbangkan dalam pelantikan secara tetap.

Walau bagaimanapun dari semasa ke semasa, kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan pelantikan secara tetap seperti melalui program *coaching* dan juga *mentoring* yang disediakan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan. Dalam masa yang sama, pegawai juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan lagi kompetensi dalam bidang pekerjaan. Program tersebut dan pendedahan berterusan melalui program latihan akan dapat membantu pegawai untuk membuat persediaan semasa melalui temu duga jawatan tetap.

Di samping itu, JPA dari semasa ke semasa, menimbang dan meluluskan pertambahan jawatan dari kementerian, pentadbiran negeri, badan berkanun dan juga pihak berkuasa tempatan. Kelulusan pertambahan jawatan ini perlu dibuat dengan teliti kerana ia melibatkan kewangan kerajaan terutama beban bayaran pencen. Selain itu untuk menentukan hal-hal berhubung dengan perkhidmatan awam yang selainnya sesuai dengan keperluan jangka panjang.

Kemudian berhubung dengan perpaduan seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Lenggong. Ini ialah peruntukan token Tuan Pengerusi. Jadi, kita akan ambil ingatan dan *insya-Allah*, kita akan sampai kepada Yang Berhormat Menteri yang menjaga perpaduan.

SPR. Ini adalah peruntukan tambahan khusus untuk emolument iaitu ianya merupakan tanggungan. Tanggungan kita tidak bincang di sini tetapi secara umumnya saya hendak kena sebut tentang apa yang dimaksudkan dengan satu undi- "*1Man, 1Vote, 1Value*" yang saya kena perelaskan balik semalam seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebentar tadi.

Sebagaimana kita sedia maklum, Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya secara majoriti mudah, dengan izin, *first-past-the-post*. Di mana pemilihan wakil rakyat untuk kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri adalah dipilih berdasarkan perwakilan mengikut kawasan. Calon yang menang dengan kelebihan majoriti undi yang diterima dianggap sebagai pemenang dalam suatu pilihan raya yang dijalankan.

Sebagai contohnya, kalau sekiranya sesuatu kawasan itu majoritinya satu undi, dia dikira menang. Yang Berhormat Seputeh yang menang 40,000 juga menang tetapi kerusinya tidak ada lebih. Satu kerusi...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Menang 50,000 lah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dan juga satu kerusi di... [*Disampuk*] Sorry, 50,000. [*Disampuk*] 60,000?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: 50,000, 50,000.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: 50,000 *all right*. Saya sebut 50,000 Yang Berhormat kata 60,000. Okeylah 50,000 ya. Lebih 50,000 pun satu Kerusi, lebih satu undi juga dikira satu Kerusi. Dalam PRU Ke-13 yang lalu, Barisan Nasional telah memenangi 133 Kerusi daripada 222 Kerusi Dewan Rakyat atau 59.91%. Justeru itu, tidak timbul soal untuk mempersoalkan "*1Man, 1Vote, 1Value*" kerana Malaysia tidak mengamalkan sistem pilihan raya secara perwakilan berkadar atau dengan izin, *proportionate system*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: SPR tidak dapat mempertimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Pohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuantan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *No problem*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dalam sistem *first-past-the-post* seperti yang diamalkan oleh Malaysia, masihkah mungkin kita

memastikan bahawa “1Man, 1Vote, 1Value” itu dapat kita laksanakan kerana ini merupakan prinsip di dalam memastikan *a fair election*, satu pilihan raya yang adil?

Ini kerana nilai undi pengundi di Putrajaya contohnya, tidak sama dengan nilai undi pengundi di Ampang. Pengundi di Putrajaya yang hanya mempunyai 8,000 lebih pengundi berbanding dengan Ampang yang mempunyai 82,000 pengundi, satu pengundi di Ampang, nilainya satu undi. Akan tetapi di Putrajaya, satu pengundi nilainya sepuluh undi berbanding dengan pengundi di Ampang. Itu maksudnya kalau kita hendak selaraskan jadikan ia adil, “1Orang, 1Undi, 1Nilai”. Berbanding dengan “1Orang, 1Undi”, sepuluh nilai di Putrajaya. Itu yang kita- dalam sistem *first-past-the-post* pun perkara ini boleh dilaksanakan dan ini merupakan standard ataupun prinsip yang diketengahkan oleh pakar-pakar antarabangsa berkenaan dengan *a free election or a fair election* walaupun hatta dalam sistem *first-past-the-post*. Pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya menjawab Yang Berhormat sekejap lagi tetapi saya hendak habiskan yang ini dahulu. Dalam masa perjalanan pembacaan ini, Yang Berhormat akan melihat sebahagian daripada apa Yang Berhormat tanyakan.

■1210

Pada amnya kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang seperti mana diperuntukkan di bawah fasal 2, Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip yang berhubungan dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya.

Berdasarkan pada peruntukan yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut. Yang Berhormat, ini sebenarnya menjawab apa Yang Berhormat tanya, ya? Pertama sekali, empat prinsip ini kita akan guna pakai untuk persempadanan semula yang akan kita laksanakan sekarang ataupun pada bila-bila masa dan juga yang pernah kita buat pada masa yang lepas.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita buat persempadanan ini, kita bukan buat sekali ini, kita sudah buat- sebab Yang Berhormat tidak ada rekod ya, saya beritahu pada Yang Berhormat. Persempadanan yang pertama kita buat pada tahun 1958, kemudian yang kedua kita buat lewat pada tahun 1974, iaitu 16 tahun selepas itu ya. Kemudian diikuti pada tahun 1984, tahun 1994, tahun 2003 dan kita buat di Putrajaya berasingan berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan 113(3A)(i).

Jadi, ini yang persempadanan yang kita buat dan kali ini *insya-Allah* pada tahun 2014 ataupun terpulang pada SPR, kita akan buat persempadanan yang berikutnya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri jangan lupa Labuan, Labuan ada? Labuan, Labuan pun ada kan? Labuan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Rekod saya ialah menunjukkan bahawa yang kita buat khusus ialah pada tahun 2001 untuk Putrajaya. Kemudian Yang Berhormat tanya berhubung dengan Labuan, kita akan jawab secara khusus nanti ya sebabnya Labuan ini saya masih ingat semasa saya jadi Ahli Parlimen dulu, Labuan sudah berada di sini. Jadi bererti Labuan sudah dibuat lebih awal. Sekiranya kawasan persempadanan yang contohnya macam Putrajaya, buat pada tahun 2001 ya. kalau pun lat tempohnya tidak mencukupi lapan tahun tetapi ia akan dibuat sekali dengan persempadanan untuk semua unit. Ia ada tiga unit kontena iaitu unit Semenanjung, unit Sabah dan juga unit Sarawak.

Supaya Yang Berhormat dapat memahami sedikit bagaimana cara persempadanan dibuat. Akan tetapi asasnya sama iaitu empat asas, iaitu:

- (i) kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- (ii) mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Semua sekali perkiraan, semua sekali prinsip ini diambil kira apabila persempadanan dibuat dengan adil dan saksama yang saya rasa diterima seperti Yang Berhormat sebutkan tadi pengiktirafan antarabangsa. Mengiktiraf apa yang telah kita laksanakan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya pohon penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pengiktirafan tersebutlah Yang Berhormat berada di sini ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Berbalik kepada prinsip-prinsip persempadanan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin pergi kepada prinsip nombor tiga yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya. Apa maksud seimbang? Melainkan kawasan *rural*, kawasan luar bandar kita faham susah hendak seimbang. Akan tetapi kawasan bandar ini boleh seimbang.

Contoh seimbang ialah katakanlah kita ada satu kawasan 60,000 ataupun 70,000 dan kita letakkan itu sebagai jumlah untuk memastikan keseimbangan. Jadi, setiap kawasan bahagian pilihan raya kita pastikan bandar sebanyak 70,000, kita tidak boleh ada 120,000, kita tidak boleh ada 8,000, kita tidak boleh ada 50,000, kita perlu wujudkan seimbang. Katakanlah

60,000 hingga 70,000 kalau itulah jumlah yang kita katakan yang perlu digunakan untuk bandar dan jumlah yang digunakan untuk luar bandar contohnya 30,000 maka kita harus kekal kepada jumlah tersebut, jumlah pemilih di dalam bahagian pilihan raya. Ini dalam prinsip-prinsip persempadanan.

Jadi, apabila saya bawa atau pun kami membawa “1Person, 1Vote, 1Value” itu dalam prinsip keseimbangan. Yang Berhormat Menteri perlu jelaskan kenapa Kapar ada 120,000? Kenapa...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sebanyak 144,159.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya 159, macam mana Ampang ini 80,000? Macam mana kawasan-kawasan lain seperti Putrajaya 8,000. Ini semua dalam kawasan bandar yang sama. Jadi prinsip inilah yang kita pohon Yang Berhormat Menteri jelaskan. Apa maksud seimbang ini? Macam mana hendak pasti seimbang? Kalau ikut antarabangsa seimbang itu maksudnya jumlah itu juga harus diambil kira. Ini kerana apabila tidak sama jumlahnya, tidak seimbang jumlahnya maka nilai undi itu juga tidak sama. Jadi, ini menimbulkan ketidakadilan, *unfairness*, dengan izin dalam pilihan raya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini telah dibincangkan dalam peringkat dasar. Sekarang peringkat butiran, kepala ini tidak disentuh. Cuma Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan secara umum. Saya ingat tidak perlu panjang-panjang yang ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak sambung sedikit, boleh Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri boleh?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Last one* ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, *last*. Saya hendak bandingkan P.109 iaitu Kapar dengan P.92, penambahan kepada Yang Berhormat Kuantan tadi. P.109 ialah Kapar, P. 92 ialah Sabak Bernam. Kedua-duanya terletak di Selangor. Kapar dengan jumlah pengundi 144,159 manakala Sabak Bernam yang terletak di Selangor P.92 jumlah pengundi ialah 37,318. Ini menunjukkan ada lebih kurang empat kali ganda Parlimen Kapar dengan Parlimen Sabak Bernam walaupun terletak di Selangor, empat kali ganda. Ini kita maksudkan sebagai tidak seimbang. So, minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, yang pertama sekali Putrajaya ini diwujudkan di bawah 113(3A)(i). Jadi Yang Berhormat, kalau baca peruntukan tersebut, kalau hendak ulas benda ini agak panjang. Yang Berhormat tengok kenapa Putrajaya dibuat satu persempadanan di atas unit Semenanjung yang telah saya sebutkan.

Akan tetapi Yang Berhormat bila kita hendak *argue* ini, kita ambil nombor tiga, kita *argue*, kemudian saya boleh lawan balik yang nombor empat. Prinsip itu ada empat. Jadi saya kata Yang Berhormat sebut yang ketiga, saya kata yang keempat macam mana? Akhirnya tidak habis tetapi SPR akan mengambil kira, meneliti apa Yang Berhormat telah bangkitkan pada hari ini dalam persempadanan semula.

Akan tetapi “1Man, 1Vote, 1Value” yang telah kita bincang dengan panjang lebar, ini bukan sistem kita. Sistem kita ialah sistem majoriti mudah, *first-past-the-post*. Yang Berhormat cadangkan sistem “1Man, 1Vote, 1Value” ialah sistem...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *First-past-the-post* pun boleh guna “1Man, 1Vote, 1Value”. Pergilah ke Amerika Syarikat untuk tengok Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hendak tanya soalan, hendak bangkit, hendak ganggu atau apa? Yang Berhormat minta kebenaran. Ini Dewan yang mulia ya. Yang Berhormat Serdang sila jawab. Yang Berhormat hendak apa? Cuba tanya soalan elok-elok.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya hendak maklumkan. Okey, tadi Yang Berhormat Menteri kata “1Man, 1Vote, 1Value” tidak diamalkan di Malaysia. Malaysia amalkan *first-past-the-post*. Saya hendak memberitahu Yang Berhormat Menteri yang ada PhD ini bahawa kebanyakan negeri *democracy* yang mengamalkan *first-past-the-post* juga mengamalkan “1Man, 1Vote, 1Value” dalam sistem *first-past-the-post*. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri tidak tahu mungkin boleh mendapatkan penjelasan daripada Menteri-Menteri lain yang ada PhD. Kalau hendak saya jelaskan pun boleh. Saya boleh luangkan masa untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1220

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya juga boleh memberi penjelasan kepada Yang Berhormat lebih lanjut tentang perkara ini. Tidak ada masalah. Dalam sistem “1Man, 1Vote, 1Value” juga mengambil kira apa yang disebutkan sebagai majoriti mudah. Ini sebagaimana yang berlaku dalam pilihan raya pemilihan Presiden di Amerika Syarikat. Yang Berhormat jangan fikir kalau Yang Berhormat dapat ilmu orang lain semua tidak tahu Yang Berhormat seorang sahaja yang tahu. Orang bingung Yang Berhormat sahaja yang cerdik.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Minta maaf, pemikiran tersebut hendaklah disimpan dalam poket supaya orang tidak nampak.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Hendak, hendak, hendak...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan fikir kalau kita tahu orang lain tidak tahu ya. Okey, itu satu. Nombor dua sistem yang ada sekarang ini ialah sistem majoriti mudah Yang Berhormat, sistem majoriti mudah. Siapa yang lebih satu undi pun dia kira menang. Contohnya dalam sistem pemilihan kerajaan sebagai contoh. Kerajaan Kelantan pernah memegang majoriti satu kerusi dan dia memerintah. Kita tidak ambil pendekatan *proportionate system* seperti yang diamalkan. Kita mengamalkan “1Man, 1Vote, 1Value”, yes.

Manakala, yang lain-lain yang ada sekarang ini ialah kita hendak sebutkan di sini bahawa tiap-tiap pengundi mempunyai hak satu undi. Tidak ada dua undi, tidak ada pengundi luar yang boleh mengundi. Tidak ada pengundi Bangladesh. Siapa yang cuba menyebut bahawa ada pengundi Bangla yang mengundi di Malaysia baru-baru ini, itu adalah satu perbuatan fitnah di luar keilmuan kemanusiaan. Sebab apa? Tidak pernah mana-mana bukan warganegara yang boleh mengundi di Malaysia.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri tidak ada pengundi di Malaysia ini yang berketurunan Bangladeshkah? Mereka mungkin telah menukar *citizenship* mereka.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nampaknya sudah tidak faham bahasa yang saya sebut. Saya kata tidak ada seorang pun bukan warganegara yang boleh mengundi. Kalau dia asalnya daripada Timbaktukah ataupun Nigeria tetapi dia warganegara Malaysia dia boleh mengundi. Atau dia daripada Cyprus atau Turki kalau dia warganegara Malaysia dia boleh mengundi. Atau dia daripada mana-mana dia boleh mengundi. Akan tetapi bukan warganegara tidak boleh mengundi. Itu ialah prinsip yang diterima pakai. Perkataan *one man, one vote, one value* ini ialah dalam *first-past-the-post* kita mengambil kira "*1Man*", kita mengambil kira "*1Vote*" dan kita mengambil kira juga "*1Value*", tetapi pendekatannya ialah majoriti mudah.

Yang ini ialah *proportionate system* di mana mereka mengundi ikut parti dan sebagainya. Yang Berhormat ini sistem yang diamalkan di Malaysia. Kalau sekiranya kita hendak ubah sistem, maka kita kena ubah Perlembagaan, peraturan dan sebagainya.

Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukuplah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini Perlembagaan yang kita ada dan kita ikuti. Jadi dengan itu *first-past-the-post*, majoriti mudah telah diterima pakai dan kehadiran Yang Berhormat pun ramai di sini pada persidangan kali ini ialah berdasarkan sistem majoriti mudah. Majoriti mudah kita boleh buat pilihan raya kecil, sampai orang boleh berhenti, wakil rakyat boleh berhenti dan kita terpaksa buat pilihan raya kecil. Ini majoriti mudah.

Akan tetapi *proportionate system* ia tidak ada pilihan raya kecil.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya Yang Berhormat Kulai, / ingat Yang Berhormat Kulai *last* kerana kita akan bincang banyak tajuk yang lain. Kita kena ingat bahawa kita hanya bincang khusus kepada B.6 di bawah tajuk yang khusus, pilihan raya dan juga lain-lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi yang ini ialah soal dasar. Kita boleh bincang soal dasar sekejap lagi. Yang Berhormat Kulai ini sebab apa— baru... Okey, sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa memang warganegara Malaysia hanya yang mengundi dalam pilihan raya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukuplah mengenai pilihan raya, cukuplah. Dasar sudah cukup. Ini peringkat Jawatankuasa. Cukuplah Yang Berhormat Menteri di peringkat dasar.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, tetapi Yang Berhormat Menteri sudah izinkan. Sedikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *Last, last, last.* Saya hendak tanya di sini adalah sama ada Menteri setuju atau pun kementerian ada rancangan supaya kita boleh melaksanakan pendaftaran pengundi secara automatik. Oleh sebab sampai hari ini kita masih ada lebih kurang empat juta warganegara Malaysia. Walaupun mereka sudah mencapai umur 21 tahun, tetapi mereka tidak layak undi kerana mereka tidak membuat pendaftaran. Jadi saya rasa cadangan untuk membuat pendaftaran pengundi secara automatik, bukan sahaja disokong oleh Pakatan Rakyat, tetapi dalam sebuah forum Yang Berhormat Rembau pun setuju dengan cadangan ini.

Bukan itu sahaja UMNO Johor juga dalam mesyuarat mereka telah menyatakan bahawa mereka sokong dengan cadangan ini. Begitu juga Yang Berhormat Johor Bahru. Beliau dalam satu. Apabila ditanya oleh wartawan, beliau juga menyatakan bahawa beliau juga setuju dengan cadangan ini. Walaupun beliau tidak ada dalam Dewan ini, mungkin nanti beliau masuk beliau bolehlah nyatakan lagi.

Jadi saya hendak tanya di sini, memang kita setuju bahawa warganegara Malaysia semua layak untuk mengundi. Jadi bolehkah kita laksanakan sistem untuk pendaftaran pengundi secara automatik supaya semasa PRU-14 semua warga Malaysia yang mencapai umur 21 tahun mereka boleh undi. Ini kerana sekarang perlu pergi ke *post office*, perlu pergi ke pejabat SPR untuk membuat pendaftaran. Saya rasa ini adalah satu pembaziran masa dan wang, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini. Akan tetapi pendaftaran *online* ini saya telah jawab dalam jawapan bertulis baru-baru ini. Yang Berhormat boleh tengok tentang jawapan yang telah saya berikan. Iaitu kenapa kita buat pendaftaran seperti yang ada sekarang kerana peraturan mengehendaki kita berbuat demikian. Jadi kita tidak buat apa yang tidak telah ditentukan oleh peraturan.

Peraturan memestikan kita ikut apa yang telah kita laksanakan sekarang. Jadi kalau sekiranya kita hendak buat apa pun di sinilah tempatnya kita harus membuat pindaan. Kita boleh bercakap, SPR boleh meneliti, tetapi SPR juga kena masuk ke Dewan ini untuk dipertimbangkan apa-apa perubahan. Pada masa sekarang kerajaan berpuas hati tentang peraturan dan juga undang-undang yang sedia ada. Kita akan meneruskannya terutamanya dalam persempadanan semula. Kita juga meneliti pandangan-pandangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Kinabatangan.

Saya harap semua Yang Berhormat berpuas hati dan saya berterima kasih. Semoga kita berjumpa lagi di ruang yang lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM53,364,492 untuk Maksud B.6; dan RM55,600,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM53,364,492 untuk Maksud B.6; dan RM55,600,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.6 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

**Maksud B.12 [Jadual] –
Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan. Tidak ada ya? Ya Yang Berhormat Sungai Siput, sila.

12.28 tgh.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini Maksud B.12. Di sini di B.12 ini mengandungi 80% daripada tambahan dari segi nilainya RM2 bilion lebih daripada RM2.4 bilion yang diminta dalam tambahan kedua ini adalah di bawah B.12, so 80%. Akan tetapi dalam kertas yang ada di sini tidak sebut secara terperinci apakah sebabnya yang dikatakan peruntukan kepada kumpulan wang terkanun, tetapi yang ditulis di sini butir-butirannya tidak banyak.

Kita tidak diberitahu. Jika kita tengok dalam anggaran asal tahun lalu 2013, B.12 adalah RM2.9 bilion. Kali ini tambahan yang diminta ialah RM2.1 bilion hampir *double*lah. Jadi kita tahulah duit itu telah dibayar. Akan tetapi kenapa ini tidak cukup? Kenapa dulu kita hanya minta RM2.9 bilion sekarang kita minta RM2 bilion lagi, bukan satu jumlah yang kecil. Begitu besar. Ini untuk Bekalan *for* empat ribu. Jadi adakah *cost overrun*? Apakah sebab? Akan tetapi ini semua tidak diberitahu dalam kenyataan yang diberi pada kita. Kita diminta luluskan satu perbelanjaan

tambahan sebanyak RM2 bilion, tetapi kenapa dia *overrun* RM2 bilion ini yang merupakan hampir sama *the same amount* yang diperuntukkan dahulu tidak diberitahu.

■1230

So how do we make a decision? Kita kena tanya, what happen. How come ini jadi terlalu begitu besar kerana rakyat di luar sana mereka ada satu persepsi dalam hal-hal perbelanjaan untuk pembangunan ada ketirisan yang besar. Kos projek, sebut harga, kadang-kadang 100% atau 200% lebih. Itu persepsi orang luar. Sekarang apabila saya balik ke Sungai Siput saya beritahu orang kita sudah lulus bayaran sebanyak RM2 bilion ini tanpa bertanya *what happen* di mana ada *cost overrun*. *I think we are not doing our job properly.*

So saya harap sebelum kita luluskan RM2 bilion ini kita diberitahu oleh Menteri apakah sebabnya *cost overrun* sebesar ini dan itu pun tidak diberitahu di dalam kertas yang diberi ini. So *if we pass this* tanpa kita dapat jawapan ertinya kita betul-betul *rubberstamp* sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin bangun.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih. Yang Berhormat hendak tanya saya?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya. Yang Berhormat, sebenarnya apa Yang Berhormat bangkitkan tadi adalah perkara yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Sebenarnya jumlah RM2.099 ini adalah peruntukan kepada kumpulan wang yang terkanun, bukan perbelanjaan. Ia adalah perpindahan satu daripada hasil lebihan daripada pendapatan.

Jadi Yang Berhormat Menteri sudah terangkan semalam semasa Yang Berhormat tidak ada. Ini kerana kita tidak mahu apa juga cerita boleh dijadikan persepsi yang disebabkan oleh bukan sahaja satu perkara yang boleh menyebabkan pembohongan, minta maaf, saya cakap ini dan boleh jadi penipuan dan boleh jadi fitnah. Ini kerana perkara yang tidak ada tetapi kita adakan. Sebenarnya kerana kita tidak ada di dalam Dewan semalam. Kalau Yang Berhormat ada di Dewan, Yang Berhormat dapat mendengar penjelasan yang cukup tepat dari Yang Berhormat Menteri. Ini bukan perbelanjaan. Ini perpindahan untuk meluluskan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia Perkara 100. Itu sebabnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak berucap? Belum lagi.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okeylah Yang Berhormat Jasin. Terima kasih atas penjelasan tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri pun akan *address* isu ini kerana ini penting. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Pandan. Selepas Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambut apa yang cuba dijawab bagi Yang Berhormat Jasin bagi pihak Yang Berhormat Menteri. Tidak mengapa, kita tunggu jawapan Yang Berhormat Menteri tetapi kita faham bahawa kalau dari segi perbelanjaan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pandan, kepala dan butiran.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kepala B.12 Butiran – Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun sebanyak RM2.099 bilion. Yang menjadi perbincangan sejak semalam kalau mengikut Yang Berhormat Jasin ialah RM2.099 ini ialah perpindahan yang bukan satu perbelanjaan. Kita faham bahawa untuk menampung perbelanjaan pembangunan, prosedur mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 kalau tidak silap saya ialah segala wang yang akan dibelanjakan bagi tujuan pembangunan perlulah diletakkan di dalam Kumpulan Wang Pembangunan ini. Yang itu kita faham. Akan tetapi apabila satu lebih wang sebanyak RM2.1 bilion daripada akaun disatukan ini dipindahkan lagi ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan, ini bermakna dengan izin, Tuan Pengerusi, bahawa kerajaan- *the government is anticipating a cost overrun*. Oleh sebab itulah awal-awal lagi RM2.1 bilion ini dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

Saya bersetuju 100% dengan Yang Berhormat Sungai Siput tadi bahawa walaupun secara prosedur dan prosesnya ia dikategorikan sebagai bukan perbelanjaan baru tetapi kita tahu apabila telah masuk ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan dan wang ini dimasukkan pada masa kerajaan mengalami defisit maknanya kerajaan sedang menjangkakan bahawa projek-projek yang telah dibentangkan itu akan ada kos *overrun*. Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tolong beri penjelasan. Pada fahaman saya ini untuk bajet tambahan untuk tahun lalu. Jadi ertinya bukan jangkaan. Ini telah pun dibelanjakan. Jadi ada bukan jangkaan *overrun* tetapi ada *overrun* juga.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ini Yang Berhormat Menteri kena jawab tetapi pemahaman saya Tuan Pengerusi ialah kerana belanja pembangunan ini tidak dibelanjakan dalam satu tahun. Betul Yang Berhormat Menteri? Ia dibelanjakan mengikut tahun. Kalau satu projek itu ambil masa lima tahun maka setiap tahun diperuntukkan sejumlah untuk tahun itu dan segala wang itu perlu dikumpulkan di dalam satu Kumpulan Wang Amanah Pembangunan yang daripada itulah dibelanjakan untuk projek-projek ini.

Jadi Yang Berhormat Sungai Siput walaupun dengan izin Tuan Pengerusi, *it is actually a running fund, a revolving fund*. Maknanya walaupun perbelanjaan ini untuk tahun 2013 tetapi projek itu mungkin bermula pada tahun 2012 dan habis pada tahun 2014 atau tahun 2015, peruntukan yang telah ditetapkan dalam belanjawan yang lepas bagi tujuan pembangunan itu tidak mencukupi dan lebih banyak wang yang perlu dibubuh di situ, dimasukkan di situ mungkin akan dibelanjakan dalam tahun 2014, 2015 dan lain-lain. Akan tetapi yang penting ialah apabila dalam keadaan kerajaan tahu bahawa belanja mengurus sudah lebih, defisit sudah lebih, wang

lebih daripada akaun disatukan itu apabila dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan maknanya kerajaan sudah pun tahu bahawa ada *cost overrun*. Itu maksud saya.

Jadi saya minta, pendek sahaja Yang Berhormat Menteri, saya minta kita tidak berselindung di sebalik proses dan prosedur. Yang Berhormat Jasin tidak perlu bangun sekali lagi untuk menerangkan ini prosedur. Kita faham ini prosedur tetapi yang tersembunyi di sebalik prosedur itu yang penting. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri perlu jelaskan terus- yang ini yang kita sudah *anticipate cost overrun*, sebut yang mana, kementerian yang mana, barulah Dewan ini boleh buat keputusan dengan lebih baik. Bukan hanya dibentangkan kepada kita dengan berselindungan kepada proses-proses dan prosedur seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin bangun balik. Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih, Yang Berhormat Pandan. Sebenarnya ini tidak ada soal untuk kita panjang-panjangkan cerita ini. Perkara ini cukup mudah sekali kerana ini satu prosedur kewangan. Apabila ada lebihan, wang ini disatukan semula untuk membiayai apa juga kos-kos pembangunan akan datang. Itu pertama.

Keduanya, apabila kita pindahkan wang ini kepada wang disatukan tadi, kita kena dapatkan kelulusan daripada Dewan. Saya rasa peruntukan tambahan kali ini adalah peruntukan tambahan yang paling terbaik sekali. Kerana apa? Mungkin Yang Berhormat ketawa tetapi kos sebenarnya, kos mengurus yang kita minta ini hanya lebih kurang RM300 juta sahaja. Tidak ada masalah. Negeri Selangor meminta satu jumlah yang paling besar. Itu tidak cakup tetapi kenapakah benda macam ini kita panjang-panjangkan? Benda mudah, paling mudah. Mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 100, perkara ini hendaklah dibentangkan kepada Dewan untuk kelulusan walaupun ianya perpindahan wang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Pengerusi, saya hendak gulung. Saya jawab dan saya gulung dengan itu.

Pertama, memang betul ini proses dan prosedur biasa. Semasa Kementerian Kewangan memberikan RM250 juta kepada NFC itulah alasannya, proses dan juga prosedur biasa. Akan tetapi tidak diikuti dengan baik dan lima atau enam tahun kemudian kita tahu wang itu hilang entah ke mana. Oleh sebab itu saya minta Dewan supaya jangan bersembunyi dan terima bulat-bulat. Kalau ini proses, ini prosedur biasa, kalau semua yang berlaku sebelum ini melibatkan wang rakyat adalah mengikut kalau ikut kerajaan, mengikut proses dan prosedur biasa. Itu yang pertama.

Keduanya, saya hendak tutup soal lebihan ini. Yang Berhormat Jasin kata ada lebih RM2 bilion, maka bolehlah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Dalam keadaan negara, kerajaan berhadapan dengan beberapa keputusan kewangan..

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak sebut pindahkan wang pembangunan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Nanti dulu, saya habiskan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Untuk membiayai pembangunan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya tidak beri laluan Yang Berhormat Jasin ya. Dalam keadaan kerajaan berhadapan dengan beberapa pilihan contohnya, ada RM2 bilion lebih daripada Kumpulan Wang Disatukan. Sama ada hendak belanja RM2 bilion itu untuk kurangkan harga minyak, untuk kurangkan harga gula ataupun dimasukkan ke dalam satu tabung wang amanah pembangunan yang hanya boleh digunakan untuk projek-projek.

■1240

Itu maksud saya dalam keadaan yang mana kerajaan perlu buat keputusan sama ada untuk bantu sekolah, untuk bantu harga barang, turunkan harga barang atau ambil wang itu letak di dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Saya rasa dan saya rasa ramai yang bersetuju termasuk daripada yang sebelah sana diam-diam bersetuju, kalau sudah ada wang lebih macam itu bukankah lebih baik dibelanjakan terus kepada rakyat daripada disimpan kerana kita mengangarkan projek-projek yang ada itu sudah tentu terlebih kos yang perlu dibayar pada masa akan datang. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya ucap terima kasih dan mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab saya hendak sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Adakah kita ini berbincang sekali gus B dengan P?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sekali.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sekali, jawab. Saya ada ingin meminta sedikit penjelasan P.10 tetapi sudah terlepas sudah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kepala P.10 Butiran 70101 - Johor Corporation.

Saya difahamkan digunakan untuk membuat jeti, jadi kenapa Johor Corporation ini diberi pinjaman. Adakah kerana dia satu kontraktor ataupun dia satunya syarikat swasta yang membina jeti itu dan bagaimana pembayaran balik kepada kerajaan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.42 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Hulu Langat. Pindahan wang RM2.099 bilion dari Kumpulan Wang Disatukan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan tiada kaitan dengan *cost overrun*. Ini adalah mengikut

Perlembagaan Persekutuan Perkara 100, apa-apa pengeluaran dari Kumpulan Wang Disatukan perlu melalui kelulusan Parlimen.

Ini amalan biasa apabila terdapat lebih hasil pada setiap tahun setelah sekian lama dan apabila terdapat lebih hasil maka defisit akan mengecil. Kita jadikan lebih itu masukkan dalam Kumpulan Wang Pembangunan kerana kita ingin mengecilkan defisit dan pada ketika yang sama sewaktu kita mengecilkan defisit itu, RM2 bilion itu digunakan untuk perbelanjaan pembangunan, perkhidmatan ekonomi, perkhidmatan sosial keselamatan.

Itu yang kita lakukan dan saya telah terangkan semalam sekali lagi memindahkan lebih hasil pada Kumpulan Wang Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan bertujuan untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan atau mengurangkan defisit. Ianya merupakan satu prosedur kewangan selaras dengan Perkara 100 dan ia perlu diluluskan dalam satu Rang Undang-undang Perbekalan. Jadi tiada kaitan dengan *cost overrun* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan tadi.

Saya juga ingin menyatakan bahawa kenapa kita ada lebih RM2.099 bilion itu? Ini adalah kerana kecekapan di akhir tahun pada bulan 11, pada bulan 12 terutama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Kastam memungut hasil dan kebanyakan juga syarikat-syarikat membayar hasil mereka pada hujung tahun. Untuk Bajet 2013 pembentangnya dibuat pada bulan September 2012 anggaran pendapatan pada ketika itu tidak dapat menjangkakan bahawa ada lagi RM2 bilion yang boleh dikutip pada hujung 2013.

Jadi apabila kita dapat RM2 bilion itu masuk dalam Kumpulan Wang Disatukan untuk dikeluarkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan ia perlu diluluskan dalam Rang Undang-undang di sini. Satu lagi mengenai...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Mencilah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan itu akan tetapi dengan hasil yang lebih itu tidakkan kerajaan memikirkan beberapa pilihan yang lain untuk menggunakan wang lebih RM2 bilion itu dengan cara yang lebih baik. Contohnya kalau yang difikirkan untuk mengurangkan defisit, kenapa tidak dibayar beberapa hutang supaya hutang yang kurang itu akan mengurangkan defisit dan juga hutang yang kurang apabila dibayar lebih awal akan mengurangkan bayaran faedah yang sekarang ini menjadi beban yang besar. Supaya dalam tahun-tahun yang akan datang itu akan mengurangkan lagi beban kepada kerajaan.

Apa yang saya persoalkan bukan soal pindah wang kepada proses dan prosedur. Sama ada memindahkan lebih itu untuk dibelanjakan semata-mata kepada projek itu adalah satu keputusan yang baik di pihak kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab soalan nombor 1 telah menyatakan bahawa projek pembangunan ini tidak mencukupi kerana kita terlalu banyak memberikan subsidi, RM43 bilion subsidi, RM46 bilion pembangunan. Itu sebab kita pindahkan untuk pembangunan dan bukan tujuan-tujuan lain seperti membayar

khidmat hutang sebagaimana Yang Berhormat Pandan nyatakan itu dan hasil daripada itu kita telah menurunkan defisit.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [*Bangun*]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Pada tahun sudah dijangka defisit ialah 4%, tahun ini dijangka 3.5% tetapi oleh kerana kaedah kita, maka kita telah menurunkan defisit pada tahun 2013 ialah 3.9% ataupun 0.1% lebih baik daripada jangkaan 4% itu. Sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya masih tidak jelas, jadi ertinya kali ini kita dapat RM2 bilion *extra* daripada kutipan kita. Jadi adakah ertinya perbelanjaan pembangunan kita- dahulu kita hendak pinjam kerana kita tidak dapat cukup, kali ini kita dapat pindah daripada kutipan kita daripada *tax* kita, kita dapat pindah dalam bajet pembangunan.

Jadi ertinya, adakah yang kita pinjam untuk pembangunan, yang kita cadangkan dalam tahun 2013 itu, adakah kita dapat kurangkan pinjaman itu sebanyak RM2 bilion kerana kita dapat lebihan di sini kita pindah ke- atau adakah apa yang kita dahulu cadangkan kita hendak pinjam daripada pihak lain sekarang kita dapat kurangkan RM2 bilion?... Adakah itu benar?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Benar. Untuk Yang Berhormat Hulu Langat semasa permohonan di EPU, JPM, Johor Corporation memohon secara pinjaman dan bukan secara geran langsung dan Johor Corporation kena membayar kepada Kementerian Kewangan dengan kadar faedah 4% dan jumlah pinjaman adalah RM68 juta. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada sedikit perkara.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya suka apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi lebihan. Lebihan wang ini adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan pembayaran pembangunan ini ialah terpulang kepada kebijaksanaan kerajaan dan kita yakin bahawa kalau tidak kerana kebijaksanaan kerajaan untuk menguruskan kewangan tidak akan kewangan kita sekarang berada pada tahap 4.7 pertumbuhan ekonomi kita, satu yang pertama.

Yang kedua, defisit sebenarnya adalah hutang. Yang Berhormat Pandan tadi ada sebut fasal hutang. Saya hendak minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan sedikit tentang hutang negara kerana inilah perkara yang selalu *dispin*, yang selalu diputar beli, yang selalu dibuat pembohongan seolah-olah kerajaan kita menanggung hutang yang besar. Saya hendak minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan perkara ini. Ini penting Yang Berhormat supaya orang-orang luar di sana, rakyat tidak ditipu dengan segala

pembohongan dan juga bidaah yang disampaikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri [*Tepuk*]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Jasin kerana banyak membantu. Saya sebahagiannya saya sudah terangkan semalam hutang kita, kita sendiri yang meletakkan siling 55% tidak boleh lebih daripada KDNK. Kita sendiri yang letakkan siling itu. Negara-negara lain ada yang 100% daripada KDNK macam Singapura, negara yang selalu disebut sebagai contoh kepada pihak pembangkang.

Walaupun negara itu hanya sebesar Bandaraya Kuala Lumpur agaknya lebih besar dua kali ganda daripada Bandaraya Kuala Lumpur sahaja. Hendak disamakan semuanya dengan Singapura itu tidak logik kerana negara kita terlalu luas. Begitu juga dengan negara-negara yang lain hutangnya siling daripada KDNK itu terpulang kepada peratusan itu terpulang kepada negara itu. Kita sendiri yang meletakkan 55% dan sekarang ini 53% adalah 1%, 2% lagi. Hutang kita ini 97% adalah daripada sumber dalaman dan 3% sahaja daripada hutang luar negara.

Oleh kerana itu kita berada dalam usaha yang terkawal. Bayaran khidmat hutang kita 8.8% daripada keseluruhan bajet Kerajaan Persekutuan dan 8.8% ini bererti ada lagi banyak duit kita untuk kita gunakan dalam pentadbiran am, emolumen, pemberian subsidi, perbelanjaan lain dan juga perbelanjaan pembangunan. Ia masih lagi di dalam kawalan. Terima kasih.

■1250

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,099,876,700 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,099,876,700 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM60,800,020 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM60,800,020 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

Maksud B.62 [Jadual] -

Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan. Namun oleh sebab P.62 hanya token sahaja, P.62 tidak perlu dibahaskan. B.62 sahaja dibahaskan ya. Sila.

12.51 tgh.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Logistik, berkenaan Polis Diraja Malaysia.

Sebanyak RM10 juta dibekalkan untuk membeli motosikal untuk Unit Peronda PDRM. Memang saya ada nampak pasukan-pasukan ini di kawasan saya, terutamanya di Seksyen 17, PJ. Di mana kawasan ini merupakan satu kawasan yang dikatakan 'kawasan hitam', kawasan di mana setiap hari berlakunya kes ragut, kes samun.

Saya ada nampak sebelum itu usaha-usaha dijalankan oleh pihak PDRM di mana mereka mendirikan pondok polis sementara di kawasan itu. Selepas itu membekalkan motosikal untuk rondaan dengan enam biji, lapan biji bersama dan saya rasa ini satu usaha yang agak baik. Akan tetapi masalah sekarang ini di Seksyen 17, kadar jenayah masih berlaku berleluasa. Masih kita dengar setiap hari, ada kes ragut, ada kes merompak.

Saya hendak tahu, apakah cara ataupun cara yang berkesan ataupun cara yang telah dilakukan untuk mengurangkan kes jenayah di Seksyen 17, PJ ini. Walaupun di Seksyen 17 ada satu pondok, bukan pondok, ada satu pejabat polis di Seksyen 17, Jalan 17/47. Akan tetapi seolah-olah pejabat ini tidak ada pegawai ataupun polis di sana. Keadaan kedai polis itu, pejabat polis itu tutup, sentiasa tutup. So, saya haraplah pihak polis boleh menggunakan pejabat itu sebagai satu tempat untuk penduduk mengadu ataupun membuat laporan polis di kawasan itu. Oleh sebab setiap kali masalah kes berlaku, penduduk perlu pergi ke tempat yang jauh untuk membuat laporan polis. Mereka perlu ke Damansara Utama. Polis Damansara Utama agak jauh dari tempat itu.

Banyak kes ragut yang berlaku di Seksyen 17 ini banyak yang tidak dilaporkan kerana mereka tidak percaya lagi polis untuk kendali kes ini. Setiap kali mereka pergi ke polis itu, polis memberi layanan yang agak buruk, yang macam layanan yang tidak peduli langsung. Mereka perli pula kepada si pengadu ini, "Ini kes banyak kali ini, setiap kali ada, hari-hari berlaku berulang-ulang". So, macam ada niat tidak mahu pengadu itu untuk buat laporan polis. Saya rasa ini satu cara yang agak tidak elok dan saya harap perkara ini dapat diatasi.

Berkenaan dengan kes jenayah juga berlaku di kawasan saya iaitu Taman Seri Manja, PJS3. Kes baru-baru ini hanya berlaku pada minggu lepas. Seorang lepasan SPM, adik Mohd. Asri bin Rasi, umur 19 tahun disamun, ditikam mati. Kes ini berlaku di Desa Sepakat, Taman Seri Manja, PJS3. Berlaku pada 27 Mac, 5.30 pagi dan dia ditikam sampai mati dan motosikal barunya dicuri, bukan dicuri, dirampas oleh penyamun itu. Beliau dimasukkan ke hospital, meninggal pada 30 hari bulan Mac. Adik Mohd. Asri ini tinggal di tempat kawasan saya, di PJ4/21A. Dia meninggal pada 30 hari bulan Mac dan semalam baru dikebumikan.

Ini merupakan kes yang kelima yang melibatkan nyawa di Taman Seri Manja Tuan Pengerusi. Kawasan Taman Seri Manja memang merupakan satu kawasan hitam. Setiap hari

ada berlaku kes meragut dan juga kes samun. Ada pondok polis di sana tetapi pondok polis di di PJS 3 ini langsung tidak dipakai. Pondok polis ini hanya diadakan untuk sebagai tempat rehat untuk polis tetapi tidak mengambil kes-kes laporan polis.

Sebelum itu pada tahun lepas, saya ada bangkit kes di Parlimen yang sama, kes Cik Goh Li Kung, umur 27 tahun. Diragut, ditarik sampai jatuh, mati di tempat kejadian. So, saya rasa setiap bulan ada kes samun, ada kes ragut melibatkan nyawa. Saya hendak tanya, apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh kementerian, terutamanya PDRM ini untuk membantu mengurangkan kes samun ini? Bagi tumpuan, di sini kita tidak nampak lagi ada usaha-usaha untuk bawa peronda motosikal untuk datang PJS 3 ini untuk membantu. Yang ada hanya kereta peronda polis di mana bilangannya amat kurang dan bukannya datang itu setiap jam di mana jangka waktu yang agak lama untuk melihat sebuah kenderaan peronda polis di sana. Saya rasa polis perlu tingkatkan kawalan dan juga saya rasa perlu buat sekatan jalan, terutama sebelah pagi ini di mana tempat ini memang saya rasa merupakan kawasan hitam yang amat perlu diperhatikan oleh polis.

Saya hendak merujuk kepada perkara 040100 - Pengurusan Imigresen. Kita sudah tahu tentang kawalan di KLIA ini. Ada masalah kawalan Imigresen di mana dua orang asing dengan pasport palsu boleh dilepaskan dan masuk ke MH370. Ini bermakna kita ada masalah dari segi kawalan lemah di mana orang yang menggunakan pasport palsu pun boleh begitu mudah untuk masuk ke pesawat MH370. Dengan peralatan, dengan peruntukan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat PJ.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Berkenaan pasport palsu ini. Minggu lalu Yang Berhormat Menteri kata, bila pasport itu digunakan, dia masuk itu, dia menggunakan pasport Itali dan Austria dan keluar juga dengan Austria dan Itali.

Saya hendak dapat pandangan dari PJS. Setakat ini kita sudah siasat begitu lama. Bermaksudnya, adakah Kerajaan Malaysia *check* dengan pihak Thailand sama ada pasport itu dicuri di Thailand, bila sudah tentu tak perlu *check* dengan INTERPOL pun, Thailand tahu pasport itu adalah dicuri.

Jadi, adakah ini bermaksud kecuaihan pihak Thailand membenarkan pasport yang dicuri itu digunakan untuk keluar daripada negara dia dan masuk ke negara kita dengan pasport yang dicuri. So, kalau itu betul, Kerajaan Malaysia patut mempertanggungjawabkan pihak Imigresen atas kecuaihan Thailand. So, saya hendak dapat pandangan dan sokongan dari PJS.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat PJ Selatan sudah pukul satu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sambung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak sambung?... Hendak sambung?... Ya.

Baiklah Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kita tempohkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan untuk menyambung.

2.32 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung perbahasan saya.

Tadi Yang Berhormat Batu ada sebut tentang pasport palsu yang digunakan oleh dua orang penumpang pesawat MH370 yang boleh begitu senang lepas di imigresen. Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang pasport palsu yang digunakan oleh dua orang penumpang ini, bagaimana mereka guna pasport ini masuk ke Malaysia? Adakah mereka menggunakan pasport ini masuk melalui sempadan Thailand ke Malaysia atau kedua-dua warga Australia dengan *Italian* ini.

Adakah mereka masuk dari negara asal gunakan pasport asal mereka ke Malaysia atau mereka selepas berada di Malaysia, membeli pasport palsu ini daripada pihak ketiga? Walaupun jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum itu kata mereka masuk dari Thailand ke Malaysia. Adakah kementerian memastikan dan merujuk perkara ini kepada Thailand? Mengapa mereka boleh masuk guna pasport masuk dari Thailand ke Malaysia? Siapa yang bertanggungjawab tentang perkara ini?

Kita guna sebanyak RM6 juta lebih kurang untuk beli peralatan mengambil gambar secara *live* iaitu *on the spot* di KLIA dan di tempat-tempat lain untuk mengesan mereka yang masuk ke Malaysia. Saya juga hendak tahu tentang pasport palsu ini. Adakah mereka merupakan satu tempat kawasan yang begitu senang untuk beli pasport, guna pasport palsu untuk ke negara lain? Saya hendak dapatkan jawapan ini daripada Yang Berhormat Menteri.

Selepas kejadian insiden ini, adakah pihak kementerian akan mengubah SOP yang sedia ada di mana SOP yang sekarang saya nampak ada masalah kelonggaran? Begitu senang orang boleh masuk tanpa dikesan. Walaupun Yang Berhormat Menteri kata kita hendak rujuk kepada INTERPOL. Memang berpuluh juta orang yang guna pasport palsu ini.

Adakah kenyataan itu benar yang INTERPOL ini sebelum itu mengesan ada lebih berpuluh juta kes pasport palsu ini? Kadang merujuk kepada INTERPOL memang satu cara kerja yang susah dan SOP yang bakal diperkenalkan. Saya hendak dapat kepastian bila kita akan memperkenalkan SOP yang baru di lapangan terbang KLIA dan juga tempat-tempat lain di kawasan orang asing masuk ke Malaysia?

Sebagai penggulungan, yang pertama tentang kes jenayah di kawasan saya dan juga seluruh Petaling Jaya. Saya haraplah, walaupun kita guna apa cara pun kes jenayah *percentage* masih tinggi di Petaling Jaya. Ini ada kaitan dengan cara tindakan pihak polis terutama OCPD Petaling Jaya, ACP Arjunaidi Mohamed yang begitu lemah untuk mengendalikan kes jenayah terutama di Petaling Jaya. Peratusan semakin bertambah.

Saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri perlu ambil langkah adakah kita perlu untuk menukar OCPD ini kerana terlalu lama di Petaling Jaya? Dia tidak boleh selesaikan kes-kes jenayah selama ini. Dia dilantik semenjak tahun 2007 sampai sekarang, sudah tujuh atau lapan tahun tetapi kes-kes jenayah tidak boleh selesai.

Kita harap kalau boleh tukarkan OCPD, beri orang baru untuk ambil alih baru boleh selesai masalah ini. Kita tidak mahu dengar alasan lagi kekurangan kereta ronda atau kekurangan pihak polis. Kita sudah beri banyak peruntukan. Rondaan motosikal, sudah beri kuda pun ada untuk buat rondaan tambah kereta lagi untuk rondaan tetapi masalah samun, masalah tikam, dan kematian berlaku berulang-ulang di Taman Medan, Taman Dato Harun, dan juga Taman Sri Manja, Petaling Jaya.

So, saya harap pihak kementerian perlu ambil langkah yang tegas untuk menukarkan OCPD Petaling Jaya ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

2.37 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. P.62 Butiran 021000. Dari tahun 2010 hingga tahun 2012, hanya dalam tempoh dua tahun telah berlaku kehilangan sebanyak 44 senjata api, pistol dan revolver daripada anggota PDRM. Punca kehilangan adalah jelas iaitu kecuai. Adakah kehilangan senjata api itu ada hubung kait dengan pertambahan jumlah kes tembak mati yang amat kerap berlaku pada tahun 2012 dan juga pada tahun 2013? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap semua anggota PDRM yang cuai itu? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan kehilangan aset PDRM pada masa akan datang?

Kerajaan telah senaraikan sebanyak 49 buah kumpulan samseng ataupun kongsi gelap. Setakat ini berapakah kongsi gelap itu telah berjaya dibendung oleh PDRM? Adakah jumlah 49 buah pertubuhan itu masih wujud lagi, sudah berkurangan atau sudah bertambah? Berapakah jumlah anggota kongsi gelap yang sudah ditangkap dan dihukum sejak Januari 2013?

■1440

Apakah hasil yang dicapai oleh kerajaan melalui Operasi Cantas yang telah dilakukan pada tahun lepas? Pada tahun 2013, PDRM telah membuat temu duga seramai 5,900 orang calon konstabel wanita. Berapakah di antara mereka yang telah dipilih untuk menjalani latihan? Ini adalah penting untuk meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam PDRM. Pada masa ini hanya 10.4% adalah dari kalangan wanita yang menjadi anggota polis. Butiran 04000, saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan kos pengoperasian yang ditanggung oleh kerajaan untuk Jabatan Sukarelawan Malaysia.

Apakah bentuk-bentuk tanggungan kerajaan untuk jabatan ini? Berapakah elaun yang dibayar bagi 2.88 juta orang anggota RELA ini? Adakah elaun ini mencukupi atau kerajaan mempunyai cadangan untuk menaikkan elaun mereka? Jika ya, apakah quantumnya?

Butiran 21000 - Pasukan PDRM perlu memberi perkhidmatan yang berkualiti dalam menjaga ketenteraman dan keselamatan rakyat. Untuk itu mereka memerlukan kelengkapan dan senjata yang kemas kini. Apakah jenis senjata api yang digunakan oleh anggota PDRM biasa dan anggota yang menjalankan tugas-tugas yang khas? Dari manakah senjata api itu dibeli? Berapakah kos pembelian satu unit senjata api mengikut jenis yang dibeli? Adakah senjata api yang digunakan adalah setanding dengan negara-negara di peringkat antarabangsa?

Butiran 57000 - Terdapat hanya 47% daripada jumlah lokap yang ada dilengkapi dengan kamera litar tertutup, CCTV. Sebanyak 53% daripada lokap masih tidak mempunyai CCTV. Adakah kerajaan akan memasang semua lokap dengan CCTV pada tahun ini? Adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan supaya CCTV yang dipasang aktif digunakan setiap masa? Berapakah jumlah bilik soal siasat yang masih tidak dilengkapi dengan CCTV di negara kita? Apakah kerajaan berhasrat untuk mencapai 100% penggunaan CCTV di semua bilik soal siasat di negara kita?

Berbalik kepada Operasi Cantas. Dalam Operasi Cantas yang dilakukan pada 17 Ogos 2013 hingga 21 Oktober 2013, sebanyak 20,980 orang telah ditangkap dan 584 senjata api dan senjata merbahaya telah dirampas. Adakah kerajaan berhasrat untuk membuat operasi yang sama pada tahun ini untuk membendung jenayah? Hasil daripada Operasi Cantas yang dilakukan pada tahun lepas, sebanyak 378 kes siasatan telah dibuka di bawah Akta Pertubuhan 1966. Sebanyak 69 kes di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1958 dan 144 kes siasatan telah dibuka di bawah kesalahan senjata api dan senjata berjadual. Daripada jumlah ini, berapakah telah dituduh di mahkamah? Apakah hukuman yang telah dijatuhkan kepada pesalah-pesalah ini? Sila beri penjelasan atau penerangan yang *detail*.

Butiran 24000 - Masalah mat rempit. Hanya 449 tangkapan dibuat pada tahun 2011. Pada tahun 2012 pula hanya 139 kes ditangkap. Berapakah jumlah kes tangkapan mat rempit pada tahun 2013? Saya merasakan jumlah tangkapan adalah terlalu sedikit berbanding dengan masalah sebenar di luar. Ratusan motosikal dan orang awam boleh berkumpul di satu tempat untuk melihat lumba haram tetapi pihak polis tidak mengetahui perkara ini. Saya rasa cukup hairan kenapa tidak boleh tahu tempat dan bila lumba haram ini dilakukan sedangkan semua aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak pembangkang boleh dikesan dan diketahui oleh *special branch* polis. Kenapa aktiviti mat rempit ini tidak boleh dikesan? Apakah ini disebabkan oleh PDRM kekurangan alat-alat bantuan teknik untuk mengesan aktiviti-aktiviti ini ataupun sengaja diabaikan?

Dan akhir sekali...

Serang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]: Ya, *last point*. Butiran 040100. Berhubung dengan peristiwa MH370, isu pasport palsu telah menjatuhkan maruah negara khususnya Jabatan Imigresen. Yang Berhormat Menteri mungkin kata ini bukannya isu pasport palsu tetapi orang palsu tetapi implikasinya sama. Orang yang tidak patut naik kapal terbang itu sudah naik kapal terbang. Itulah kesannya. Bagaimana dua orang itu boleh masuk dan ke luar negara ini dengan begitu mudah, melepasi semua saringan atau kawalan di negara kita? Baru sekarang saya lihat dalam butiran, kerajaan bercadang membeli peralatan mengambil gambar secara *live capture* di kaunter pasport dengan harga RM5.99 juta.

Saya rasa negara-negara lain sudah lama menggunakan sistem ini. Adakah kerajaan mengaku kelemahan dalam pengurusan dalam ini? Itu saja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong selepas itu Yang Berhormat boleh jawab. Hendak berucapkah? Tidak bangun pun?

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Maksud B.62, Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia di bawah logistik di mana saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan dengan permohonan polis bantuan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Ini adalah satu permohonan yang telah dikemukakan sejak awal tahun 2011 tetapi telah ditolak oleh mantan Ketua Polis Negara melalui surat bertarikh 11 Mac 2011 di mana baru-baru ini Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengemukakan satu surat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk membuat rayuan semula supaya permohonan polis bantuan dapat dipertimbangkan semula atas beberapa alasan yang amat penting.

Satu adalah perluasan baru sempadan pentadbiran MPPP di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Warta pada 21 November telah menambah keluasan 30,000 hektar di Pulau Pinang. Jadi dengan perluasan kawasan pentadbiran MPPP, maka unit polis bantuan amatlah perlu ditubuhkan dengan segera. Kedua adalah penganugerahan Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008 dengan Georgetown dinobatkan sebagai

Tapak Warisan Dunia, kita dapat menarik minat banyak pelancong asing datang ke negeri Pulau Pinang, khususnya datang ke Georgetown.

Jikalau kes ragut tidak dapat ditangani dengan baik. Dengan adanya polis bantuan, maka dia akan meninggalkan satu imej yang tidak baik kepada pelancong asing serta memudaratkan usaha kita untuk membangunkan industri pelancongan dalam negara kita.

Ketiga adalah kemunculan atendan tempat letak kereta haram secara berleluasa. Walaupun kita cuba menangani masalah ini tetapi MPPP seringnya perlu dapat bantuan daripada pihak polis.

Akan tetapi pihak polis juga selalunya tidak dapat memberi bantuan atau kerjasama yang sepenuhnya kerana pihak polis juga ada kerja-kerja lain yang perlu ditanggung. Jadi kita rasanya lebih baik jikalau ada Unit Polis Bantuan dapat ditubuhkan, maka atendan tempat letak kereta secara haram ini dapat ditangani oleh MPPP sendiri. Keempat adalah isu yang penting adalah penguatkuasaan terhadap kesalahan-kesalahan lalu lintas. Kita berharap permohonan tersebut dapat dipertimbangkan atas desakan-desakan tersebut.

Kedua adalah berkenaan butiran terhadap - saya ingin merujuk Butiran 04000 - Imigresen, di bawah pengurusan imigresen di mana satu, dalam bulan Julai bulan lepas saya telah bertanyakan satu isu berkenaan dengan Pejabat Imigresen Georgetown di mana Pejabat Imigresen Georgetown adalah sekarang ditempatkan di satu premis yang kecil lagi sempit dan Yang Berhormat Menteri telah memberi satu jawapan bahawa pihak imigresen sedang merancang untuk membuka ruang pejabat baru di kawasan sekitarnya bagi menambah baik lagi tahap perkhidmatan kaunter-kaunternya.

■1450

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, setakat mana usaha-usaha telah diambil untuk mendapatkan satu premis baru atau untuk memperluaskan ruang pejabat yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Pokok Sena, dan selepas itu Menteri jawab.

2.50 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut terlibat dalam perbincangan B.62 Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan imigresen ini. Saya tidak pasti sama ada sudah disentuh oleh rakan-rakan yang lain kerana saya baru masuk sesi petang ini.

Akan tetapi berkaitan dengan MH370 baru-baru ini timbul soal iaitu orang yang menggunakan pasport curi yang telah diguna oleh dua orang warga Iran, dikatakan mencuri pasport orang lain. Mengikut INTERPOL, telah pun mengeluarkan satu pangkalan data mereka yang menyebut bahawa data kehilangan hampir 40.2 juta pasport dan diberikan respons oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam Dewan ini sendiri, beliau mengatakan bahawa jika

kita menggunakan pangkalan data INTERPOL itu akan memperlahankan dan melambatkan proses pemeriksaan imigresen di kaunter.

Jadi, saya agak terkejut apabila INTERPOL menafikan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, kata mereka sebenarnya kalau kita menggunakan pangkalan data mereka, kita hanya perlu mengambil masa 0.2 saat untuk proses pemeriksaan tersebut. Saya tidaklah hendak katakan bahawa apa yang disebut oleh INTERPOL itu *perfect*, tetapi mereka yang membuat pangkalan data itu, sudah tentu mereka telah membuat ujian terlebih dahulu sama ada dari segi jangka masa dan juga kebolehan pegawai untuk melaksanakannya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Pokok Sena, sedikit- INTERPOL. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, adakah Yang Berhormat Pokok Sena sedar bahawa INTERPOL telah pun dua hari yang lepas mengeluarkan satu kenyataan yang tegas menyebabkan kerajaan kita berada dalam defensif di mana INTERPOL menyatakan dengan izin Tuan Pengerusi, *“Malaysia’s decision not to consult Interpol’s Stolen and Lost Travel Documents (SLTD) database before allowing travellers to enter the country or board planes cannot be defended by falsely blaming technology or INTERPOL. If there is any responsibility or blame for this failure, it rests solely with Malaysia’s Immigration Department”*. Menunjukkan bahawa INTERPOL menyatakan bahawa jangan salahkan teknologi yang INTERPOL ada, kalau tidak rujuk makna itu memang kesilapan besar yang telah dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Mohon penjelasan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya terima kasih rakan saya Yang Berhormat Bukit Katil yang memperjelaskan lagi apa yang dimaksudkan oleh INTERPOL. Satu persoalan yang kita hendak tahu juga hari ini sebelum saya pergi kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil, saya hendak habiskan apa yang saya katakan tadi. Sudah tentu INTERPOL dari segi teknologi, mereka sudah membuat uji kaji terlebih dahulu untuk menentukan jangka masa yang akan diperlukan apabila pangkalan data itu dibuat.

Sepatutnya bagi saya bahawa kita berterima kasih kepada Interpol yang telah menyenaraikan pangkalan data 40.2 juta pasport yang hilang, pasport yang dicuri dan sebagainya. Malah saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa di Malaysia sendiri pun ada pihak atau ejen pekerja asing yang melarikan pasport pekerja mereka. Telah pun dibuat laporan polis. Saya difahamkan ribuan pasport pekerja asing yang telah dilarikan oleh ejen. Jadi, kita tidak tahu apa jadi dengan pasport yang telah dilarikan sama ada ia telah digunakan oleh pihak sindiket untuk menjual kepada pihak lain yang akhirnya akan digunakan pasport itu.

Jadi, balik kepada apa yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Bukit Katil, jadi kerajaan kena jelaslah. Kerajaan merujuk atau tidak kepada pangkalan data tersebut? Kerajaan telah merujuk ataupun tidak? Kalau ia merujuk, satu kalau ia merujuk, keduanya kenapa kerajaan menyalahkan kepada teknologi yang dikatakan lambat, yang dikatakan perlahan? Adakah

kerajaan telah membuat ujian ke atas perkara tersebut iaitu pihak imigresen membuat ujian ke atas pangkalan data tersebut untuk hendak lihat sama ada memakan masa atau pun tidak?

Jadi kalau buat ujian, kita hendak tahu bahawa apabila kita buat ujian itu ia memakan masa berapa lama? Hendak belek, orang Kedah panggil 'belek', tengok macam mana. Jadi kita hendak tengok berapa lama masa yang digunakan? Kalau ikut INTERPOL, dia kata *0.2 second*. Maknanya tidaklah lama. Apa salahnya kalau perlahan sedikit pun, bagi sayalah *argument* kita, kalau boleh kita hendak cepat untuk memudahkan proses orang keluar masuk ke dalam negara kita, pelancong asing. Akan tetapi Kementerian Dalam Negeri kena lihat juga apabila polis tengah bawa kereta umpamanya, kalau kita memandu dia suruh kita perlahan untuk hendak mengelak kemalangan.

Jadi, yang ini dia tidak mahu *check*, dia kata lambat. Tiba-tiba kapal terbang hilang. Kalau bawa kereta laju, polis tahan sebab dia kata itu bahaya dan boleh menyebabkan kemalangan jalan raya. Akan tetapi apabila datang pemeriksaan imigresen, hendak *check* pangkalan data tidak boleh nanti perlahan, *slow* dari segi keluar masuk. Akan tetapi akhirnya akibat daripada hujah kita kata *slow* itu, kapal terbang hilang. Sampai sekarang pun tidak jumpa sehingga kita pun jadi pening sekarang ini sebab kapal terbang hilang Tuan Pengerusi. Hari itu Perdana Menteri kata, "*la berakhir di Selatan Lautan Hindi.*"

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, imigresen Yang Berhormat. Kapal terbang tidak masuk imigresen.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya imigresen, pasal kawan itu pakai pasport palsu. Kawan itu pakai pasport palsu naik kapal terbang MH370... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sudah jauh melencong.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap. Jadi, semalam pula pemangku Menteri Pengangkutan kata Perdana Menteri kata, tidak terhempas. Dia hanya kata berakhir di situ. Jadi, sekarang ini kita hendak tahu berakhir itu duduk di mana- duduk *area* ataskah, atau di bawahkah? Dia kata, "*Berakhir di Selatan Lautan Hindi.*" Kita pun jadi pening.

Saya berharap kalau boleh KDN kena *check* balik ini, sebab permit surat khabar bawah KDN kan, teruk sekarang- Ketua-ketua Pengarang kena tukar. Mereka yang kata, "*Pusara di lautan*". Pasal apa? Pasal mereka *pi* faham Perdana Menteri kata begitu padahal pemangku Menteri Pengangkutan kata, "*Perdana Menteri tidak kata terhempas*" Jadi yang mereka kata, "*Pusara di lautan*" pasal apa? Perdana Menteri kata, "*la berakhir di Selatan Lautan Hindi.*" Lagi pening. Kita pun tidak tahu sekarang ini ada di mana. Jadi, bagi saya maknanya kalau begitu, Ketua-ketua Pengarang ini kena keluarkanlah. Maknanya *hangpa* bodoh, tidak faham bahasa Perdana Menteri... *[Ketawa][Dewan riuh]* Tidak faham bahasa Perdana Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebelah sana pun tidak faham juga. Yang Berhormat Bagan Serai pun tidak faham juga? Pening! Kita ini jadi *complicated*. Jadi,

berbalik kepada imigresen sebab dua orang itu kita tidak tahu. Dua orang itu berakhir di mana, yang pakai pasport curi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya pergi dahulu?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya hanya hendak sebut bahawa kisah dua orang yang pakai pasport yang dicuri itu hanya dikesan oleh kerana kapal terbang itu hilang. Kalau kapal terbang itu tidak hilang, mungkin perkara ini akan berlaku dan berjalan dengan biasa sahaja dan tidak ada orang pun perasan. Lalu kita pun tidak tahu sebenarnya sudah berapa ramai orang yang menggunakan pasport yang dicuri ataupun pasport palsu yang telah bolos dalam sistem imigresen kita.

Ini memang seharusnya satu perkara yang diambil berat dan saya berpegang kepada janji Menteri Dalam Negeri yang mengatakan dia akan mempertingkatkan. Akan tetapi mempertingkatkan itu saya tidak hendak lihat berbelanja dengan ratusan juta kerana apa yang dikatakan oleh INTERPOL sebenarnya benda ini perkara yang mudah. Sistem sudah ada, maklumat itu sudah ada. Hanya jalankan *software* yang berkenaan untuk hendak cari pasport-pasport yang sudah tersenarai. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena dalam soal ini?

■1500

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Pokok Sena, boleh saya sambung sebelum beri penjelasan?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Ini ringkas sahaja. Pandangan tadi Yang Berhormat Pokok Sena tentang kegunaan *database* dapat INTERPOL saya hendak minta penjelasan sedikit. Ini sebab Yang Berhormat Bagan Datoh- Menteri Dalam Negeri telah beri kenyataan awam, bahawa negara kita tidak ada hubungan dengan INTERPOL dan menggunakan *database* itu. Ini sebab kononnya ialah kalau kita sambung dengan *database* itu akan melambatkan kegunaan *database* kita di sini.

Ini yang bagi saya nampak bagi saya peliklah sebab saya gunakan contoh yang biasa ya. Biasa kita buat pencarian kepada *Google*, so kita masuk dalam *laptop* kita atau *ipad* kita, kita hubung pada *database Google*. *Database Google* dengan jelas adalah *database* yang terlalu besar. Akan tetapi kita tidak boleh kata bila saya hubung pada *database Google* itu akan melambatkan operasi komputer saya, memang kita tidak boleh cakap macam itu.

Jadi saya pun kurang fahamlah macam mana Menteri Dalam Negeri boleh kata kalau kita sambung pada *database* itu dapat pencarian pada 40 juta pasport yang dicuri itu, itu akan melambatkan pemprosesan data di sini. Ini yang saya memang saya ada masalah besar untuk memahami. Bagi saya tidak ada kaitan dengan dua isu itu. Sepatutnya kita patut boleh sambung pada *database* itu macam negara-negara lain buat dan mengikut INTERPOL sendiri hanya perlu 0.2 saat sahaja untuk buat pencarian untuk menentukan sama ada pasport yang kita ada dalam

tangan kita ini adalah dalam *database* 40 juta itu. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Senalah apa yang patut Menteri Dalam Negeri buat dengan hal ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya bersetuju dengan rakan saya daripada Yang Berhormat Subang tadi bahawa sepatutnya kerajaan kena jawab. Macam saya katakan tadi, kerajaan guna pangkalan data ataupun tidak? Semudah itu membuat kenyataan mengatakan bahawa ia memperlahankan proses keluar-masuk. Sama ada diguna ataupun tidak, ataupun pangkalan data itu hanya duduk dalam bakul sampah sahaja. Itu maknanya penjelasan yang perlu diberikan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Shah Alam- saya bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam bahawa memang jawapan Menteri hari itu, Menteri hanya menjawab kepada saya dalam Dewan ini mengatakan bahawa mereka itu sebenarnya bukan pengganas. Isunya bukan mereka itu pengganas ataupun tidak, isunya ialah kita. Kita bagaimana orang boleh membolos imigresen kita dan sebagainya dengan begitu mudah. Isunya kalau kita tidak menggunakan pangkalan data yang telah pun disediakan oleh INTERPOL.

Oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam bahawa kenyataan Menteri untuk mempertingkatkan segala kemudahan yang lebih baik dan sebagainya. Akan tetapi mestilah dengan pastikan supaya tidak ada unsur-unsur ketirisan, kebocoran yang boleh menyebabkan kita terpaksa menanggung kerugian yang lebih besar. Jadi saya minta supaya Menteri jawab. Walaupun yang hadir ini ialah Timbalan Menteri kerana saya difahamkan Menteri berada di Benu, India. Dia pergi lawatan ke India, ke Bangladesh dan sebagainya. Cuma kita doalah supaya biar selamatlah tidak berada di Selatan Lautan Hindilah. Kita doalah supaya dia selamat.

Saya percaya bahawa, saya percaya dia pergi ke Bangladesh itu atas isu mungkin pekerja asing. Akan tetapi pekerja asing yang masih belum jawab isunya ialah pasport yang telah pun dilarikan oleh ejen pekerja asing. Repot polis telah dibuat dengan begitu banyak. Jadi kita minta penjelasan daripada pihak kerajaan untuk memperjelaskan segala kekeliruan yang timbul ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat Menteri. Banyak yang melencong Yang Berhormat.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat buku bajet tambahan hanya dua *subject matter* yang perlu dibincangkan dalam ini iaitu satu berhubung dengan soalan motosikal. Kedua berhubung dengan imigresen di lapangan terbang. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Jadi soalan-soalan yang lain itu sebenarnya tidak termasuk dalam perbahasan ini. Minta maaf saya akan sebut secara jelas ya. Ia tidak perlu dijawab- walau bagaimanapun saya jawab juga... [Ketawa] Ini sebab kasihan tengok kawan-kawan berdiri lama-lama sangat, bercakap.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat beginilah ya soalan yang semua sebut. Yang Berhormat Subang sudah sebut, Menteri sudah jawab kata dia. Soalan dua *passenger* dari Iran itu. Juga Yang Berhormat PJ Selatan sudah kata pun itu jawapan dia, ada lagi seorang lagi Yang Berhormat sebut juga. Jadi kalau saya lihat peraturan suatu pertanyaan yang telah diberi jawapan tidak payah dijawab lagi, itu peraturan. Jadi saya sebagai bekas duduk dekat atas sana tahu peraturan ini kena bagi tahu juga Yang Berhormat, tidak perlu jawapan lagi. Jadi saya jawab secara benda lain bukan untuk menafikan ataupun mengesahkan apa yang Menteri jawab.

Secara umumnya Jabatan Imigresen untuk melanggan sistem INTERPOL telah diteliti oleh kementerian. Kementerian berpandangan bahawa kaedah melanggan secara terus dengan sistem tersebut tidak memberi pulangan yang terbaik. Ini kerana selain ia melibatkan kos yang tinggi, itu untuk melanggan, dia juga perlu diintegrasikan dengan sistem yang ada yang diguna pakai oleh pihak JIM. Jadi kalau penjelasan kepada *statement* ini ialah begini kalau kos melanggan itu satu kos dan kos untuk memakaikan sistem itu satu kos dia dua kos sudah. Kalau satu kos lagi untuk menggantikan semua sistem yang telah dipakai oleh pihak JIM semua lapangan terbang seluruh negara sekarang, itu satu kos yang begitu besar sudah perlu kita ambil kira.

Jadi dalam keadaan sedemikian pihak kementerian telah memikirkan supaya kita perkenalkan satu sistem iaitu *Advance Passenger Screening System (APSS)*, yang mana sistem tersebut berupaya untuk membuat saringan awal yang akan digunakan terhadap semua penggambaran yang akan memasuki sempadan Malaysia pengembara. APSS juga akan dapat membantu JIM dari segi memberi amaran awal kepada JIM bahawa pihak berkuasa dapat mengenal pasti pengembara yang berisiko tinggi. APSS juga memberi *respons* yang cepat dari pangkalan data yang telah diintegrasikan seperti INTERPOL, *Lost Installment Passport* dan APEC, *Regional Movement and Alert System (RMAS)*. Kementerian bercadang mengguna pakai sepenuh sistem APSS tersebut menjelang Jun 2014. Mengikut maklumat yang diperoleh bilangan negara yang melanggan dan mengguna pakai secara sepenuhnya sistem INTERPOL adalah sekitar 70 buah negara.

Jadi Yang Berhormat dia begini Yang Berhormat, apa yang berlaku, apabila seseorang menggunakan pasport yang dibeli ataupun pasport yang palsu daripada luar negara, dia pertama kali memasuki negara kita biometrik kita melihat *matching*, *thumbprintnya dimatch* dengan muka dia. Walaupun dalam sudut - dia tahu yang pasport itu adalah palsu, dia bukan orang yang dibutirkan dalam pasport tetapi *as far as* kita punya mesin biometrik kata, orang dalam gambar itu adalah orang dalam *detail*, dalam pasport itu.

Apabila dia masuk sekali itu, itulah orang dia dan itu juga pasport diguna pakai, itu orang juga yang keluar. Melainkan orang itu sudah pernah masuk ke sini menggunakan pasport lain

dahulu dan butiran yang sama baru dia boleh mengecam. Melainkan dia ada sistem perhubungan dengan pihak *Interpol Data System* ataupun pengenalan *Advance Passenger Screening System* ini kita perkenalkan.

Ini sebab *Advance Passenger Screening System* ini ada mempunyai data maklumat berhubung dengan passport-pasport yang hilang dan *dimatch* dengan muka-muka orang yang mengguna ataupun disimpan dalam passport tersebut. Itulah apa yang berlaku pada kemasukan dua orang ini kenapa dia tidak dapat dicam.

■1510

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, baik terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau boleh saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan angka untuk mengatakan bahawa ia terlalu mahal dan sebagainya. Selepas itu pada masa yang sama kita pun hendak belanja juga untuk hendak *upgrade* kita punya sistem yang sedia ada.

Maka apakah perbandingan kos penggunaan sistem INTERPOL yang keseluruhannya dan berbanding dengan sistem yang kita hendak *upgrade*, yang kita hendak perkenalkan sendiri tetapi yang mempunyai akses kepada pangkalan data INTERPOL. Ini yang saya faham. Maknanya apa yang kita hendak lakukan ialah kita hendak *upgrade* sistem yang kita sedia ada tetapi sistem yang kita ada apabila sudah di*upgrade* ini, akses kepada pangkalan data INTERPOL itu masih kita akan dapat lakukan.

Berkenaan kenyataan bahawa terlalu mahal, terlalu mahal, terlalu mahal, kita tidak tahu apakah yang dikatakan terlalu mahal itu dan hendak bandingkan pula dengan yang kita hendak buat yang mungkin kita tidak yakin sejauh mana keberkesannya. Ini kerana bagi saya, yang terpenting ialah akses kepada pangkalan data INTERPOL itu yang di*upgrade* dan dengan sendirinya kita boleh mengesan sekiranya ada mana-mana nombor passport yang telah dilaporkan sebagai dicuri ataupun yang hilang dan diguna pula oleh mana-mana penumpang.

Saya rasa kalau boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan yang lebih *precise*. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya menyambut baik soalan Yang Berhormat dan saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat cakap. Akan tetapi, *advance passengers screening system* ini juga di*link* dengan INTERPOL, Yang Berhormat. Maknanya, apa yang Yang Berhormat kehendaki di Dewan ini, dicadangkan di Dewan ini supaya kita punya sistem di*link* dengan INTERPOL punya *database* akan dilaksanakan menerusi *advance passengers screening system* ini.

Jadi daripada sudut kewangannya, Tuan Pengerusi, saya belum boleh menjawab kerana saya bimbang perundingan di antara kerajaan dengan pihak yang memperkenalkan sistem ini

supaya di *integratekan* bukan sahaja INTERPOL, selagi-lagi ada maklumat berhubung dengan kehilangan pasport dan sebagainya akan *dilinkkan* dengan sistem ini. Belum lagi kita dapat.

Cara pembayaran itu, adakah kerajaan yang akan bayar ataupun dibuat secara macam penswastaan. Penswastaan ini sistemnya mungkin *passenger* yang masuk ke Malaysia itu kena bayar berapa kosnya dengan sebagainya supaya mengurangkan kos kepada kerajaan tetapi *passenger* yang masuk ke Malaysia ini akan membayar sendiri kos kemasukan mereka semasa membeli tiket umpamanya.

Sistem ini ialah masa dia membeli tiket. Bila tiket telah diberi kepada dia, dia kata hendak datang ke Malaysia, pada ketika itu sistem ini akan dilaksanakan dan akan *screen* dia punya latar belakang, dia punya keselamatan dan sebagainya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma penjelasan daripada kerajaan tentang yang diumumkan tadi soal *advance passengers screening system* (APSS). Saya jadi bimbang bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kemungkinan ada swasta yang akan terlibat dan sebagainya kerana saya percaya APSS ini kalau betul pangkalan data boleh semak *criminal background*, dengan izin, dan sebagainya, ini membabitkan *security* ataupun keselamatan apatah lagi pasca ataupun *post* MH370 ini, kita menekankan soal keselamatan yang bukan sedikit kosnya malah kita terpaksa berhadapan dengan risiko yang lebih besar.

Sebab itu saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya inginkan penjelasan. Saya difahamkan. Kalau mengikut pembacaan saya bahawa APSS ini dilancarkan *as a pilot project by the immigration and check point security of Singapore*. Saya percaya kalau itu berlaku, bermakna Kerajaan Singapura sudah pasti ada beberapa penilaian terhadap program ini. Apakah kerajaan mengambil iktibar ataupun membuat kajian perbandingan supaya APSS ini kita boleh kurangkan kos. Dalam masa yang sama kita tidak swastakan mana-mana syarikat. Biar kerajaan *take control* kerana ini membabitkan soal *security*. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tambah daripada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil. Saya merasakan bahawa persoalan keselamatan ini memang tidak perlu ataupun tidak patut kita swastakan, lebih-lebih lagi apabila disebut bahawa kosnya akan ditanggung oleh pihak penumpang itu sendiri. Maknanya kalau kita sudah ada dia punya sistem di mana kita akan *charge* bila dia beli tiket ataupun apa juga yang bayar untuk visa, apa-apa itu, maka ia akan termasuk dalam kos untuk *advance passengers screening system* ini. Maka saya tidak nampak ada perlunya untuk usaha penswastaan.

Dalam soal ini, ia merupakan persoalan keselamatan, nyawa penumpang-penumpang yang menaiki mana-mana pesawat pada masa yang akan datang. Maka kita tidak mahu ada satu keadaan di mana perkiraan kewangan itu mengatasi perkiraan keselamatan. Kalau kita swastakan, kita khawatir pada ketika-ketika yang tertentu, mungkin ada usaha untuk melakukan penjimatan. Maka *screening* itu tidak dilakukan dengan 100% pada setiap ketika kerana hendak

maximize keuntungan dan sebagainya kerana dia pihak swasta. Maka ia merupakan satu perkara yang tidak boleh kita terima dan kompromi.

Seharusnya, persoalan keselamatan ini tidak boleh kita swastakan dan kita hendak tentukan ia satu usaha yang akan *thorough*, ia akan telus, ia terperinci dan walau apa sekali kos, akhirnya keuntungan itu bukan merupakan perkiraan yang terpenting. Maka ia perlu dilakukan oleh pihak kerajaan dengan mengenakan *charge* yang minimum dan bukan untuk mendapat keuntungan tetapi pada masa yang sama menjamin keselamatan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Ada kalanya memang banyak perkara yang baik keluar daripada Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan ada kalanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi biasanya... *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Itu Tuan Pengerusi, lagipun benda macam ini saya tidak mahulah gaduh dengan kawan. Sudah lama sangat. Subjektiflah benda itu. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, memang kita tidak akan berkompromi dalam sudut keselamatan negara. Penswastaan yang saya sebut di sini mungkin, saya gunakan perkataan mungkin sebab ia terlalu awal bagi saya untuk mengatakan sebab belum diputus oleh pihak kerajaan dan kementerian. Kementerian mencadangkan dan kerajaan akan meluluskan apa sahaja sistem yang diperkenalkan sama ada dia penswastaan lagi, Yang Berhormat. Khazanah pun penswastaan juga.

Jadi dia *wholly owned by* kerajaan. Jadi jangan dikelirukan- dia hanya kepunyaan 'A', 'B' atau 'C'. 'A' anak 'B' dan sebagainya. Penswastaan ini mungkin kerajaan *wholly owned* dan sebagainya. Bermacam-macam. Jadi itu semua *option* yang kita lihat.

Walaupun bagaimanapun, kita juga sudah kaji. Terima kasih maklumat berhubung dengan Singapura telah memperkenalkan. Sebenarnya, Amerika Syarikat, Kanada, *United Kingdom*, Afrika Selatan, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu pun sudah melaksanakan sistem yang sama, Yang Berhormat. Maknanya kita bukanlah datang dengan benda yang unik atau benda yang belum dipakai oleh orang lain yang kita hendak perkenalkan. Hanya sudut cara sistem ini, macam mana kita hendak mengolahnya. Sebenarnya memakan masa yang panjang sedikit sebab Yang Berhormat Menteri dan saya pun masuk tidak sampai pun satu tahun. Daripada peringkat itulah, sistem ini kita fikir dalam kementerian.

Jadi Yang Berhormat, kita cukup yakin bahawa semua elemen yang Yang Berhormat Shah Alam sebut tadi tidak mengkompromikan keselamatan negara oleh kerana hendak mencari keuntungan dan juga tidak melihat kepada sudut keuntungan tetapi pentingnya ialah untuk keselamatan negara dan keselamatan kapal terbang. Keselamatan lapangan-lapangan terbang kita di seluruh negara itu yang kita pentingkan. Jadi Yang Berhormat, *insya-Allah* kita akan maklumkan kepada Parlimen apabila benda ini dilaksanakan nanti. Sistem ini dilaksanakan nanti.

■1520

Yang Berhormat, panjang sangat sudah cerita soal memperkenalkan apa sistem kita hendak perkenalkan untuk keselamatan di lapangan terbang dan menjamin supaya mereka yang masuk ke dalam kapal terbang itu tidak menggunakan dokumen-dokumen sebagaimana yang berlaku pada MH370 itu. Jadi kita telah jawab Yang Berhormat. Jadi saya kembali kepada yang disoal oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Ini memang banyak benda yang relevan.

Persoalan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kadar jenayah terutama kes ragut di Seksyen 17 Taman Sri Manja dengan merujuk kes yang berlaku pada 27 Mac dan mangsa telah meninggal dunia pada 30 Mac telah menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkannya. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan juga membangkitkan tentang kesukaran orang awam untuk membuat laporan polis walau terdapat pondok polis di kawasan berkenaan.

Sebenarnya Yang Berhormat, kes ini masih dalam siasatan polis di bawah seksyen 302 iaitu bunuh dan sehingga sekarang belum ada tangkapan yang dibuat. Soal pondok polis yang disebut oleh Yang Berhormat, dua tiga perkara saya hendak sebut tadi. Satu, tidak cukup anggota. Kedua, tidak terima *report*. Ketiga, layanan tidak berapa baik. Yang Berhormat, sebenarnya yang akhir itu Yang Berhormat sebut secara khusus OCPD itu. Sudah lama sangat berkhidmat di sana. Saya akan jawab satu persatu Yang Berhormat.

Pertamanya pondok polis ini ialah sebagai tempat pertemuan, *converging point*, ia bukan polis *station* yang sebenar, bukan berfungsi sebagai pondok polis. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, sistem yang kita perkenalkan semenjak tahun 2005, saya sendiri terlibat Yang Berhormat, meminda undang-undang *Penal Code* dan CPC 2005 untuk mengubah sistem yang diperkenalkan dahulu sebelum itu dalam undang-undang yang sama bahawa apabila polis diberikan maklumat berhubung dengan berlakunya satu-satu kesalahan ataupun jenayah, mesti menerima laporan tersebut tidak kira di mana sama ada naik kereta MPV ataupun dia naik motor-URB, dia berjalan, ataupun di bit, dia kena terima laporan daripada orang awam.

Tujuan undang-undang ini dipinda, semangatnya ialah untuk mendekatkan perkhidmatan polis kepada masyarakat. Jadi, kita ambil berat soalan Yang Berhormat sebut bahawa ada kadangkalanya polis tidak menerima laporan. Jadi kita akan susulkan perkara ini Yang Berhormat dan terima kasih atas maklum balas yang telah Yang Berhormat sebut tadi.

Keduanya ialah soal rondaan MPV dan motosikal. Soal motosikal Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dimaklumkan pada bajet Perdana Menteri yang lepas bahawa kita bercadang hendak mengadakan 5,000 motor untuk URB iaitu Unit Rondaan Bermotor di seluruh negara. Sehingga sekarang ini kita sudah beli 1,800 dan 1,800 ini kita telah agih ke seluruh negara, tiap-tiap negeri sudah kita agih. Memang saya mengatakan belum lagi mencukupi kerana *target* kita ialah, sasaran kita ialah 5,000 unit, kita hanya baru beli 1,800. Bajet yang diluluskan oleh Dewan ini juga Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam keadaan sedemikian, memang ada daripada sudut yang belum lagi mencukupi. Walau bagaimanapun, rondaan 24 jam ketika ini terdapat 51 motosikal yang ditempatkan di Balai Polis Seapark, Sungai Way, Balai Polis Damansara yang akan membuat rondaan secara terus selama 24 jam di kawasan tersebut. Memandangkan kawasan tanggungjawab yang begitu luas, pihak polis tidak berupaya membuat rondaan di semua kawasan di Petaling Jaya. Berkenaan kes ragut tadi Yang Berhormat, polis memang mengambil berat dan mengambil tindakan berhubung dengan apa Yang Berhormat sebutkan sebelum itu tadi. Itu dua perkara yang besar Yang Berhormat bangkitkan.

Saya bangkit kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat, sebenarnya soalan RELA itu, ia RM10 sahaja. RM10 kalau saya jawab panjang-panjang pun, Tuan Pengerusi kata itu token sahaja, tidak payah. Jadi walau bagaimanapun, saya ada sedikit jawapan di sini. Berhubung dengan itu juga, kehilangan senjata Yang Berhormat sebut. Memang kita tahu ia ada masuk dalam Laporan Audit dan sebagainya. Itu juga tidak ada termasuk dalam ini kerana ia adalah soalan motor dan soalan imigresen punya *facial record* di lapangan terbang.

Jadi nampaknya Yang Berhormat, benda-benda yang relevan semua sudah saya jawab. Mana-mana soalan yang dibangkitkan, dua-dua Yang Berhormat daripada Tanjong dan juga daripada Batu Gajah tadi, soalannya kita akan jawab secara bertulis kerana tidak perlu dijawab di sini oleh kerana ia bukan ada hubung kait dengan dua agenda yang telah ditetapkan oleh kertas dalam bajet ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,995,600 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM15,955,600 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM70 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM70 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

Maksud B.21 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,000,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM20,000,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tenom.

3.28 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin berbahas dalam Perbekalan Tambahan ini berkenaan dengan P.22 bagi Maksud 02300 berkenaan dengan Jalan-jalan Luar Bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, pada penggal lepas beberapa jalan luar bandar telah diluluskan di kawasan saya. Antaranya iaitu jalan raya Korolok, antara Jalan Marais dan juga jalan di Kampung Mengusok dan juga jalan raya di Kampung Gomisi Tuan Pengerusi.

Dalam perbahasan ini Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kepada pihak kementerian berkenaan jalan raya Korolok ini. Seperti mana saya nyatakan tadi telah diluluskan pada penggal lepas jalan-jalan luar bandar yang tidak silap saya lebih kurang antara RM7 juta atau RM8 juta telah diluluskan oleh pihak kementerian. Akan tetapi nampaknya Tuan Pengerusi, jalan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Pada kali ini peruntukan tambahan sebanyak RM72 juta, bagi Sabah sebanyak RM18 juta. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah peruntukan ini ataupun projek jalan raya Korolok ini, jalan luar bandar ini telah dapat dilaksanakan dengan adanya peruntukan tambahan ini.

■1530

Beberapa kali telah saya lihat telah dibangkitkan sama ada di peringkat daerah hinggalah di peringkat Parlimen. Ini kerana jalan raya ini amat penting kerana kampung tersebut memerlukan jalan tersebut kerana terdapat sekolah dan menjadi salah satu penghubungan utama bagi kampung tersebut yang mana jalan raya Krolok ini.

Begitu juga Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan perancangan jalan-jalan luar bandar ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan dengan keutamaan-keutamaan yang telah kita senaraikan

pada masa-masa yang lalu untuk supaya jalan-jalan ini dapat dinaik taraf. Saya kira apabila pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar memberi peruntukan kepada jalan-jalan luar bandar di kawasan saya, begitu amat membantu kepada kawasan-kawasan yang terlibat.

Yang pertama, ingin saya nyatakan senarai yang telah saya utamakan dalam soal pembangunan jalan-jalan luar bandar ini. Jalan raya *ring road* di antara Pa-Seberang dan juga Inubai dan begitu juga dengan jalan raya Pengansamon dan juga jalan raya Ring Road Kuala Tumani dan juga Bangkulin. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Adakah jalan-jalan ini telah disenaraikan dan bilakah akan dilaksanakan oleh pihak kementerian? Mungkin boleh dilaksanakan melalui peruntukan tambahan seperti mana yang termaktub dalam Akta Perbekalan Tambahan ini.

Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memberi pertimbangan dan juga kelulusan supaya beberapa jalan ini dapat diberi keutamaan pada tahun ini untuk membantu masyarakat atau pun kampung-kampung yang terlibat di mana jalan-jalan ini adalah merupakan jalan-jalan utama.

Tuan Pengerusi, jadi saya harap terutama kepada jalan Krolok tadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Oleh sebab jalan ini telah lama diluluskan dan ianya berserta dengan jalan raya Merais yang pada penggal lepas telah dilaksanakan dan beberapa jalan yang lain. Cuma tinggal jalan ini sahaja belum dapat dilaksanakan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

3.33 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud P.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Juga mengenai 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang peruntukan menaik taraf jalan-jalan di kawasan-kawasan kampung tradisional, terutamanya di kawasan Kota Raja. Saya dapati bahawa jalan-jalan di kampung-kampung, saya tidak pasti adakah hanya jalan-jalan yang berturap tar sahaja yang diberi perhatian oleh kementerian?

Bagaimana dengan jalan-jalan di dalam kampung sendiri yang biasanya diturap hanya dengan dipanggil, *crusher run*. Jadi, selama lima tahun di Kota Raja saya dapati bahawa kampung-kampung seperti Kampung Johan Setia, Kampung Jawa, Jalan Kebun tidak diberi perhatian sepatutnya oleh Kementerian Luar Bandar. Saya bangkitkan perkara ini di dalam ucapan terima kasih saya kepada Titah Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini kerana tidak ada usaha untuk menaiktarafkan jalan-jalan kampung ini.

Kepayahan kami adalah apabila pihak-pihak PBT enggan menggunakan atau pun tidak dapat menggunakan peruntukan MARRIS untuk jalan-jalan kampung. Ini tidak difahami oleh rakyat jelata yang tinggal di kampung-kampung tradisional. Mereka mempunyai persepsi bahawa

kerajaan negeri menganaktirikan mereka kerana tidak menaiktarafkan jalan-jalan kampung ini. Jadi, saya minta kementerian memberi perhatian kepada kampung-kampung tradisional kerana di masa-masa yang lampau, di masa-masa sebelum ini, jalan-jalan ini diberi perhatian oleh kementerian. Akan tetapi apabila Selangor diambil alih oleh Pakatan Rakyat, kita nampak jalan-jalan kampung tidak diberi perhatian.

Kawasan-kawasan yang mungkin saya sendiri lihatlah DUN di mana dimenangi oleh Barisan Nasional, jalannya cantik. Diberi peruntukan untuk naik taraf jalan-jalan ini. Jadi, saya harap kampung-kampung di bawah Pakatan Rakyat tidak dianaktirikan. Ini kerana mereka ini juga perlu diberi hak mereka dan juga dilayan sama rata seperti kampung-kampung tradisional lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

5.36 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak bercakap pasal P.22 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar.

Terima kasih kepada kerajaan kerana banyak kawasan saya di luar bandar sudah dinaiktaraf. Saya hendak mohon pertambahan, jika boleh pihak kementerian Luar Bandar menyiapkan jalan raya daripada Kampung Kuala Sibuti ke Kampung Pejuang Kelulut yang tengah-tengah antara sekolah ke jambatan itu belum siap lagi.

Jalan di beberapa buah sekolah-sekolah di luar bandar dan juga di kampung-kampung bekam di Sibuti masih perlu jalan-jalan untuk dinaik taraf. Di kawasan-kawasan saya di luar bandar banyak sudah dinaik taraf. Kawasan ini mohonlah penambahan baik di peruntukan yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban.

3.37 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Butiran Projek 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar. Khususnya peruntukan RM45.2 juta untuk Sarawak.

Rakan saya juga pemimpin daripada Sarawak- minggu lepas saya ada pergi melawat sebuah rumah panjang di Kuala Sigu memakai bot, dua-tiga jam daripada Sebauh dalam Parlimen Bintulu.

Kita pergi melawat rumah panjang tersebut kerana DAP ada sebuah program di Sarawak yang bernama "*Impian Sarawak*", untuk membantu masyarakat-masyarakat di luar bandar. Terutamanya rumah-rumah panjang yang tidak mendapat perhatian daripada kerajaan. Ada rumah panjang ini yang sudah berpuluh tahun tetapi tidak ada kemudahan air paip. Jadi, *Impian Sarawak* adalah satu projek untuk membantu mereka secara sukarela memasang paip sepanjang 4 kilometer daripada atas bukit untuk sampai ke rumah panjang tersebut.

Cuma apabila saya melawat tempat itu, salah satu aduan yang telah disampaikan oleh penduduk-penduduk di sana ialah kekurangan jalan iaitu tidak ada jalan langsung untuk sampai ke rumah panjang itu. Kebanyakan penduduk di sana perlu memakai bot untuk keluar. Apabila kita menjalankan projek ini, kita hendak mengangkut paip ke rumah panjang tersebut. Apabila sampai ke satu jambatan untuk menghubungkan Sebauh dengan Kuala Sigu ini, jambatan itu cukup usang. Lori tidak boleh masuk, tidak boleh guna dan terpaksa menggunakan *4WD*. *Pipe part* itu terpaksa ditarik melalui bot melalui sungai untuk sampai ke rumah panjang tersebut. Jadi, langsung tidak ada kemudahan jalan untuk menghubungkan Kuala Sigu ini dengan jalan-jalan besar ke Sebauh atau pun ke Bintulu.

Jadi, saya memohon perhatian daripada Timbalan Menteri Yang Berhormat Kapit, kawan baik saya daripada Sarawak yang saya rasa pemimpin yang cukup adil. Harap memberikan perhatian kepada kemudahan jalan kerana tidak ada lagi jalan menghubungkan Kuala Sigu ini dengan pekan-pekan yang lain. Jadi, harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan perhatian, melaksanakan projek tersebut untuk membantu rakyat di Kuala Sigu. Terima kasih.

■1540

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

3.40 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap berkaitan dengan P.22 Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar.

Satu perkara sahaja Tuan Pengerusi iaitu ada satu Projek Jalan Luar Bandar yang sudah pun dipersetujui di Jalan Fasa 2, Kampung Chenah. Fasa satu sudah siap, fasa dua sudah dipersetujui dengan peruntukan lebih daripada RM60 juta, sekitar sepuluh ataupun sekitar lima ke enam kilometer. Jadi pada hemat kami, kami dapati tidak perlu kementerian berbelanja begitu besar kerana apa yang diperlukan- kerana yang fasa satu itu pun sudah cukup mahal kerana standard jalan yang dibuat itu jalan *highway* dan ini jalan menuju ke perkampungan Orang Asli dan ia tidak pernah dirundingkan dan apa yang kita mahu ialah jalan-jalan perkampungan Orang Asli yang ada 14 itu sebenarnya yang patut ditingkatkan.

Oleh kerana itu saya mohon kementerian supaya mengkaji semula projek ini dan membuat agihan kepada semua jalan yang menuju ke perkampungan Orang Asli dan itu lebih besar manfaat dan impaknya dan jalan yang hendak dibuat pada fasa dua itu tidak mempunyai keperluan yang mendesak begitu tinggi mutunya. Jadi sebab itu saya mohon supaya kementerian mengkaji semula supaya peruntukan yang begitu besar dapat dinikmati secara lebih meluas dan menyeluruh kepada semua kampung Orang Asli di kawasan Jelebu khususnya. Jadi selain daripada itu, terima kasihlah kementerian sudah banyak membuat dan memajukan jalan-jalan kampung yang sepatutnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

3.42 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin berbahas maksud P.22 Bil. 23000 – Jalan Luar Bandar.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana tidak henti-henti membela nasib rakyat kampung untuk memastikan bahawasanya pembinaan jalan-jalan di kampung ini dapat diteruskan khususnya di dalam kawasan-kawasan yang masih pedalaman dan kawasan-kawasan yang di luar bandar. Jadi Program Jalan Luar Bandar ini amat berkesan sekali untuk memastikan kenikmatan kita semua untuk membaiki dan memperluaskan sistem dari segi sistem pengangkutan mungkin kerana untuk mempermudah perjalanan dari satu kampung ke satu kampung yang mungkin destinasiya agak jauh. Dalam hubungan ini, jalan luar bandar ini adalah merupakan di bina mengikut bentuk permukaan yang mungkin lebih tinggi bagi memastikan tempoh gunanya yang kebanyakannya terpaksa penyelenggaraan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Kalau melihat dari segi Parlimen saya sendiri, kebanyakan jalan-jalan ini telah melebihi usia yang begitu tinggi dan memerlukan banyak peruntukan untuk ditambah baik. Jadi dalam soal ini kalau kita melihat daripada peruntukan yang dibentangkan, bajet tambahan sebanyak RM72.7 juta, mungkin masih banyak yang diperlukan daripada itu kalau kita melihat daripada wakil-wakil tidak kira sama ada daripada sebelah sana ataupun di sebelah sini, masih memerlukan banyak peruntukan untuk memastikan kenikmatan bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Khususnya hari ini kita tahu penduduk-penduduk luar bandar juga telah banyak mengusahakan dari segi ladang, kelapa sawit, getah dan sebagainya. Sudah pastilah hasil ini juga perlu dikeluarkan dengan begitu baik. Kalau jalan tidak baik, mungkin kalau musim hujan yang masih ada jalan-jalan kampung, mungkin agak sukar untuk mengeluarkan hasil-hasil ini. Jadi saya berpendapat walaupun bajet tambahan, jalan-jalan luar bandar ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mestilah kalau boleh menambahkan bajet yang lebih besar kalau dibandingkan RM72.7 juta ini saya fikir satu negeri pun sudah tidak cukup agaknya, ia perlukan tambahan. Jadi saya menyokong penuh. Maka dapatlah kita melaksanakan perkara-perkara itu.

Satu lagi seperkara yang amat penting, saya berpendapat semasa ini, jalan-jalan di kampung ada kampung yang sangat jauh tetapi jalan ada. Cuma jalan sepuluh kaki sahaja, sesetengahnya tidak ada tempat berselisih. Jadi saya cadangkan supaya dalam bajet tambahan ini diambil kira juga supaya pelebaran jalan sekurang-kurangnya menambah empat kaki lagi, daripada sepuluh kaki menjadi kepada 14 kaki, sekurang-kurangnya kita dapat berselisih. Walau bagaimanapun, kalau dalam kawasan saya, Parlimen Lipis boleh dikatakan hampir habis jalan-jalan kampung dibina tetapi jalannya agak kecil. Kalau boleh ditumpukan kepada kampung-kampung pedalaman yang agak jauh mungkin 15 kilometer atau 16 kilometer, jalannya ada tetapi agak sempit yang terpaksa kalau musim-musim perayaan seperti kahwin, hari raya, dan

sebagainya agak sukar kerana mereka pulang ke kampung, sudah pasti anak-anak kita sekarang ini yang telah berjaya di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini kebanyakannya mempunyai kereta yang mesti dibawa balik ke kampung.

Jadi kita berharap supaya tambahan ini melibatkan pelebaran jalan dan seperkara yang akhirnya, sebelum ini ada satu jalan yang telah dibina, dalam pembinaan tetapi di tengahnya masih belum ada jalan. Maksud saya, jalan tersebut dari jalan di kawasan saya Parlimen Lipis, dari Kampung Bukit Kota ke Kampung Aur Gading, jalannya dah siap dibina oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kemudian dibina pula dari Felda Chegar Perah ke Kampung Chegar Perah, dalam pembinaan, tinggalnya di tengahnya tidak ada jalan. Ia boleh melibatkan terlalu banyak kampung, di tengahnya masih tinggal tetapi saya dimaklumkan dalam perancangan iaitu jalan Kampung Chegar Perah ke Felda Chegar Perah Fasa Dua. Apa yang saya mohon kalau boleh difikirkan untuk bagi tambahan daripada bajet tambahan ini. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibü.

3.47 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mahu membahaskan Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya di sini mahu mengambil perhatian kementerian tentang satu jalan di Kapit, Jalan Nanga Yong...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Kawasan Timbalan Menteri itu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Ya, Jalan Nanga Yong sana kerana di sana sudah ada papan tanda jalan tetapi jalan belum ada lagi, belum buat lagi, dan belum siap lagi. Jadi saya menerima banyak aduan dari penduduk-penduduk di Nanga Yong sana...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Papan tanda pasal jalankah Yang Berhormat?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: *Pardon?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Papan tanda itu pasal jalankah ataupun pasal lain?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Jalan. Jadi haraplah kementerian boleh cepatkan projek itu supaya mereka boleh pakai jalan itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

3.48 ptg.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapit suruhkah yang tadi itu?... *[Ketawa]*.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hanya mahu menyentuh tentang Butiran 202300 – Jalan-jalan Luar Bandar.

Sebagai dengan izin, *reminder*- saya telah pun beberapa kali bertanyakan pasal Jalan Telahak-Meritam-Bong Abai. Sekarang ini Fasa 2 lah. Fasa 1 telah siap. Fasa 2 ini *retender*, dan keadaannya begitu teruk di kawasan itu. Saya mengharapkan, memintalah kepada kerajaan untuk memastikan *this retendering* dapat dilaksanakan *because* jalan itu sendiri sudah memang teruklah sekarang, yang telah pun dibuat ini sudah sampai agregat dan sudah berlaku hakisan. Ini boleh menambahkan kos lagilah kalau lambat. Seterusnya ialah jalan ini juga berhenti di tengah-tengah hutanlah, Fasa 2 ini.

Jadi saya berharap, saya telah pun meminta juga supaya disambung Fasa 3 supaya jalan ini sampai menuju ke Pekan Limbanglah, ya. Satu lagi ialah tentang Jalan Bawang Ubur, Oil Palms Kims Jalan Bawang Ubur yang di seberang Sungai Limbang pada masa ini pun juga telah pun *delay* terlalu lama. Walaupun kontraktor telah pun- tetapi *delay* itu rasanya boleh melemahkan semangat kita jugalah. Jadi kita minta kepada kerajaan khususnya di projek luar bandar inilah memastikan ianya dapat disiapkan dan juga iaitu tentang- sebagai pengalaman sayalah, saya ada risau sedikit takut dengan izin, *make sure we choose the right contractor to do this, you know*.

■1550

The right contractor yang ada pengalaman buat jalan. Kadang-kadang kalau salah orang, bukan saya hendak tetapi *make sure*. Jadi sebab ini dapat impaknya kepada rakyat, kalau terlalu lama, makin mahal lagi. Jadi saya minta kepada Jalan Bawang Ubur ini, kalau boleh apabila sudah siap hanya peringkat sampai batu sahaja. Saya pun telah meminta supaya ianya dinaikkan taraf sebagai jalan bertar juga. Ya, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

3.50 ptg

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya menggulung bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan Tahun 2013 ini. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengemukakan permohonan melalui surat bertarikh 18 Mac 2013 mengenai permohonan peruntukan tambahan yang telah diluluskan bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur di bawah kementerian. Permohonan adalah dibuat berdasarkan justifikasi seperti berikut ini.

Permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM72.7 juta yang telah diluluskan kepada KKLW untuk membiayai sepuluh buah projek Kementerian Luar Bandar dan Wilayah melalui Waran yang telah diberikan.

Peruntukan tambahan sebanyak itu adalah untuk projek-projek seperti mana yang telah dicatat untuk Sarawak RM45.2 juta dan untuk diberi Sabah RM18 juta dan untuk Semenanjung

RM9.5 juta. Projek-projek tersebut adalah projek Jalan Linuyunkan ke Pinangah, Fasa 2, Sandakan Sabah sepanjang 7.2 kilometer. Spesifikasi JKRnya R3 yang dalam perancangan peruntukannya adalah RM5 juta.

Jalan Topokon, Jalan Wangkod, Gohtong Tamparuli, Sabah sepanjang 12 kilometer. Spesifikasi JKR 3 dalam perancangan akan menggunakan belanja RM13 juta.

Jalan Bukit Tungku Sayat Soh dan Serembat di Lubuk Antu, Sarawak untuk sepanjang 18.5 kilometer adalah untuk menaiktarafkan jalan *gravel* kepada jalan berturap, dengan standard spesifikasi JKR R2 tender semula- ini RM11.7 juta.

Jalan Engkelili Nanga Bulu Sri Aman, Sarawak yang sepanjang 15 kilometer- naik taraf jalan *gravel* dan *subtended* kepada jalan berturap. Jalan JKR 2, tender semula RM13.7 juta.

Jalan Sayat ke Nanga Kumpang, Sri Aman Sarawak. Panjangnya satu kilometer- 12 jambatan, 30 meter, dan 450 meter spesifikasi JKR 1- premiks dalam pra-pelaksanaan, dan dalam proses penentuan tapak yang akan menggunakan belanja RM10.76 juta.

Jalan penghubung desa ke Kampung Medang, Betong di Sarawak juga. Panjangnya lapan kilometer. Membina jalan *gravel* berbatu dalam perancangan RM5 juta.

Jambatan ke Rantau Panjang Kota Tinggi, Johor- 2.2 kilometer panjangnya yang ada sebuah jambatan 100 meter, standard JKR2. Jalan sepanjang 22 kilometer dari standard JKR 1 *premix* pra-pelaksanaan dalam proses pengambilan tanah- sebanyak RM4.5 juta akan digunakan.;

Jalan dari Nanga Jagau ke Nanga Nguling 6.5 kilometer. Ini yang menyambung sebahagian daripada jalan dari Kapit, Song, Sipan, Numun, dan Kerawit. Ini sebahagian daripadanya JKR R1 dalam perancangan dan ini menggunakan RM5 juta.

Jalan Tembangau 3 ke FT 1579 ini di Bera, Pahang, panjangnya 4.5 kilometer spesifikasi standard JKR R2 dalam perancangan yang menggunakan RM2 juta; dan

Menaik taraf jalan C118 seksyen 17 ke 25 di Bera, Pahang, panjangnya lapan kilometer. Spesifikasi standard JKR R2 dalam perancangan RM3 juta akan digunakan.

Jadi untuk perbelanjaan tambahan ini keseluruhannya adalah 82.9 kilometer yang menggunakan seperti yang dimaklumkan di sini RM72.7 juta adalah peruntukan tambahan. Jadi ini secara *detail* atau terperinci mengenai peruntukan tambahan yang kita hendak minta diluluskan.

Untuk menjawab kepada Yang Berhormat Tenom, pembinaan jalan di kawasan ataupun tidak dibenarkan disebabkan *alignment* jalan tersebut melalui kawasan hutan bakau dan sebarang bentuk pembangunan adalah tidak dibenarkan. Namun begitu rundingan berterusan sedang dijalankan dengan Jabatan Hutan Sabah, Jalan Koloroh tadi, ya. Jadi *Kerang Ring Road*, Pekan Selangau, ini di Tenom juga... ya?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan Jalan Koloroh tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, peruntukan yang saya khawatirkan begini. Perbincangan telah dilaksanakan di peringkat negeri berkenaan dengan masalah yang dihadapi untuk membina jalan tersebut dengan Jabatan Perhutanan. Saya rasa Kerajaan Negeri Sabah mempunyai satu *center service* untuk menyelesaikan masalah di peringkat dalaman. Cuma saya ingin mendapat kepastian Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, peruntukan ini telah diluluskan dan menghadapi masalah di peringkat negeri berkenaan dengan kebenaran pihak Jabatan Perhutanan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah peruntukan ini masih lagi tersedia dan saya khawatir dengan polisi kerajaan apabila sesuatu peruntukan tidak dapat dibelanjakan pada tahun semasa, peruntukan ini mungkin terpaksa ditarik balik.

Bagi saya Tuan Pengerusi, bahawa jalan ini memang amat penting. Biarpun menghadapi beberapa masalah dan saya percaya di peringkat kerajaan negeri akan dapat menyelesaikannya di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri yang dimaklumkan kepada saya melalui Mesyuarat Pembangunan Daerah.

Saya harap peruntukan ini tidak akan hilang begitu sahaja dan saya harap pihak kementerian sekiranya masalah ini telah diselesaikan, saya harap projek ini dapat dilaksanakan seberapa segera yang boleh sebab terdapat sebuah sekolah di sana. Sebuah sekolah rendah yang mana guru-guru tersebut sering kali menyatakan kepada saya bahawa mereka memerlukan jalan luar bandar yang utama. Jadi saya harap peruntukan ini tidak hilang begitu sahaja dan saya harap pihak kementerian dapat melaksanakan projek ini walaupun menghadapi beberapa masalah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tenom atas makluman itu. Untuk peruntukan itu, kalau dalam masa yang *current* peruntukan bagi sedia ada. Akan tetapi kalau terlalu lama, perkara ini tidak dapat diselesaikan di peringkat kerajaan negeri. Mungkin lah masa itu nanti, peruntukan ini mungkin akan dialih untuk kita melaksanakan projek-projek lain.

Jadi kami memerlukan kerjasama daripada pihak Yang Berhormat juga untuk bersama-sama kerajaan negeri sama-sama berunding bagaimana kita dapat sampai ke satu penemuan untuk kita menyelesaikan masalah ini di peringkat perbincangan.

■1600

Jadi, kerajaan ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tahu sangatlah akan keperluan projek-projek seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tenom tadi mengenai keperluan rakyat ataupun sekolah di kawasan itu.

Berkenaan dengan *ring road*- sehingga kini pihak kementerian belum menerima sebarang permohonan daripada pihak berkuasa kerajaan. Mohon maaf kerana jawapan ini bukan untuk Sarawak. Tidak mengapa, untuk *ring road* seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom tadi, maklumat tidak ada pada saya buat masa ini. Jadi, biarlah saya bagi

pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi penjelasan secara bertulis tentang *ring road* ini...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sedikit Yang Berhormat, sedikit Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan penyenaian ini. Adakah penyenaian yang diterima oleh pihak kementerian tentang jalan-jalan luar bandar ini terutama bagi kita di Sabah, adakah menerimanya daripada JKR ataupun daripada kami sendiri? Saya ingin mendapat kepastian. Ini kerana daripada masa-masa yang lalu Tuan Pengerusi, saya menghadapi masalah apabila soal-soal keutamaan untuk *upgrading* jalan-jalan luar bandar. Saya mendapati ada beberapa jalan itu tidak sesuai untuk dilaksanakan. Apa yang lebih utama ada lagi beberapa jalan yang patut diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Saya rasa kalau dalam soal penyenaian ini, saya minta supaya pihak kementerian melihat kembali, mengkaji semula dan mendapat *feedback* daripada kami sebagai Ahli-ahli Parlimen di kawasan-kawasan terutama di kawasan Tenom untuk melihat keutamaan projek-projek pembangunan jalan raya luar bandar ini. Saya kira pada masa-masa yang lalu terdapat beberapa masalah di mana jalan-jalan tersebut dibina tidak menepati sasaran kepada kehendak kita sebagai wakil-wakil dan juga pihak kementerian. Saya harap perkara ini dapat diberi perhatian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Kementerian boleh mengambil perhatian dan mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat Tenom, sebab kita tahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan tertentu itu sepatutnya memang lebih tahu, lebih peka dengan keperluan. Akan tetapi kerajaan negeri di mana-mana negeri juga mestilah atau pun seharusnya ada juga kepentingan. Jadi kita tidak boleh mengatakan kita tidak memerlukan senarai dari... sebab kerajaan negeri mewakili negeri. Jadi tidak mengapa, kalau Yang Berhormat sebagai wakil rakyat kepada sesuatu kawasan itu memerlukan, selama ini kita juga menerima cadangan daripada Yang Berhormat iaitu termasuk Yang Berhormat Tenom juga.

Jadi Yang Berhormat Tenom ya, sesetengah projek diterima adalah seperti mana yang telah saya sebut tadi, terus daripada wakil rakyat dan juga JKR. Keutamaannya memang kita perlu berbincang dan menerima pakai atau mengguna pakai *opinion* ataupun apa yang hendak oleh kerajaan negeri.

Jadi, saya beralih kepada Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti hanya menyarankan pada kementerian agar kawasan seperti kawasan di Sibuti masih memerlukan lagi banyak projek-projek jalan luar bandar dan jalan kampung seperti mana yang telah disebut. Kita akan menerima sajalah cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Sibuti kemukakan kepada kementerian supaya kami dapat menyenaikan juga keperluan. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kalau projek itu besar, yang menggunakan

belanja yang besar, ia seharusnya diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan tertakluk kepada kewangan semasa kerajaan ataupun yang telah diluluskan untuk projek-projek itu dilaksanakan. Itu pokoknya.

Yang Berhormat Seremban, terima kasihlah Yang Berhormat Seremban kerana membantu kami di Sarawak untuk bersuara. Jadi Yang Berhormat jauh, dari Seremban ke Bintulu. Impian Sarawak, parti DAP ini program baik tetapi terlalu sedikitlah Yang Berhormat kalau dibandingkan dengan apa Barisan Nasional telah buat selama ini [*Tepuk*] Akan tetapi tidak mengapa, nanti dulu saya jelaskan dulu. *Don't worry* saya akan bagi peluang [*Ketawa*] Sabar kawan, sebab dia betul-betul kawan ini. Jadi, kalau dikatakan di Bintulu ini Yang Berhormat, Yang Berhormat Bintulu memang sesuai atau pun Yang Berhormat yang begitu lantang sekali bersuara selama ini sejak masuk Parlimen juga dulu untuk menyarankan kepada kerajaan agar kesemuanya keperluan rakyat, masyarakat di kawasan Bintulu ini diberi keutamaan.

Jadi kalau Yang Berhormat Seremban telah pergi ke Bintulu membantu Yang Berhormat Bintulu, bagi saya, saya terimalah, saya alu-alukan. Bagi Yang Berhormat Bintulu, mungkin dia terima juga sebab sudah membantu beliau. Akan tetapi perkara ini pernah Yang Berhormat Bintulu ajukan dan minta kepada kementerian oleh kerana kawasan itu begitu luas sekali di Sarawak. Seluruh negeri ini, tadi semasa kita berehat pada tengah hari saya berbincang juga dengan Yang Berhormat Kuching tentang begitu luasnya Sarawak dan begitu banyaknya keperluan termasuk jalan-jalan dan bekalan air, bekalan elektrik di luar bandar. Jadi tidak mengapa, jangan risau, kita akan buat sejauh mana kita boleh. Oleh kerana kita ini ada kekangan kewangan, kita perlulah agihkan kepada kesemua kawasan bukan sekadar sebuah kawasan saja.

Oleh kerana Sarawak adalah negeri yang masih lagi begitu luas, yang begitu agak kurang daripada adanya rangkaian jalan raya, jalan luar bandar dan juga jalan penghubung desa, jadi keperluan ini mesti ada. Kita akan teruskan sebab dalam ucapan penggulungan di peringkat dasar, saya jelas mengatakan ataupun memberitahu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini akan secara berperingkat-peringkat dan berterusan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Bangun*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Oleh kerana kita tertakluk kepada kewangan yang ada kepada kita. Oleh kerana itu saya berterima kasih Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan menyokong Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini mendapat tambahan RM72,700,020 ini. Kalau boleh, mengapa tidak disebut Yang Berhormat Seremban agar kementerian ini mendapat lebih daripada yang kami minta ini? Bolehlah sedikit.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya Yang Berhormat, kita bukan bantu Ahli Parlimen Bintulu, kita bantu rakyat. Program Impian Sarawak itu tidak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, "*Sedikit saja berbanding dengan apa yang dibuat oleh kerajaan*". Memang lah kita sedikit sebab itu adalah wang yang kita kutip daripada derma rakyat, daripada masyarakat di Semenanjung untuk

membantu rakyat luar bandar di Sarawak. *Solidarity* bersama dengan rakyat luar bandar Sarawak. Memang sedikit sebab ini bukan wang pembayar cukai. Kerajaan pakai wang pembayar cukai untuk membantu, itu yang pertama.

Kedua, saya hendak tekankan yang Kuala Sigu tadi, tempat yang saya maksudkan tadi, memang saya rasa kementerian perlu melihat kepada keperluan masyarakat di sana kerana saya rasa tempat itu memang amat terpencil dan amat dipinggirkan. Ini kerana saya pergi sana dua hari, saya difahamkan bahawa budak-budak sekolah di sana ada dua, tiga buah sekolah. So, disebabkan kerana tidak ada kemudahan jalan, tidak ada banyak kemudahan untuk penduduk-penduduk di sana, ada dua, tiga buah sekolah, cuti dua tiga minggu sudah. Cuti kemarau sebab tidak ada bekalan air di sekolah, mereka terpaksa cuti.

Bayangkan, ini saya rasa adalah amat ketinggalan untuk anak-anak kita di sekolah-sekolah sana apabila kerana tidak ada kemudahan, mereka terpaksa berhenti, sekolah tidak dapat dibuka. Jadi saya harap kementerian, memang kita menyokong untuk menambah peruntukkan untuk kementerian yang diwakili oleh Yang Berhormat. Akan tetapi saya rasa peruntukan itu perlu benar-benar sampai ke tempat-tempat masyarakat yang amat memerlukan peruntukan itu. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Seremban, jelas. Saya tahu sangatlah sebab kawasan saya di Kapit mungkin ada kawasannya lebih sukar didatangi ataupun dilawati sepertimana juga kawasan di Bintulu ya. Jadi kalau Yang Berhormat Seremban hendak ceritakan, saya tahu sangat lah. Terima kasihlah atas pandangan dan saranan. Kami terima, kementerian dan kerajaan yang bertanggungjawab, hujah-hujah sebegini memang kita terima pakai, boleh diterima.

■ 1610

Kalaulah di mana-mana kawasan kita belum lagi sampaikan jalan ataupun bekalan air, elektrik dan jalan raya, bukan kita meminggirkan mereka dengan sengaja, tidak oleh kerana kemampuan kita. Jadi peruntukan ini jangan risau, kita akan gunakan segala-galanya untuk kita membina kesemua projek yang telah saya sebutkan dalam senarai yang diperlukan tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak apalah Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya hendak...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Bolehlah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak ambil bahagian dalam perbahasan tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak apa, tidak apa. Apa-apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pun saya sentuh. Kita orang Sarawak. Tadi saya meneliti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kata itu alasan-alasan yang diberi bahawa keluasan Sarawak itu negeri yang begitu luas, kekangan kewangan itu. Saya nampak ini alasan-alasan yang selalunya diberi oleh kementerian semasa kita bangkitkan kemunduran pembangunan di Sarawak. Pembentukan Malaysia sudah 50 tahun.

Alasan-alasan ini pun saya rasa sudah *expired* sebagai satu alasan yang munasabah. Apa sebab yang betul-betul Sarawak sampai hari ini masih terdapat kawasan-kawasan yang tidak ada jalan, tidak ada bekalan elektrik, tidak ada bekalan air- *treated water supply* adalah kekurangan *political will of the part of Barisan Nasional Government*. Saya rasa sepanjang masa itu Sarawak telah dijadikan *fix deposit*, dianggap sebagai *fix deposit* Barisan Nasional. Oleh itu, peruntukan yang begitu kurang tetapi sekarang masa sudah berbeza sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sarawak sudah menjadi *king maker of the government*. Oleh itu saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan terima alasan-alasan itu sebagai satu justifikasi untuk kekurangan peruntukan untuk membangunkan *rural area* di Sarawak.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kawasan sendiri pun amat mundurlah. Oleh itu saya harapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kedua-dua kita adalah orang Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, Yang Berhormat. Okeylah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita pun hendak tengok Sarawak membangun.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kita jangan berpolitik sangat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini bukan politik ...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Fakta. Okey, boleh. *You give back the floor...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau kita meneliti apa yang diperuntukkan untuk Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching, jangan bertengkar Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey, saya akan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Duduk, boleh? Saya jelaskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang diperuntukkan oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya boleh jelaskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Berkali-kali ganda lebih besar, banyak daripada apa yang diperuntukkan untuk Sarawak. Ini tidak boleh diterima dan sebagai Timbalan Menteri dari Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey. Saya jelaskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Harulah mengambil berat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya jelaskanlah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Duduk, okey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Bandar Kuching duduk. Saya bukan apa, mahu buat pengumuman sekejap.

Jadi supaya Ahli Yang Berhormat sejuk sedikit [*Ketawa*] Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi dari Arab Saudi yang diketuai oleh *His Excellency Sheikh Saud Abdullah bin Al-Muejib, Member of the Supreme Judicial Council [Tepuk]* Bersama-sama dengan 16 orang dalam delegasi ini. Semuanya terdiri daripada hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Arab Saudi. Kepada *Excellency Sheikh Saud Abdullah bin Al-Muejib* dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran rombongan. Terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sudah sejuk sedikit bukan?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, sejuk sedikit [*Ketawa*] *Welcome to the Malaysian Parliament Sir.*

Kalau Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan Sarawak dipinggirkan, Sarawak tidak diambil perhatian, tetapi Yang Berhormat macam- Yang Berhormat ada di Dewankah semasa saya membuat penggulungan pada malam Rabu?... Tidak ada. Jelas. Sila rujuk kepada saya tidak hendak ulang Tuan Pengerusi. Sila rujuk kepada *Hansard*. Jelas ada dalam jawapan itu.

Begitu juga Yang Berhormat Kota Raja tidak ada dalam Dewan, saya telah jawab Yang Berhormat Kota Raja. Tadi bangkitkan juga dalam perbahasan. Nanti saya balik kepada Yang Berhormat Kota Raja.

Jelas di dalam jawapan pada malam Rabu itu, berapa bilion yang telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak [*Tepuk*] Kedua-dua negeri yang Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional memikirkan kedua-dua buah negeri ini sangat memerlukan peruntukan yang begitu besar untuk kita menangani masalah bagi ketidakseimbangan pembangunan infrastruktur. Itu jawabannya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Bangun*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Duduk. Saya tidak beri jalan Tuan Pengerusi. Saya tidak beri jalan sebab saya sudah beri jalan. Saya hendak buat penjelasan. *This is not the dialogue* bukan?

Jadi, kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak memikirkan dalam hal ini, tidak akan kita sudah diberi beberapa tahun ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Tengok! Kenapa tidak hendak menerima hakikatnya. Jelas di dalam setiap tahun- duduk dahulu. Jelas di dalam setiap tahun perbelanjaan Sarawak dan Sabah diberi pengagihan yang begitu besar, peruntukan. Hari ini juga dalam kita hendak meluluskan peruntukan tambahan. Tidak dengarkah tadi? Untuk

Sarawak, RM45 juta lebih. Untuk Sabah [*Disampuk*] RM18 juta lebih. Tunggu dahulu. Ini tidak-tengok ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: RM45 juta, mana?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Di antara...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Untuk Semenanjung, kalau kita ambil perbandingan, hanya RM9 juta peruntukan tambahan. Kita dengar kawan-kawan yang mewakili kawasan pedalaman di Semenanjung. Banyak juga keperluan mereka tetapi mereka menyokong kita di Sarawak dan di Sabah untuk mendapat peruntukan yang begitu besar [*Tepuk*] Terimalah. Jangan semata-mata mempolitikkan semuanya. Tidak bolehlah begitu. Duduk, duduk, saya tidak bagi.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya teruskan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak bagi?

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya tidak menanya apa-apa, saya tidak menjawab apa-apa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak bagi? Perbahasan- perbahasan harus *two ways flow*....

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya menjelaskan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Jadi kalau saya ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak bagi lagi?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya sudah bagi peluang tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya hendak minta penjelasan lagi, tambahan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya duduk. Semasa saya beri peluang, saya duduk. Jadi saya sudah menjelaskan ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kerajaan Barisan Nasional...

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: [*Bangun*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengeruhkan keadaan lagi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Pengerusi, bolehkah suruh dia duduk?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak jelas lagi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: [*Disampuk*] Yang Berhormat Bandar Kuching, kerajaan ada *political will*. Kerajaan negeri yang dipimpin

Seorang Ahli: Yang Berhormat Tanjong Manis bangun.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Yang Berhormat Tanjong Manis.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib, Ahli Parlimen Pekan ada *political will* untuk membantu kami di Sarawak dan di Sabah [*Tepuk*] Jangan kata tidak ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dengar dahulu suara daripada wanita, Yang Berhormat Tanjong Manis.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bolehlah. Suara wanita merdu. Sila.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat bersyukur kepada hadrat Allah SWT kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Barisan Nasional telah memberikan peruntukan yang amat besar [*Disampuk*] [*Tepuk*] Ini terutamanya semenjak RMK-10 ini. Akan tetapi kita masih banyak kekurangan infrastruktur.

Saya setuju juga sedikit yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tetapi kita mesti faham. Rakyat di luar bandar kampungnya kecil-kecil, jauh-jauh. Untuk satu infrastruktur untuk dikembangkan terutamanya di kawasan luar bandar yang mempunyai tanah gambut yang amat teruk di antara enam meter sehingga sepuluh meter atau kaki, harga untuk membangunkan sebatang jalan mungkin sepuluh kali ganda lebih mahal daripada di bandar seperti di Kuala Lumpur ataupun di mana-manalah di serata Semenanjung. Di Sabah pun tidak mempunyai tanah gambut sebanyak seperti di Sarawak. Jadi perhatian untuk mendapat dana lebih, akan ternampak lebih jelas kenapa Sarawak mempunyai dana yang banyak tetapi infrastrukturnya masih tidak mencukupi. Tanah di Sarawak lebih besar daripada seluruh negeri di seluruh Malaysia ini.

Sambil ini pun saya hendak mengambil peluang, hendak pohon ingatkan Menteri daripada segi jalan luar bandar di Pulau Brait yang saya sudah bawa banyak kali untuk melihat saya Timbalan Menteri pohonlah untuk kita di Tanjong Manis kerana dari utara Tanjong Manis sampai ke selatan untuk sampai ke sekolah menengah itu lebih dari 30 kilometer, tanahnya tanah gambut, amat *challenging*, saya tahu untuk mendirikan jalan raya itu, sungguh mahal dan sungguh *challenging*.

■1620

Akan tetapi kalau kita hendak kira daripada segi *economic of scale*, daripada rakyat cuma 10,000 dan mungkin dana yang akan dibelanjakan lebih daripada RM500 juta, kita tidak boleh buat bandingan *economic of scale*, kita mesti melihat keperluan asas rakyat. Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri menyokong kita.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis kerana membantu menjelaskan kepada kawan-kawan kita yang duduk di sebelah sana, jadi jelas sekali. Juga fakta-fakta yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tanjong Manis tadi adalah begitu jelas sekali, tepat sekali mengapa kadang kala kita tidak dapat mempercepatkan mengikut kehendak kita untuk membina projek-projek asas yang diperlukan sangat itu kerana keluasan dan permukaan bumi di negeri Sarawak.

Jadi peruntukan tahunan Bandar Kuching ke Sarawak dan Sabah lebih daripada 50% bajet tahunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah setiap tahun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi, janganlah dituduh seolah-olah kementerian tidak mengambil berat tentang keperluan masyarakat di luar bandar di Sarawak.

Jadi Yang Berhormat Jelebu, selepas Yang Berhormat Jelebu. Terima kasih Yang Berhormat Jelebu, saya mendengar Yang Berhormat Jelebu, jawapan yang begitu lengkap sekali telah saya sebut dan ada di dalam *Hansard*. Saya baru rujuk ada dalam *Hansard*, pada malam Rabu, 26 Mac semasa menggulung Tuan Pengerusi, saya tidak kira sama ada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan, ada di dalam Dewan atau tidak ada dalam Dewan, saya jawab dengan teliti sekali kerana jawapan yang disediakan oleh kementerian adalah banyak maklumat ada di dalamnya dan juga perlu dicatatkan dalam rekod kita di dalam Dewan ini supaya pengundi-pengundi di kawasan- tahulah kalau mereka hendak rujuk kepada *Hansard*, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili mereka ini ada bersuara untuk kawasan-kawasan mereka.

Yang Berhormat Jelebu, terima kasih kerana mengambil pertimbangan dan mengatakan kalau boleh lebih ada projek-projek yang menelan kos yang rendah tetapi banyak kepada perkampungan, lebih-lebih lagi kepada perkampungan Orang-orang Asli. Daripada kita hendak ada yang dengan standard R3 yang begitu tinggi ataupun yang lebih daripada itu yang menelan belanja begitu besar, tetapi ia mungkin tidak melayan ataupun membantu mereka yang di pedalaman. Pandangan yang begitu boleh dikatakan *consider* sekali memikirkan pihak lain.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ada?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya hendak tahu ada tidak kemungkinan kementerian hendak mengkaji semula keputusan itu? Ini kerana sekarang ini masalah yang saya hadapi ialah semua kampung-kampung lain menuntut projek yang serupa. Saya fikir projek ini memang wajar untuk ditarik semula dan dikaji semula kerana kos dan pulangan itu tidak setimpal, tidak berbaloi. Bahasa yang paling tepat itu tidak berbaloi kerana lebih kurang enam kilometer dengan kos RM60 juta, saya fikir jalan itu tidak memerlukan standard itu. Itu maksudnya. Jadi sebab itu kalau hendak menunggu lagi RM60 juta, datang lagi ke Jelebu untuk kawasan ini, saya tidak tahulah bila akan sampai lagi. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kita ambil pandangan dan buat masa sekarang saya tidak dapat menjawab dengan jawapan yang tepat kerana ia memerlukan adakah kontrak dan sebagainya peruntukan sebegini. Kalaulah itu cadangan Yang Berhormat yang mewakili kawasan itu, silalah kemukakan kepada kementerian cadangan itu.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Saya sudah tulis kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sudah tulis, terima kasih. Kita akan melihat semula dan maklum kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lipis, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Lipis yang membantu tadi. Ini kerana kebanyakannya yang diutarakan oleh Yang Berhormat Lipis adalah boleh dikatakan cadangan ataupun idea-idea bagaimana membantu kementerian untuk kita membela nasib mereka di luar bandar. Ada juga cadangan untuk mencadangkan KKLW mendapat peruntukan tambahan yang lebih besar. Itu yang kami suka mendengarnya Yang Berhormat Lipis kerana banyak keperluan. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat lain bersuara seperti Yang Berhormat Lipis tadi, jelas sekali untuk didengar oleh pihak yang memberikan kita peruntukan ini iaitu pihak Kementerian Kewangan. Barulah kita seronok, kita boleh buat lebih lagi. Kita melebarkan jalan yang sempit, kita panjangkan jalan yang mungkin tidak sampai ke desa dan sebagainya.

Jadi saya tidak mahu terlalu panjang lebar menghuraikan perkara ini kerana ini peringkat dasar kalau kita menyentuh hal ini. Ini kerana sekarang kita di peringkat Jawatankuasa, jadi kita harus spesifik kepada projek-projek ataupun peruntukan yang sedia ada. Jadi terima kasih Yang Berhormat Lipis- Bukit Kota, Jengka pun ada yang telah disebutkan tadi, sudah dicatat oleh pegawai-pegawai yang juga ada di dalam Dewan ini. Kami akan melihat kepada itu dan kami menjemput Yang Berhormat Lipis bolehlah membantu dan tulis surat kepada kementerian mengenai cadangan.

Yang Berhormat Sibu. Yang Berhormat Sibu ada tidak? Yang Berhormat Sibu ada di dalam Dewan? Tidak ada. Yang Berhormat Sibu memperjuangkan Jalan Yong Kapit, saya lebih tahulah. Ini kawasan saya. Tuan Pengerusi, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sibu ini, sebab Yang Berhormat Sibu ini dia jarang sekali ke Kapit. Kalau pergi pun semasa hendak berkempen ataupun hendak menjalankan tugas politik, jadi tidak tahulah papan tanda itu. Kalaulah disebut Nanga Yong itu, hanya 12 kilometer daripada Pekan Kapit. Sekarang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tengah buat dua kilometer pertama daripada Kapit-Nanga Belitik-Nanga Nyikau dua kilometer telah siap diturap R3. Daripada Nanga Nyikau, Rumah Bajau Nanga Nyikau ke Nanga Yong, Syarikat Musyati Sdn Bhd yang membina dalam pelaksanaan. Jadi belum siap, tetapi jalan sudah sampai. Kalau menggunakan pacuan empat roda itu terus boleh sampai. Jadi ada jambatan yang besar di Sungai Yong nanti.

Jadi, di manakah maksud Yang Berhormat Sibu ini? Kalau Yang Berhormat maksudkan ada sebuah jalan yang sudah lama dahulu diluluskan tetapi tidak dibina oleh sebab jalan itu tidak perlu lagi dibina, sudah ada jalan yang kita bina ini. Jadi Yang Berhormat Sibu ini, *I think you're barking up the wrong tree*lah kata orang, minta izin Tuan Pengerusi, dia tidak tahulah. Akan tetapi tidak apalah telah membantu saya di Kapit, suarakan supaya saya mendapat lebih peruntukan, pergi menyimpang ke kawasan lain. Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Akan tetapi Yang Berhormat Sibu pun tidak sabarlah, tidak ada dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Limbang, saya kalau boleh, kalau diizinkan Tuan Pengerusi, kalau dalam peraturan boleh cadangkan kepada Yang Berhormat Limbang sila rujuk kepada muka surat 187 di *Hansard*, malam mesyuarat kita haru Rabu, minggu lepas dalam jawapan saya. Ini kerana Yang Berhormat di dalam perbahasan di peringkat dasar telah menyentuh perkara yang sama dan jawapan-jawapan atau penjelasan-penjelasan ada di sana yang begitu detil sekali. Jadi Yang Berhormat Limbang, jadi kontraktor itu, *the right contractor*, saya bersetuju juga supaya tidak ada projek-projek ini terjejas oleh sebab kerehah kontraktor. Saya rasa kita semua di dalam Dewan ini bersetuju sangat dengan saranan supaya *the right contractor* kita pilih mengikut kaedah ataupun cara kita. Ada?

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Ada sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tadi ada dua yang Telahak, Bong Abai memang betul dalam dasar tetapi ada satu itu, Buang Ubur itu tidak disentuh dalam dasar tetapi juga dalam proses dibina pun *delay* juga sekarang tetapi belum lagi sampai ke peringkat untuk *determinatelah*. Jadi kita minta bantuan dari kementerian untuk memastikan.

■1630

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, KKLW buat masa ini kita mengambil maklum sebab dalam yang kita perlu bahaskan adalah begitu spesifik. Sepuluh buah projek telah saya sebut tadi. Jadi apa yang dipohon oleh Yang Berhormat Limbang itu, kami boleh memberi penjelasan secara bertulis kepada Yang Berhormatlah.

Jadi Tuan Pengerusi, setakat itu sahajalah penggulungan daripada kami Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Kota Raja betul. Maaf. Minta maaf. Tuan Pengerusi saya silaplah, saya terlupa kerana Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengganggu sikit tadi. Akan tetapi dia tidak mengganggu. Okeylah, dia menjalankan tugasnya sebagai Ahli Parlimen.

Saya hendak rujuk dalam- boleh juga saya minta Yang Berhormat Kota Raja rujuk kepada muka surat 189 di *Hansard*, dalam ucapan penggulungan di peringkat dasar minggu lepas.

Oleh sebab di dalam sana kita dengan jelaslah memberi penjelasan kepada isu-isu yang dibangkitkan, isu-isu yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi. Isu itu kenapa jalan-jalan di kawasan beliau tidak diturap. Kementerian akan membuat siasatan tapak bagi menentukan sama ada jalan-jalan di kawasan kampung tradisional seperti Kampung Jalan Setia termasuk di bawah skop jalan KKLW, PBT atau JKR. Kalau...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey, saya hendak minta penjelasan sedikit. Bila saya maksudkan dengan jalan-jalan luar bandar, jalan dalam kawasan itu, *main road* yang

dibuat jalan bertar itu memang JKR. Apa yang saya maksudkan adalah jalan-jalan kampung. Jalan-jalan di antara lot-lot dan sebagainya yang sebelum ini sama ada diberi jalan tar kecil ataupun diturap dengan batu kerikil.

Jadi selama lima tahun ini, jalan-jalan ini tidak mempunyai apa-apa peruntukan, jadi mereka menuntut ini daripada Ahli Parlimen. Katanya ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Itu yang saya hendak penjelasan. Bidang tugas siapa itu? Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi, kita tidak boleh hendak *divide* MARRIS punya itu kepada jalan-jalan kampung.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat, ini dalam kawasan Yang Berhormat ya, Parlimen?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Ini kerana kita sudah sebut dengan ikhlas kita hendak pergi tengok di mana yang diperlukan untuk masyarakat di tempat itu, kita akan bantu. Jadi kalau disebut mengapa lima tahun ini, tidak perlulah saya menjawab Yang Berhormat ya. Kadangkala- bukan kadangkalalah. Sememangnya kawasan kita di Malaysia ini memang luaslah seperti mana yang telah saya tekankan tadi ataupun kementerian telah jelaskan sudah beberapa kali. Jadi, kita perlu melihat ke depanlah. Kalau ada keperluan, sila berhubung dengan pihak kami, kementerian dan sebab ini adalah disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kepada kami di kementerian, kita membantu di mana sahaja. Kalau ada keperluan dan juga tertakluk kepada adanya kewanganlah. Akan tetapi kalau peruntukan itu tidak besar, kewangan yang perlu kita beri tidak besar juga, mungkin kita dapat mempercepatkan. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Penggulangan di peringkat Jawatankuasa dari KKLW telah selesai. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM72,700,020 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM72,700,020 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

Maksud B.23 [Jadual] -

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat Kuantan.

4.34 ptg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas di peringkat Jawatankuasa Kepala B.23 dan P.23 Butiran 07200 dan Butiran 16700. Di bawah Butiran 07200 iaitu Jabatan Alam Sekitar.

Saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *accident* lori yang membawa bahan daripada Lynas yang telah *accident-* kemalangan, dan tumpah bahan-bahan yang dibawa di kilometer 149- Kuala Lumpur-Kuantan, di Lancang *specifically*.

Tuan Pengerusi, walaupun Ketua Polis Daerah mengatakan bahan itu tidak berbahaya, tetapi Ketua Polis Daerah juga mengatakan bahawa, "*Kalau boleh jangan masuk sungai, sebab kalau masuk sungai ikan mati.*" Jadi ia tidak berbahaya, tetapi kalau masuk sungai, ikan mati. Saya perlu penjelasan daripada Jabatan Alam Sekitar, daripada pihak kementerian apa yang dimaksudkan dengan kenyataan Ketua Polis Daerah ini.

Kedua, saya juga ingin bertanya dan memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan cecair kimia yang tumpah tersebut. Dikatakan bahawa bahan tersebut ialah NDPR (*chloride solution*). NDPR ialah satu bahan yang separuh siap. Dia bukan *finish product* dengan izin, dia *semi finish product*. Saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri bahawa di dalam *preliminary-* PEIA yang diluluskan ke atas Lynas pada tahun 2008, dia mengatakan bahawa yang akan dieksport ialah *didymium oxide*, bukan *didymium chloride*.

Didymium chloride ialah campuran ND dan PR. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apabila Pegawai Perhubungan Awam Lynas mengatakan bahawa produk ini, *chloride solution* ini akan dieksport, dibawa ke Port Klang untuk dieksport. Persoalannya, kenapa kita benarkan mereka mengeksport *chloride solution* sedangkan dalam PEIA mengatakan bahawa yang akan dieksport ialah *oxide*. Apa penguatkuasaan yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar. Dalam PEIA tidak sebut pun fasal *chloride* ini yang boleh dieksport. Dia sebut hanya *oxide*. *Oxide* itu dalam bentuk serbuk.

Jadi apabila tumpahnya cecair kimia ini kita timbul persoalan, "*Eh macam mana pula cecair kimia yang tumpah? Kenapa pula chloride ini yang akan dieksport? Kenapa pula hendak eksport ikut Pelabuhan Klang dan bukan Pelabuhan Kuantan?*" Ini semua persoalan-persoalan yang sebelum ini di dalam PEIA dia tidak sebut ini Tuan Pengerusi. Dia tidak sebut. Macam mana boleh lulus PEIA, tidak sebut fasal *chloride* ini, sebut *oxide* kalau hendak eksport, tapi tiba-tiba *chloride* yang Allah hendak tunjuk tumpah dan *accident*. Bagaimana penguatkuasaan? Apa yang Jabatan Alam Sekitar buat?

Saya pernah menyebut kepada Timbalan Menteri satu ketika dulu berkenaan dengan EQA sekarang yang mewajibkan *detail environmental impact assessment* ke atas industri seperti Lynas. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hendak *study*, sampai sekarang ini tidak dapat

jawapan lagi. Sekarang kita tengok pula berlaku *accident*. Kemalangan tumpah pula sesuatu bahan cecair kimia yang kononnya hendak dieksport oleh Lynas, yang sepatutnya mereka tidak eksport pun bahan itu. Mereka seharusnya eksport bahan *the finish product* iaitu dalam bentuk *oxide*. Ini semua persoalan-persoalan yang melibatkan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar yang telah meluluskan PEIA ke atas Lynas, yang seharusnya Jabatan Alam Sekitar boleh jawab kenapa perkara ini berlaku.

Kalau Jabatan Alam Sekitar, Menteri yang bertanggungjawab lihat kepada Ashton Proposal yang Lynas terima kelulusan di Australia pada tahun 1992, ada komitmen daripada Ashton pada ketika itu untuk memastikan keselamatan sekiranya berlaku *accident*. Di sini, apa dia komitmen daripada Lynas sekiranya berlaku *accident*? Lynas membayar *third party* untuk membawa dia punya bahan-bahan ini. Daripada laporan polis itu bahawa, kenyataan OCPD mengatakan bahawa *driver* itu tidak ikat ketat-ketat. Jadi siapa yang bertanggungjawab? Takkan kita hendak tunggu *accident* yang lebih besar ataupun kita hendak tunggu nanti *accident* kena air pula macam OCPD kata, "*Asal tidak kena air, kalau kena air nanti ikan mati.*"

■1640

Jadi, ini merupakan isu yang harus ditangani dan harus dijawab oleh pihak kementerian. Macam mana boleh lulus PEIA tetapi tidak ikut. Lulus, PEIA kata *oxide*. Yang eksport ini *oxide*. Sekali yang dia bawak *chloride, unfinished products, semi finished products* dan dia nyatakan secara terang bahawa dia akan, *Lynas Public Relation Officer*, Amin Abdullah kata, ia akan eksport. Kenapa melalui *Port Klang* pula? Kenapa tidak melalui *Kuantan Port*? Kenapa melalui jalan raya yang melibatkan manusia di kiri kanan jalan raya, yang ada banyak rumah dan penduduk? Jadi, ini persoalan-persoalan yang saya pohon penjelasan yang teliti, secara *detail* daripada pihak Jabatan Alam Sekitar, pihak Menteri apabila menjawab nanti.

Isu yang kedua di bawah Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Program Saliran Bandar di Kuantan. Ini kerana setiap kali hujung tahun dan hujan lebat, bandar Kuantan akan hadapi keadaan banjir kilat. Banjir kilat ini banyak merosakkan stok-stok di kedai di bandar apabila banjir naik. Kedai-kedai yang dinaiki air, maka akan rosaklah barang-barang ataupun stok mereka. Jadi, setiap kali ini berlaku dan saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah yang sedang dilakukan dalam konteks saluran bandar.

Keduanya ialah berkenaan dengan tebatan banjir. Saya sudah nyatakan di sini juga, di Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan ban banjir di Sungai Isap yang pecah, pohon penjelasan. Menteri kata hendak turun ke bawah dan *study*. Kemudian saya juga hendak tanya berkenaan dengan sistem perparitan terancang di Tanjung Lumpur selepas daripada jambatan terus ke Kempadang. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apabila jambatan Tanjung Lumpur di Kuantan itu dibina pada hujung 1980-an, maka membangunlah industri restoran-restoran ikan bakar. Kalau Tuan Pengerusi pergi Kuantan pun,

Tuan Pengerusi pergi makan ikan bakar dekat Tanjung Lumpur ya, memang terkenal di situ, banyak kedai ikan bakar di kiri kanan.

Akan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi sedar bahawa di situ tidak ada *monsoon drain*? Air kotor daripada restoran-restoran itu tidak ada sistem perparitan yang terancang. Tidak ada tempat dia hendak pergi dan saya terima banyak aduan daripada rumah-rumah di belakang restoran-restoran itu yang mengatakan air kotor. Air kotor basuh ikan, basuh ayam daripada restoran-restoran itu mengalir ke rumah-rumah mereka. Jadi, bagaimana pembangunan ini tidak bersekali dengan sistem perparitan terancang? Sepanjang daripada jambatan Tanjung Lumpur itu terus ke Kempadang. Setiap kali hujan lebat kita akan nampak air kotor. Setiap kali hujung tahun apabila hujan lebat berlaku, air ini memang kita nampak di parit-parit itu yang ada itu. Parit-parit itu kebanyakannya tidak ada penghujung. Dia mati di satu tempat. Kemudian kita jumpa lagi parit, dia mati lagi. Tidak ada satu sistem yang terancang.

Jadi, saya amat kesal dengan keadaan ini kerana pembangunan atau *development* ini haruslah *sustainable*. Ia harus tidak ada kompromi ke atas kesihatan, kebersihan dan penduduk sekitar. Saya mahu raikan semua industri dan membina ekonomi tempatan. Kita hendak kalau boleh menyemarakkan lagi industri ikan bakar dan restoran *seafood* di situ, makanan laut di situ. Kalau tidak ada sistem perparitan terancang ini, maka kita kompromi di atas kebersihan. Kita kompromi di atas penduduk sekeliling yang terpaksa menerima bahannya. Oleh sebab saya pergi tengok sendiri apabila mereka mengadu. Saya tengok, eh, sebab dia punya parit tidak ada *end*, dia mati. Kemudian ada lagi parit, dia mati lagi. Dia tidak ada satu *monsoon drain* yang betul-betul terancang.

Jadi, saya pohon sangat penjelasan di bawah Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar, ini tiga perkara iaitu saliran bandar. Keduanya, ban banjir di Sungai Isap, Tanah Putih dan ketiganya, berkenaan dengan sistem perparitan terancang di Tanjung Lumpur terus ke Kempadang. Yang saya sudah cek ialah di bawah JPS yang memang mereka kata tidak ada. Memang mereka kata tidak ada dan sedang berusaha untuk mencari bajet untuk membuat sistem perparitan yang terancang tersebut. Saya difahamkan dalam RM39 juta diperlukan kalau hendak buat sistem perparitan terancang, *monsoon drain* sepanjang lepas jambatan itu ke Kempadang. Saya mohon Yang Berhormat Menteri beri penjelasan berkenaan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Putatan.

6.45 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut menimbulkan beberapa perkara di bawah Maksud B.23 dan B.33 di dalam Butiran 07100 – PERHILITAN, sampailah Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar, secara keseluruhan.

Saya hanya cakap buat satu atau dua perkara sahaja tentang konservasi *giant* panda ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kenapa kita tiba-tiba melaksanakan program konservasi *giant* panda ini. Adakah ini satu daripada kerjasama antara negara lain dan negara kita. Bahkan hidupan liar kita di negara ini banyak lagi yang perlu dilihat dan perlu dijaga dan perlu dibuat satu sebagai konservasi. Terutama sekali hidupan-hidupan liar kita yang terkenal dengan pembangunan dalam perladangan, misalnya di Sabah dan Sarawak. Jadi, saya mahu tahu rancangan kerajaan terhadap gajah-gajah pigmi di negeri Sabah yang kian mengecil habitat hidupan liar ini disebabkan oleh kepesatan pembangunan, perladangan dan pertanian. Itu pertama Tuan Pengerusi.

Seterusnya, kita juga melihat daripada spesies sungai, ikan-ikan sungai yang sungai-sungai kita ini agak tercemar sekali. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuantan, terutama sekali apabila sungai-sungai kita tercemar, maka spesies ikan yang biasanya membiak di perparitan dan sungai-sungai kita agak bahaya, terutama sekali akibat daripada pembangunan, pembalakan dan sebagainya. Yang kita tahu baru-baru ini di Sungai Bali di Sarawak pun ada runtuh tanah dan mengakibatkan beberapa jenis atau spesies ikan mati.

Soal Rancangan Tebatan Banjir (RTB) ini Yang Berhormat Menteri, di kawasan Kota Kinabalu ini sering saya menerima SMS atau *text message* daripada penduduk yang bermastautin di pinggir-pinggir sungai di Sembulan dan Sungai Petagas. Saya rasa tempat-tempat lain juga seperti Padas di mana baru-baru ini mengalami banjir yang begitu teruk sekali, di Keningau dan Tenom. Apabila kita melihat sungai-sungai itu Tuan Pengerusi, ia agak cetek sekali dan banyak tumbuhan sudah menjadi kelihatan tidak dipelihara. *The rehabilitation of this river has not been done for so long*. Jadi, saya minta apakah perancangan pihak kementerian apabila melihat sungai-sungai kita ini agak menjadi cetek dan mengecil disebabkan pembangunan di sekeliling kawasan itu. Di mana pembangunan, menembok tanah, potong bukit dan ia menjadi sungai yang agak keruh. Bukan sahaja itu Tuan Pengerusi, juga sampah sarap yang dibuang tidak ketentuan menyebabkan terapung-apung bahan-bahan plastik di depan bandar raya Kota Kinabalu. Juga daripada sungai-sungai yang mengalir ke pantai.

■1650

Kita melihat sungai-sungai yang cetek ini agak terhakis dan ada juga yang *erosion* dan *accretion* disebabkan pola-polanya menjadi cetek sekali. Jadi ini saya harap pihak kementerian walaupun saya telah pun membawa perkara ini kerap kali dan bertubi-tubi di Parlimen ini, namun rasa saya tindakan ataupun perhatian kepada pihak kementerian ini agak lembap sedikit. Saya cakapkan lembap sedikit sebab daripada teguran itu beberapa tahun, tidak ada satu pun projek yang dilaksanakan di Kota Kinabalu selain daripada usaha Dewan Bandaraya sendiri.

Saya mintalah dari pihak kementerian pusat supaya memberi sedikit perhatian kepada sungai-sungai yang cetek ini. Kalau boleh kawasan saya di Putatan itu yang sering juga mengalami banjir kilat. Jadi saya rasa yang susunan kepada rumah-rumah juga itu saya rasa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga duduk sama di sini juga melihat

perkara yang penduduk-penduduk yang duduk di tebing-tebing jalan ini membahayakan nyawa mereka di waktu banjir. Saya harap pihak kementerian juga - sebab mesti diselitkan sebab dia berada di dalam Dewan.

Jadi pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini tolonglah kalau buat satu projeklah mendalamkan sungai-sungai yang cetek itu supaya tidak lagi kita mengalami banjir dan tidak mengganggu ataupun menelefon wakil rakyat pada jam 4 atau jam 3 pagi untuk melawat rumah-rumahnya. Banyak kehilangan benda dan kerugian begitu tinggi. Sekiranya kalau pihak kementerian melaksanakan pendalaman sungai dan pemuliharaan sungai itu, saya rasa memadailah kalau ini dilihat oleh rakyat kita supaya kita diundi lagi pada masa PRU-14 supaya Pakatan Rakyat ataupun pihak pembangkang tidak dapat membuat apa-apa hal di kawasan kita sendiri. Jadi itu sahajalah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Raja.

4.52 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut membahaskan maksud P.23 mengenai Butiran 07100 – PERHILITAN. Hanya beberapa soalan sahaja mengenai butirannya iaitu peruntukan RM10 juta untuk membiayai projek Pusat Pemeliharaan dan Pameran *Giant* Panda. Saya ingin tahu, setahu saya itu yang termasuk *giant* panda ini ada seekor. Adakah RM10 juta ini untuk seekor panda dan berapa lama lagi panda ini akan menjadi tetamu kita ini? Seterusnya adakah ini anggaran untuk setahun ataupun untuk selama panda itu berada di sini?

Kedua ialah mengenai Butiran 07200 – Jabatan Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tuan Pengerusi, saban tahun negara kita dilanda oleh jerebu. Setiap tahun ada sahaja alasannya. Kalau beberapa tahun yang sudah kita menyalahkan yang jerebu itu berasal dari Tanah Seberang. Akan tetapi kali ini oleh kebakaran yang agak merata disebabkan kemarau yang panjang. Perkara jerebu ini berulang saban tahun bukan perkara baru. Jadi persoalannya apakah persediaan kita untuk menghadapi musim kemarau dan tanah-tanah yang selalu terbakar ini adalah tanah-tanah gambut.

Jadi saya kira RM2 juta ini program pengawasan hutan melalui udara adalah mungkin untuk helikopter ataupun kapal terbangkah untuk mengawasi kawasan yang terbakar. Cuma saya ingin tahu, apakah perancangan jangka masa panjang untuk kita menghalang ataupun mengurangkan pembakaran terbuka ini terutamanya di tanah-tanah gambut?

Saya biasa bertanya tentang apakah perancangan jangka masa panjang tanah-tanah gambut ini? Kebanyakan pembangunan sudah *encroach* ataupun sudah masuk kawasan tanah-tanah gambut yang pada suatu masa dahulu adalah tanah-tanah pertanian. Pertembungan ini menyebabkan kawasan-kawasan perumahan yang berdekatan dengan tanah-tanah gambut ini dalam kawasan saya di Klang itu masih lagi sebahagian besar ada lagi kawasan pertanian. Jadi

jangka panjang, bagaimanakah kita hendak memastikan bahawa tanah-tanah ini lembap sepanjang tahun, tidak mudah terbakar dan dapat menghindar daripada keadaan jerebu setiap tahun.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang tebatan banjir. Butiran 16700 – RTB ini dan saluran bandar. Memang hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab bahawa perparitan di dalam kawasan bandar adalah di bawah kuasa PBT. Akan tetapi saya cuma ingin menyebut di sini bahawa saya rasa tidak ada penyelarasan terutamanya di dalam kebenaran merancang yang diluluskan oleh PBT-PBT.

Mungkin di atas kertas diperlukan kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk meluluskan sesuatu projek perumahan tetapi pada realitinya di bawah, bila kita berbual dengan kakitangan kerajaan ia setakat orang kata meluluskan kerana masing-masing merasakan bahawa PBT yang bertanggungjawab dan mereka hanya luluskan begitu. Tidak ada sebenarnya turun ke padang atau ke tanah melihat keadaan pun agak kurang dan akhirnya misalnya di kawasan Klang, perparitan yang besar tidak bertambah. Pada 20 hingga 30 tahun yang sudah masih lagi parit yang sama dan sungai yang sama tetapi proses perbandaran terus berlaku.

Sekiranya JPS tidak meletakkan syarat, saya faham katanya ada pelan pengairan induk atau begitu tetapi sejauh mana pelan ini diikuti? Saya fikir perkara ini perlu diselaraskan, kalau tidak biasanya akibat kurang telitinya kita di dalam penambahan saluran baru, maka yang akhir menjadi mangsa banjir kilat ini adalah kawasan-kawasan kampung yang tanahnya lebih rendah dan apabila kawasan-kawasan pembinaan bandar baru naik disyaratkan oleh PBT supaya dinaikkan, ditambak tanah hingga menjadi tinggi daripada paras banjir. Akhirnya bila hujan, air semuanya akan menumpu ke kawasan-kawasan rendah. Jadi saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimana ini dapat diatasi? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Bagan Serai.

4.58 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya merujuk kepada P.23 Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Seperti yang semua sedia maklum, Daerah Kerian di Parlimen Bagan Serai telah dikenal pasti sebagai salah satu daerah yang sering mengalami banjir dan ini adalah kerana beberapa faktor-faktor:

- (i) hujan lebat dalam tempoh yang lama kesan daripada perubahan cuaca global;
- (ii) kawasan tadahan sungai luas dan hulunya kawasan tadah bukit; dan
- (iii) pelepasan air empangan perlu dilakukan dalam kuantiti yang besar bagi mengelakkan kerosakan empangan dan landasan kereta api tenggelam.

Kawasan banjir berada di dalam kawasanimbangan sungai dataran rendah dan dipengaruhi pasang surut air laut. Paras air bawah tanah di kawasan banjir adalah tinggi dan air pembukaan tidak dapat masuk dan bertakung di permukaan.

Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada tahun 2012 telah meluluskan Rancangan Tebatan Banjir di Kerian dan projek sedang berjalan dengan baik sekali. Jadi pada tahun lepas dan juga pada tahun ini, Projek Rancangan Tebatan Banjir di Parlimen Bagan Serai sedang berjalan dan kita dapati kes-kes banjir telah berkurangan sejak dari permulaannya. Walau bagaimanapun, pihak JPS telah memaklumkan kepada saya memohon tambahan siling peruntukan sebab tidak kecukupan. Jadi projek ini dijangkakan untuk siap sepenuhnya pada tahun 2015.

■1700

Tuan Pengerusi, antara masalah yang timbul ketika ini adalah masalah pengambilan tanah untuk rancangan tebatan banjir ini di mana kawasan-kawasan yang perlu dibuat ban telah melalui rumah-rumah penduduk tempatan. Beberapa tempat penduduk kampung terpaksa berpindah meninggalkan kampung halaman yang mereka telah duduk lebih dari sepuluh tahun. Ada yang sudah menduduki tempat itu selama tiga generasi. Jadi mereka memanglah terpaksa berkorban tetapi perasaannya agak terhiris.

Terkini, ada 15 keluarga di Kampung Alor Setanggok, Mukim Semanggol yang terpaksa keluar dari tempat mereka untuk tinggal di tempat lain. Lima keluarga yang tinggal di tanah bergeran sudah mendapat pampasan dan mula membuat rumah di tanah sendiri. Akan tetapi, masalah timbul ada lima keluarga yang tinggal di tanah TOL, iaitu tempat pendudukan sementara, telah diberi notis pada 20 Mac untuk berpindah selewat-lewatnya pada 30 April ini. Jadi mereka telah diberi notis tanpa diberitahu dengan jelas ke mana mereka patut pergi, penempatan baru yang mereka boleh pergi dan tanpa ada pemberian ex-gratia untuk membantu.

Dalam lawatan saya baru-baru ini, ada juga rumah-rumah yang saya pergi ada orang-orang tua yang sakit, yang kami susah hati agak begitu murung sekali keadaannya. Jadi mereka ini tidak tahu mana hendak pergi. Mereka ini miskin, petani, ibu tunggal dan tidak ada tanah. Ada yang datang berjumpa dengan ketua kampung menangis-nangis bertanyakan dan memohon pertolongan.

Tuan Pengerusi, mereka-mereka ini adalah penyokong-penyokong kerajaan. Peti undi di Kampung Tua telah kalah selama 12 kali pilihan raya, dan PRU-13 baru-baru ini, peti undi ini telah kita menang dan ada penduduk kampung agak begitu sensitif dan agak marahlah dalam lawatan saya. Ada yang bertanya kepada saya, adakah ini hadiah pilihan raya untuk kami?

Jadi, saya ada beberapa cadangan kerana projek ini masih lagi belum dijalankan. Kemungkinan bolehkah laluan ban ini dibuat lencongan, projek ini dibuat lencongan. Kerajaan saya percaya akan lebih berjimat dengan cara ini. Mintalah dapat menolong orang-orang susah ini dengan memberi penempatan baru dan meminta pemberian ex-gratia untuk membantu.

Apakah bentuk bantuan yang kerajaan boleh berikan di saat-saat yang genting begini untuk orang-orang miskin di kawasan Parlimen Bagan Serai?

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kulai.

5.02 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara yang ingin saya sentuhkan. Maksud B.23, Butiran 160000 di mana sebanyak RM5.6 juta adalah diminta untuk melaksanakan Program Kerjasama Konservasi *Giant* Panda, dan juga di bawah P.23, Butiran 07100 di mana peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta dikehendaki bagi membiayai projek pembinaan Pusat Pemeliharaan dan Pameran *Giant* Panda.

Jadi saya hendak tanya di sini, selain daripada RM5.6 juta dan juga RM10 juta yang diminta dalam bajet tambahan ini, sebenarnya kita telah memperuntukkan RM25 juta untuk program *giant* panda ini. Jadi nampaknya perbelanjaan kita untuk *giant* panda ini menjadi semakin besar. Jadi saya hendak tanya di sini, berapa banyak keuntungan yang kita boleh dapat dengan membawa dua ekor *giant* panda ini dari negara China ke Malaysia?

Saya hendak tanya memandangkan tragedi MH370 ini telah saya rasa amat menyedihkan hati warga di negara China, saya hendak tanyalah, sama ada *giant* panda ini masih akan datang ke negara kita ataupun tidak? Duta ataupun Kerajaan Negara China mereka tidak takutkah kalau kedua-dua panda ini juga hilang?... [*Dewan riuh*]

Saya hendak tanya juga sekiranya ada apa-apa yang malang berlaku kepada *giant* panda ini seperti sakit atau mati, saya rasa ini ada kemungkinan yang berlaku, berapa banyak pampasan yang kita perlu bayar kepada Kerajaan Negara China?

Selain daripada itu, satu perkara lagi yang saya ingin... [*Dewan riuh*] Bukan Menteri, sila senyap okey. Saya tunggu jawapan daripada Timbalan Menteri... [*Dewan riuh*] Kalau hendak minta penjelasan boleh berdiri. Siapa hendak minta penjelasan, sila berdiri. Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Belud hendak jadi *backbencher* balik ke sinilah... [*Dewan riuh*]

Okey, perkara kedua, Butiran 060000 – Alam Sekitar di bawah Pengawasan dan Penguatkuasaan. Saya ada satu isu di kawasan Parlimen Kulai yang saya ingin bawa di sini. Satu kilang ataupun yang panggil Tai Lian Hoe Metal Sdn. Bhd. yang terletak di Jalan Kota Tinggi didapati bahawa mereka ada lori yang bawa sisa pepejal ke tanah mereka dan juga membuat pembakaran secara terbuka.

Sebenarnya saya telah membawa isu ini kepada Jabatan Alam Sekitar Johor dan serbuan telah dibuat juga bersama-sama dengan JAS pada awal tahun ini tetapi malangnya, sampailah sekarang, kompaun telah di isu kepada syarikat ini, ini maklumat yang saya terima daripada JAS Johor, tetapi pembakaran secara terbuka masih berlaku. Apabila kita sembang dengan pemandu lori yang membawa sisa pepejal itu, beliau cakap bahawa sebenarnya beliau bawa sisa pepejal ini dari negara Singapura dan mereka buang sisa pepejal ini di Kulai di tanah

yang saya syak dimiliki oleh Syarikat Tai Lian Hoe Metal Sdn. Bhd. dan mereka buat pembakaran di sana.

Jadi saya ingin membawa isu ini kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya rasa saya sudah bawa isu ini kepada JAS Johor tetapi sampai sekarang isu ini masih tidak dapat diatasi. Jadi saya mintalah perhatian dan juga kerjasama daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya isu pembakaran secara terbuka ini bolehlah diatasi di kawasan Parlimen Kulai supaya udara di kawasan saya menjadi lebih segar dan tidaklah ada isu pencemaran udara lagi.

Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gerik.

5.07 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya suka merujuk Maksud P.23, Butiran 07200 yang mengatakan tambahan untuk Program Pengawasan Hutan Melalui Udara. Setakat ini saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah maksud pengawasan hutan melalui udara? Apakah kena hendak beli helikopter? Juga setakat ini, sejauh mana kementerian dalam pemantauan, kecurian balak yang berlaku di seluruh negara dapat dibasmi? Dengan kata lain, dengan adanya peruntukan ini, apakah sebenarnya kejayaan di peringkat kementerian mengawasi soal kecurian balak-balak yang ada di dalam negara?

Perkara yang kedua, di Royal Belum saya mendapati kecurian pokok gaharu bukan sekadar, ini bukan tuduhan atau dakwaan saya, bukan sekadar dicuri oleh pemburu-pemburu haram untuk mendapatkan kayu gaharu tetapi juga difahamkan terdapat daripada luar negara iaitu daripada Thailand. Setakat mana dengan adanya pengawasan udara ini, langkah pencegahan ini boleh memberi kejayaan untuk memastikan sumber khazanah negara yang kaya ini dapat dibanteras?

Dalam masa yang sama, kita menghadapi musim kemarau yang panjang dari bulan 12 sehingga hari ini- tanda-tanda hujan turun nampaknya pada minggu ini dan minggu sudah berlaku banyak kebakaran hutan simpan. Bagaimana pihak kementerian mengambil tindakan langkah pencegahan untuk mengatasi kebakaran yang berlaku di merata-rata tempat hutan simpan? Ini kerana dilihat pengawasan di peringkat udara ini bolehlah kita terjemahkan bahawa perkara-perkara yang saya nyatakan tadi dapat dipantau.

■1710

Saya juga beralih kepada Butiran 13400 – Pembangunan Sumber Asli Negara. Maksudnya saya memahami daripada konteks ini ialah air takungan dalam tasik, dalam sungai perlulah diawasi supaya air ini tidak tercemar kerana bilamana berlaku musim kemarau ini kita merasai air dirawat kurang, air sumber asli pun kurang. Kalau adapun air yang sumber asli tadi mungkin tidak boleh diproses untuk dirawat air minuman. Maka sejauh manakah kementerian

mengawasi seluruh tasik dan sungai-sungai dalam negara yang berkemungkinan besar boleh kita jadikan air rawat untuk diminum kerana hasil daripada pembangunan yang ada.

Saya ambil contoh Tasik Temenggor merupakan tasik untuk air minuman tetapi dilihat pengawalan untuk pencemaran contoh, setengah-setengah penggunaan bot, *boathouse* kawalannya tidak nampak sebaik mungkin. Minyak hitam yang masuk dalam tasik, najis yang kita tidak tahu kemungkinan dibuang di dalam. Saya tidak buat tuduhan tetapi saya melihat daripada jauh kemungkinan terbuang dalam tasik itu sendiri. Mohon penjelasan pihak kementerian, bagaimana pengawasan tersebut dapat dijaga?

Seperkara lagi soal sumber air, apabila kerajaan negeri dan mungkin di peringkat kementerian meluluskan kawasan perlombongan bijih timah dalam kawasan saya di Telok Intan, sering berlaku iaitu pencemaran air akibat daripada perlombongan bijih timah. Pernah sekali saya meminta pejabat daerah buat satu *spot check* di mana pihak pelombong bijih timah tadi menjual amang kepada pihak lain, memberi alasan untuk membersihkan pasir. Sebenarnya mereka mencuci bijih timah menggunakan bahan ada beberapa sungai yang utama tercemar kerana hasil daripada pembersihan bijih timah tersebut. Minta kementerian memantau benda ini melalui Jabatan Alam Sekitar jangan pula di Daerah Hulu Perak tanah tinggi, bila kita hendak tanam pokok getah di kawasan tanah tinggi lebih daripada 500 ekar maka Jabatan Alam Sekitar pun sibuklah dengan peraturan-peraturan yang tertentu. Bila hendak dapat bantuan daripada kerajaan tidak boleh dibangunkan tanaman pokok getah kononnya ketinggian lebih daripada 300 meter menyebabkan tidak boleh tanam pokok getah di kawasan tinggi yang akhirnya saya menghadapi masalah Orang Asli kita tidak boleh tanamkan pokok getah untuk pembangunan mereka pada masa depan. Jadi itu sahaja yang saya hendak membahaskan pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

5.13 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 07100 – PERHILITAN tentang RM10 juta dibelanjakan untuk pembinaan Pusat Pemeliharaan dan Pameran *Giant Panda* dan juga kerja-kerja berkaitan Zoo Negara.

Saya hendak dapat kepastian jumlah kos yang terlibat untuk membawa dua ekor *giant panda* ini ke Malaysia. Di sini sebut RM10 juta. Kalau ikut anggaran, ia lebih daripada RM25 juta untuk membawa dua ekor panda untuk datang ke sini dan untuk dipamerkan. Saya juga hendak dapat kepastian bagaimana pulangan untuk dapat balik RM25 juta ini? Tiket untuk masuk ini, berapakah caj tiket masuk untuk setiap tiket? Saya hendak dapat satu angka ini. Adakah panda ini dibawa ke sini hanya untuk dua tahun? Adakah kementerian bercadang supaya kita bawa panda ini lebih dua tahun atau selama-lamanya di sini kalau mengizinkan.

Saya juga hendak tahu tentang makanan untuk panda ini. Saya difahamkan panda ini makanan *special* dia *bamboo*. *Bamboo* itu bukan *bamboo* di Malaysia yang boleh dimakan oleh

panda. So, adakah perancangan telah dijalankan supaya kita menanam *bamboo* khas untuk panda ini dan syarikat mana yang dapat kontrak ini? Berapakah syarikat yang dapat kontrak dan juga kawasan-kawasan yang dikenal pasti untuk menanam *bamboo* ini kerana panda ini akan sampai ke Malaysia pada bulan April iaitu bulan ini. So, saya rasa segala makanan sudah siap sedia untuk mereka termasuk *bamboo* ini.

Saya juga hendak merujuk kepada perkara Butiran 080200 – Perkhidmatan Teknikal Untuk Program Kerjasama Konservasi *Giant Panda*. Mengapa kita hendak belanjakan sejumlah RM5.648 juta untuk program ini? Di hutan kita tidak ada panda. Kita hanya meminjam dua ekor sahaja tetapi kita perlu *spend RM5.6 million* dengan izin, untuk program kerjasama ini. Adakah kita hantar pegawai-pegawai kita ke China untuk belajar bagaimana untuk memelihara *giant panda* ini? Kalau boleh wang ini digunakan, dipakai untuk memelihara haiwan-haiwan seperti *tiger* ataupun badak di hutan kita, di mana sebelum itu kita memang menghadapi masalah kewangan untuk kita memelihara haiwan-haiwan yang saya rasa di Malaysia ini semakin lupus di mana pada hari ini bilangan harimau dan juga badak semakin berkurangan. Apakah rancangan dan juga kewangan yang akan digunakan setiap tahun untuk menjalankan kerja-kerja program memelihara spesies harimau, badak dan juga haiwan lain yang semakin pupus di Malaysia ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

5.17 ptg.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud P.23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Butiran 07100 – PERHILITAN.

Saya menyokong usaha kerajaan bagi projek pembinaan pusat pemuliharaan dan pameran *giant panda* dan kerja-kerja berkaitan Zoo Negara yang baru diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Saya yakin projek yang dijalankan ini bukan sahaja menjadi satu daya tarikan yang baru di negara ini malah ia dapat memperkukuhkan jalinan kerjasama antara Malaysia dan China yang telah pun terbina sejak sekian lama. Saya juga percaya projek ini nanti dapat memberikan kesedaran kepada orang awam terhadap pentingnya pemuliharaan hidupan liar yang semakin pupus.

Menyentuh soal hidupan haiwan liar terdapat masalah yang saya fikir perlu diambil perhatian oleh pihak PERHILITAN di negeri Pahang yang diancam oleh serangan gajah liar. Ancaman ini bukan sahaja memusnahkan kebun-kebun dan hasil tanaman para petani sehingga menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian beribu-ribu ringgit setelah tanaman mereka musnah. Malah punca bekalan air penduduk di kawasan yang terlibat juga turut terjejas akibat dikotori oleh gajah-gajah liar tersebut.

Sekiranya masalah ini tidak dapat diatasi dengan baik, saya bimbang akan terdapat lebih banyak lagi tanaman yang akan dimusnahkan oleh gajah liar ini malah para petani juga akan takut untuk turun ke kebun-kebun dan akhirnya sumber pendapatan mereka turut terjejas. Oleh

itu, saya berharap agar gajah-gajah liar ini dapat ditangkap supaya tidak lagi menjadi ancaman kepada petani dan penduduk. Malah saya merasakan satu kaedah yang lebih efisien perlu difikirkan bagi mengelakkan serangan berulang di kawasan yang terlibat ini.

Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuantan berhubung dengan longkang-longkang monsun yang kurang di bandar Kuantan. Bukan saja di bandar tetapi juga di luar kawasan bandar di Kuantan turut terlibat dengan kawasan saya. Itu sebab setiap tahun apabila hujan kawasan-kawasan seperti Permatang Badak, Sungai Isap sebagainya selalu ditenggelami air.

■ 1720

Oleh itu saya berharap pihak kementerian membuat satu kajian yang mendalam berhubung dengan permasalahan banjir yang terlibat di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Malah di Sungai Lembing umpamanya Sungai Kuala Kenau, kalau empat jam hujan lebat, bandar Sungai Lembing akan dinaiki air. Satu ketika saya rasa dalam tahun 2003, kerajaan telah melantik satu kontraktor untuk menyedut pasir-pasir yang ada di sungai tersebut tetapi memandangkan kontraktor ini mendapati ada keuntungan lain selain dari pasir, mereka menumpukan perhatian mereka kepada menyedut bijih-bijih, saki baki bijih timah yg ada di Sungai Lembing hinggalah kerajaan terpaksa membatalkan kontrak tersebut.

Sekarang ini kalau kita lihat pasir di Sungai Kuala Kenau ini sudah telah menghampiri tebing. Oleh sebab itu dua jam ataupun empat jam hujan di Kuantan ataupun di Sungai Lembing, Kuala Kenau ini akan dilimpahi air dan akhirnya bandar Sungai Lembing akan ditenggelami air. Oleh itu mohon pihak kementerian dapat membuat satu kajian yg menyeluruh dan terperinci agar kita dapat mengatasi masalah-masalah banjir ini. Kalau dulu dikatakan jambatan menjadi masalah, tetapi sekarang ini apabila kerajaan telah meluluskan tiga buah jambatan yang baru, maka masalah jambatan tidak lagi menjadi kesulitan kepada penduduk tetapi pasir yang dalam yang telah naik hingga ke paras tebing, perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian. Sekiranya ini dapat diatasi saya percaya, masalah banjir di Sungai Lembing akan diatasi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

5.22 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya agak tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Gerik tadi iaitu berkaitan dengan Butiran 07200, Jabatan Alam Sekitar iaitu berkaitan dengan pembalakan haram di mana beliau mengatakan bahawa pokok gaharu dicuri bukan saja daripada orang-orang dalam negara kita, tetapi juga daripada negara Thailand.

Saya rasa sungguh peliklah bagaimana perkara ini boleh berlaku sedangkan negara kita, kita ada polis, kita ada polis hutan, kita ada tentera, kita ada imigresen, kita ada Kastam, kita ada Jabatan Hutan. Ada banyak agensi penguatkuasaan tetapi perkara ini juga berlaku dan

sekarang kerajaan pula membuat peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk membiayai program pengawasan hutan melalui udara.

Jadi saya tidak tahu, apa maksud sebenar program pengawasan hutan melalui udara ini? Harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan yang terperinci berkenaan dengan projek yang akan dilaksanakan ini.

Satu lagi masalah ini adalah masalah berkaitan di kawasan saya, di kawasan Parlimen Batu Gajah. Saya pernah membangkitkan isu ini sebelum dalam Dewan yang mulia ini. Sebuah kilang memproses sisa ayam di kawasan Taman Silibin, Ipoh. Kilang ini mengeluarkan bau yang begitu busuk sekali dan perkara ini telah dibawa kepada perhatian Majlis Bandaraya Ipoh dan juga kepada Jabatan Alam Sekitar. Saya difahamkan bahawa kilang yang beroperasi di kawasan itu tidak mempunyai lesen dan aduan dibuat oleh penduduk Taman Silibin, Taman Rishah, Taman Pertama Desa Rishah dan beberapa taman di sekitar tetapi saya tidak tahu kenapa pihak berkuasa tidak mahu mengambil apa-apa tindakan terhadap kilang tersebut.

Aduan yang dibuat ini adalah sangat serius. Kami telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai daripada MBI. Kami telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi setakat ini, tidak ada siapa yang berani mengambil tindakan terhadap kilang tersebut. Saya rasa syak wasangkalah. Ada sesuatu yang tidak kena. Kenapa boleh ada walaupun begitu ramai yang membuat aduan tentang masalah ini tetapi hanya satu kilang. Ia masih boleh beroperasi dan kerajaan lepaskan kilang tersebut. Saya terima aduan bahawa masalah bau busuk ini sehingga ada yang muntah-muntah di rumah dan ada yang merasa begitu malu apabila ada kunjungan daripada saudara mara ataupun tetamu datang ke rumah mereka sebab bau itu begitu busuk sekali.

Selain daripada itu, penduduk kawasan itu juga rasa risau ataupun bimbang bahawa harga tanah ataupun harta di kawasan itu akan turun disebabkan oleh masalah ini. Saya berani menyebutkan nama syarikat itu di sini. Syarikatnya bernama Syarikat Taison Fertilizer Sdn. Bhd. dan saya tidak tahu apa keistimewaan yang ada pada syarikat ini. Walaupun ia membawa mudarat kepada sebegitu ramai penduduk di kawasan itu tetapi tidak ada apa-apa tindakan susulan yang telah diambil oleh mana-mana jabatan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan kenapa perkara ini berterusan sehingga ke hari ini.

Berkaitan dengan Butiran 07100, saya hanya ada beberapa soalan yang saya akan kemukakan iaitu apakah syarat-syarat permohonan lesen daripada Jabatan PERHILITAN untuk menjalankan aktiviti perniagaan hidupan liar? Setakat ini berapakah jumlah lesen yang telah dikeluarkan dan masih berkuat kuasa sehingga hari ini? Berapakah orang yang telah melanggar syarat-syarat lesen yang dikeluarkan dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap mereka?

Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ya, sila.

17.26 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut serta bersama dalam membahaskan bajet tambahan Maksud P.23, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di bawah tajuk 07100 yang melibatkan pusat pemeliharaan dan pameran *giant* panda dan kerja-kerja berkaitan di Zoo Negara yang melibatkan tambahan yang saya juga ingin mendapat kenal pasti apakah keuntungan-keuntungan yang kita peroleh daripada projek yang begitu besar sekali.

Saya kaitkan perkara ini kerana kita juga mempunyai permasalahan yang agak lain yang seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Paya Besar sebentar tadi, saya sangat menyokong kerana dalam usaha kita untuk menghalau gajah-gajah liar di kawasan saya juga turut terlibat di dalam kawasan Parlimen Lipis yang mempunyai banyak gajah liar tetapi dalam usaha ini kadangkala peruntukannya kita tidak peroleh. Kita sudah hantar surat beberapa kali yang juga boleh melibatkan ancaman kepada penduduk khususnya yang bekerja kampung, yang bekerja menoreh getah dan sebagainya yang selalu diancam oleh masalah gajah liar dan sedangkan kita berbelanja besar untuk *giant* panda ini yang saya juga tidak kenal pasti apakah keuntungannya.

Jadi kita sebenarnya lebih baiklah kita pentingkan kepada masyarakat-masyarakat yang lebih memerlukan. Saya dimaklumkan seekor gajah memerlukan RM45,000 untuk memindahkan gajah ini. Jika dibandingkan gajah-gajah liar yang hadir ke dalam kawasan kita yang melibatkan orang kampung tidak boleh menoreh dan dia memusnahkan harta benda orang-orang kampung khususnya getah yang baru ditanam, getah yang sudah lama ditanam, sawit yang sudah lama ditanam dan kita membuat anggaran kos kerugian daripada gajah liar ini melebihi berjuta-juta ringgit. Hasil daripada orang kampung yang tanam enam ekar, tujuh ekar, lapan ekar dan sebagainya dan kadang-kadang gajah ini mengambil garam ke rumah orang. Ini kita susah sangat hendak dapat bajet. Saya beberapa kali minta bajet untuk memindahkan gajah-gajah liar ini tetapi dalam soal panda kita mohon untuk bajet tambahan tetapi dalam soal ini kerajaan seharusnya memikirkan sehabis baik dalam hal gajah liar ini.

Ini bukan melibatkan soal harta benda tetapi melibatkan juga nyawa manusia, masyarakat setempat. Gajah boleh tidur dekat rumah orang. Saya pergi sendiri. Saya pergi sendiri melihat tempat gajah tidur. Paling tinggi Perhilitan hanya pergi tembak ke langit untuk menghalau gajah tersebut. Dalam masa tiga hari gajah itu datang balik yang menyebabkan tidak boleh mereka hendak pergi kerja kerana ketakutan akan gajah liar itu.

Saya juga hendak bertukar kepada tajuk 07200 - Jabatan Alam Sekitar. Saya bersetuju dengan saranan untuk gunakan helikopter tetapi apakah tujuan kita untuk mengenal pasti hutan-hutan terbakar. Bukan sekadar hutan-hutan terbakar.

■1730

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kita juga mesti kenal pasti apakah sikap pelombong-pelombong yang menyebabkan boleh kepada 13400 pembangunan sumber air negara. Ini boleh menjejaskan air. Kalau saya Sungai Lipis ataupun juga bercantum dengan Sungai Pahang yang hari ini kelihatan begitu keruh sekali seperti teh tarik. Kalau hendak teh tarik, kita boleh ambil air sungai buat teh tarik, tambah susu sahaja. Akan tetapi apakah peranan daripada Jabatan Alam Sekitar untuk mengenal pasti yang sungai ini akan berkeadaan baik. Kita hendak penjelasan kerana sungai ini amat penting kepada negara kita. Air sangat penting. Kita ada permasalahan air yang besar sekali sedangkan sungai hari ini begitu keruh disebabkan oleh tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab di atas pencemaran alam sekitar ini sendiri.

Saya kenal pasti sebab kawasan saya. Baru-baru ini hari Ahad saya pergi untuk majlis gotong-royong. Saya pergi tengok sungai dengan sangkutan pokok-pokok tumbang, tidak ditadbir urus dengan baik. Ini adalah salah satu punca yang menyebabkan juga sungai itu akan menjadi lebih cetek dan akan tidak dapat membekalkan air dengan banyak. Sedangkan kita melihat daripada peruntukan ini apakah ia akan dijamin untuk Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan bahawasanya sungai-sungai ini tidak tercemar.

Kawasan saya terlalu banyak pembinaan lombong-lombong. Lombong emas, lombong bijih besi. Keuntungan hanya kepada mereka yang melombong sahaja tetapi kepada penduduk ada ketikanya terpaksa air diputuskan sehingga tiga hari atau ketujuh hari kerana air ini amat tercemar sekali. Ini yang harus diberi perhatian. Bukan kepada panda sebenarnya diberi perhatian. Beri perhatian kepada sungai-sungai dan alam sekitar kita ini untuk memastikan yang kita ini berada dalam keadaan yang cukup baik sekali.

Ini yang saya rasa perlu lebih besar bajetnya untuk memastikan keselesaan rakyat itu sendiri, keselesaan kepada semua termasuk diri saya. Kadang-kadang terpaksa menghadapi air putus, Sungai Lipis bukan kecil. Sungai besar adalah sungai terpanjang dalam Semenanjung dan boleh menyebabkan punca air di negeri Pahang mungkin boleh melibatkan pembekalan sehingga ke Selangor boleh terjejas daripada punca-punca air ini.

Saya beralih kepada 16700 iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan saluran bandar. Saya amat kecewa sekali, saya amat menyokong saranan daripada Yang Berhormat Paya Besar sebentar tadi mungkin daripada Yang Berhormat Kuantan ada menyebut. Saya keluar sekejap tadi, tidak perasan Yang Berhormat Kuantan sebut atau tidak sebut di dalam ini tidak dimasukkan tebatan banjir di dalam kawasan Paya Besar dan Kuantan.

Saya mohon kepada kementerian supaya meneliti di atas 16700 kepada bajet tebatan banjir di negeri Pahang iaitu di Kuantan dan juga di Paya Besar. Kita semua tahu baru-baru ini banjir besar yang melibatkan Kuantan sehingga habis semua, berhempas pulas semua orang tidak kira UMNO, PKR, semuanya berhempas pulas untuk memastikan yang terlibat dengan banjir ini berada dalam keadaan selesa.

Akan tetapi malangnya dalam bajet yang begitu besar sekali bajet di bawah tebatan banjir iaitu yang agak besar tambatan banjir ini tidak termasuk di dalam Kuantan dan Paya Besar.

Sedangkan Paya Besar adalah punca tebatan banjir yang boleh menyebabkan Kuantan banjir. Jadi saya mohon supaya kementerian beri perhatian kepada tebatan banjir di negeri Pahang. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Ipoh Timur.

5.34 ptg.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bangkitkan satu isu di bawah butiran 060300 iaitu alam sekitar, pengawasan dan penguatkuasaan. Saya hendak bangkitkan satu isu iaitu masalah yang sedang berlaku di Ipoh iaitu masalah tapak pelupusan sampah yang mendatangkan bau busuk kepada penduduk-penduduk sekitar di kawasan Papan dekat dengan Ipoh.

Walaupun masalah ini telah pun diadu kepada kerajaan negeri tetapi tiada jalan penyelesaian dapat dicapai. Oleh itu saya hendak tanya Menteri, apakah kaedah ataupun pemantauan dan penguatkuasaan yang boleh dibuat untuk menyelesaikan masalah ini yang telah pun berlarutan dalam tahun yang kedua sekarang. Ini adalah satu tempat di mana kawasan tersebut satu tapak pelupusan sampah yang baru dan penduduk-penduduk di situ adalah sedia ada. Bukannya mereka pindah ke tapak berdekatan tetapi sampah yang datang ke situ.

Jadi saya harap kami dapat mengadakan perbincangan ataupun satu laporan agar masalah ini dapat diselesaikan. Walaupun kerajaan negeri telah pun mengatakan lebih daripada satu tahun yang lalu mereka akan selesaikan tetapi sehingga hari ini saya masih mendapat aduan walaupun tidak dalam kawasan saya. Akan tetapi aduan datang kepada kami. Saya harap agar Jabatan Alam Sekitar boleh membuat satu penguatkuasaan terhadap Majlis Bandaraya Ipoh untuk mengadakan satu kaedah di mana ia akan mengurangkan bau busuk itu. Saya harap kementerian dapat memberi perhatian dan tindakan sewajarnya dalam isu ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut.

5.36 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh kepada perkara 07200 iaitu mengenai dengan pengawasan alam sekitar di bawah Program Pengawasan Hutan melalui mel udara. Tahniah kepada kementerian kerana ini merupakan kaedah baru sebagai tambahan untuk memantau alam sekitar kita. Cuma saya mengharapkan kalau boleh ditambah RM2 juta ini, kerana saya rasa setakat ini pemantauan terhadap alam sekitar kadang-kadang rakyat kita menyifatkan kerajaan tidak begitu serius dalam menangani alam sekitar khususnya melibatkan penerokaan hutan sama ada secara haram ataupun secara halal.

Kalau di negeri Pahang, seperti mana rakan saya Yang Berhormat Lipis tadi ditambah satu lagi pencemaran alam sekitar ini ialah dengan penerokaan lombong-lombong kerana aktiviti

perlombongan ini sebahagian daripadanya saya amat yakin bahawa mereka kurang mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar seperti yang telah disyaratkan.

Mungkin akibat daripada kurang pemantauan, kerakusan mereka ini, pengusaha-pengusaha lombong dan pengusaha-pengusaha balak ini mengakibatkan pencemaran sungai yang begitu hebat berlaku terutamanya di kawasan-kawasan yang Parlimennya terdiri daripada banyak kawasan pedalaman yang masih lagi ada hutan yang besar seperti di Jerantut, Lipis dan sebahagian daripada Kuala Krau mungkin.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Jadi daripada segi ini dengan adanya kaedah pemantauan melalui udara, kerajaan dapat mengesan dengan lebih cepat apakah punca-punca pencemaran. Bukan sahaja dapat mengesan tetapi yang lebih penting yang boleh meyakinkan kepada rakyat terbanyak ialah tindakan penguatkuasaan hasil daripada pemantauan kita.

Seperti dalam sidang yang lalu, saya juga telah memaklumkan mengenai dengan pencemaran sungai kerana kalau dilihat di kawasan Jerantut sendiri iaitu sungai-sungai yang menjadi sumber utama bekalan air di daerah Jerantut malah di sepanjang daerah-daerah di Pahang seperti Parlimen Kuala Krau, Temerloh, Maran hingga ke Pekan berpunca daripada kawasan hulu iaitu di sebelah kawasan Parlimen Jerantut dan juga Lipis. Kalaulah pencemaran ini berlaku, pencemaran sungai akibat daripada perlombongan yang paling teruknya bukan sahaja warna air seperti mana sahabat saya Yang Berhormat Lipis tadi kata macam teh tarik tetapi yang lebih membimbangkan saya ialah kandungan logam berat yang berada di dalam air itu. Jadi kandungan logam ini kita tidak dapat tengok dengan mata kasar. Kesan dan akibatnya ialah rakyat terbanyak menjadi mangsa kerana kesihatan mereka terganggu, terganggu akibat daripada penggunaan air yang berpunca daripada masalah pencemaran sungai.

Jadi saya sangat berharap agar kerajaan melalui peruntukan ini melalui kaedah ini dapat memperkasakan lagi usaha mengawasi keadaan alam sekitar kita terutama seperti yang saya katakan tadi kawasan Parlimen Jerantut ini pusat pelancongan iaitu Taman Negara. Taman Negara ini kalau orang datang ke Taman Negara khususnya pelancong luar datang kerana dia hendak melihat eko pelancongan yang ada di Taman Negara.

■1740

Kalau hutan ini dimusnahkan kerana apa tujuan sekalipun, kalau hutan yang merupakan produk utama pelancongan di Taman Negara ini kita gadaikan dengan pembangunan yang tidak terancang, sudah pasti saya amat yakin kehadiran pelancong ke Taman Negara akan berkurangan. Ini sekali lagi memberi kesan besar kepada khususnya penduduk yang bergantung kepada pelancongan itu sendiri akan kehilangan punca pendapatan. Jadi Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menegaskan agar proses pemantauan melalui udara ini dapat memberikan keyakinan kepada rakyat agar usaha kerajaan ini memberikan hasil yang terbaik.

Saya juga menyokong kalau sekiranya ada tambahan peruntukan mengenai dengan Kepala 16700 iaitu penempatan banjir terutama di kawasan Kuantan dan juga Paya Besar. Apalah kiranya RM10 juta ini kalau boleh ditambah dan dikongsi kepada Kuantan kerana kita lihat bahawa baru-baru ini lebih daripada 40,000 orang yang menjadi mangsa perpindahan banjir dan sudah pastilah nilai kerugiannya jutaan ringgit juga. Jadi biarlah kita berusaha untuk mengatasi dahulu selain daripada kita mengatasi selepas banjir. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Gopeng.

5.41 ptg.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 07100, pameran *giant* panda.

Seperti mana yang sedia maklum, kita tahu peruntukan yang sebelum ini RM30,670,200 anggaran yang asal dan ini merupakan tambahan RM10 juta kepada apa yang dianggarkan. Ini bermakna perbelanjaan keseluruhan RM40 juta. Kita tahu kedua-dua *giant* panda ini- Fu Wang dan Feng Yi dijangka akan tiba mungkin bulan ini atau bulan depan. Sewa ini untuk masa sepuluh tahun. Cuma masalah sekarang, kita tahu jangka hayat *giant* panda ini lebih kurang 20 tahun. Antara panda yang kita akan sewa ini berumur lapan tahun pada tahun ini. Jadi ini bermakna akhir sewa ini mungkin sudah hampir penghujung jangka hayat kedua-dua panda tersebut.

Jadi, bagaimana kita hendak pastikan bahawa perbelanjaan yang kita keluarkan RM40 juta ini dapat pulangan yang sewajarnya. Ini sebab kalau kita lihat untuk kos untuk menjaga panda ini setahun sekurang-kurangnya RM500 ribu hingga RM1 juta setiap tahun. Kita juga tahu bahawa Zoo Negara, walaupun Zoo Negara tetapi Zoo Negara diuruskan bukan oleh kerajaan tetapi oleh NGO. Jadi kalau ada tiket-tiket yang dijual dan dapat pulangan pun, pulangan itu kepada Zoo Negara bukan kepada Kerajaan Malaysia, bukan kepada rakyat Malaysia. Jadi, bagaimana kita hendak pastikan ada pulangan yang sewajarnya.

Bukan setakat itu, kita juga tahu apabila projek ini diumumkan pada peringkat awal, memang dikatakan bahawa antara kos untuk membina habitat untuk *giant* panda ini RM15 juta dikeluarkan oleh 1MDB. Setakat mana sumbangan daripada 1MDB? Saya harap Menteri boleh jawab. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan prioriti kita untuk memelihara binatang-binatang jenis spesies yang mungkin di bawah apa yang dikatakan *endangered species*. Misalannya Orang Utan, *Sumatran Rhino*, *Malayan Tapir*, *Sumatran Tiger*. Jadi saya hendak tanya kepada Menteri, setakat mana perbelanjaan setiap tahun untuk kita memastikan Orang Utan di Malaysia tidak jadi *extend*. Perbelanjaan setiap tahun berapa? Jadi ini adalah bawah 07100.

Satu perkara lain, Rancangan Tebatan Banjir – 16700. Masalah ini saya pernah bangkitkan berkenaan dengan tebatan banjir di sepanjang Sungai Pinji daripada Tanjung Rambutan ke kawasan Kampung Baru Ampang di kawasan Parlimen Gopeng dan ke Ipoh Timur dan seterusnya ke Desa Pakatan di bawah kawasan Parlimen Gopeng. Pernah disebut di dalam Dewan ini bahawa Menteri mengatakan bahawa ada rancangan untuk buat satu *razor wall* di Tanjung Rambutan dengan kos RM20 juta. Jadi ingin dapat jawapan, setakat mana *progress* rancangan tersebut supaya rakyat di sekitar kawasan Sungai Pinji tidak lagi menghadapi masalah apabila hujan lebat dapat banjir pula. Jadi ini saya mohon jawapan daripada Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Silam sila.

5.46 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu butiran sahaja dalam kementerian ini iaitu 16700 - Rancangan Tebatan Banjir.

Untuk makluman Dewan ini, projek tebatan banjir di Lahad Datu bermula pada tahun 2004 dan bernilai silingnya RM150 juta. Projek ini merangkumi tiga batang sungai iaitu Sungai Pancuran, Sungai Tebanak dan Sungai Sepak Gaya. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga kepada Jabatan Perparitan dan Saliran Sabah yang telah melaksanakan dengan baik projek ini iaitu dua batang sungai iaitu Sungai Pancuran dan Sungai Tebanak yang saya dilaporkan sudah hampir 90% selesai diperbaiki.

Sebenarnya tidak lagi berlaku banjir kilat yang sering berlaku sebelum ini. Namun, Sungai Sepak Gaya belum lagi disentuh sedikit lagi pun dan saya melihat setiap kali hujan berlaku dua atau tiga jam, maka akan berlaku banjir kilat di sungai ini. Jadi saya ingin tahu, apakah sebabnya projek Sungai Sepak Gaya ini tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini? Sebenarnya projek ini sudah lama berlaku bermula iaitu tahun 2004 sehingga kini. Jadi saya ingin tahu, apakah sebabnya Sungai Sepak Gaya ini tidak dapat dilaksanakan dan sekarang ini sering berlaku banjir kilat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kluang.

5.47 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya cadang kalau boleh ketiga-tiga kementerian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi perlukan penyelarasan yang lebih kerap dan lebih baik terutamanya untuk cerun-cerun yang tidak- kita perlukan lebih banyak *survey*. Buat masa ini, penyelidikan ataupun *survey* untuk cerun adalah

dijalankan oleh IKRAM tetapi biasanya kerajaan negeri perlu mengeluarkan kos yang tinggi tetapi ini perlu dijalankan.

Kedua ialah isu tentang penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar. Saya cadang lebih ramai ahli penguat kuasa diberikan kepada Jabatan Alam Sekitar. Juga pemantauan dari pelbagai pihak terdiri daripada NGO, rakyat, *feed back* ataupun pandangan rakyat perlu diambil kira. Banyak contoh telah diberikan oleh Ahli kedua-dua pihak. Saya hanya hendak berikan satu contoh ialah kilang getah di Buloh Kasap Segamat di mana bau getah ini agak kuat dan bau ini telah membawa kesan buruk kepada penduduk di Buloh Kasap Segamat. Ini berjalan bertahun-tahun tidak ada tindakan sampai rakyat pun rasa ada aduan pun tidak akan diterima ataupun diambil tindakan.

■1750

Ini saya rasa perlu diambil kira dan saya harap kementerian boleh mengambil tindakan untuk memastikan keadaan kualiti udara kita sentiasa baik untuk semua rakyat. Saya juga hendak cadang sumber-sumber air- walaupun ini melibatkan beberapa kementerian dan juga kerajaan negeri tetapi kita harus jadikan ini satu prioriti. Satu keutamaan untuk memastikan semua kerajaan negeri mewartakan daerah-daerah ataupun kawasan-kawasan *water conservation* ataupun sumber air bukan sahaja di sekeliling tetapi lebih luas. Kawasan hutan untuk sumber air ini tidak harus ada aktiviti-aktiviti *plantation* ataupun pembangunan. Itu harus diwartakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong. Macam melompat ya Yang Berhormat Parit Sulong [*Ketawa*] Sila.

5.51 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Duduk lama. Itu menunjukkan keringanan. Jadi, kena lebih makanlah. Balik di belakang, saya makan.

Saya hendak merujuk kepada satu Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya sudah beberapa kali- setiap kali ada peluang untuk bercakap mengenai tebatan banjir, saya akan bercakap. Kali ini juga saya hendak membawa lebih kurang isu yang sama, cuma saya hendak minta supaya pihak kementerian supaya memberi makluman kepada kita semua. Kalau misalnya kementerian ini memperuntukkan berapa kewangan itu, ia menentukan kawasan manakah yang diberi peruntukan dahulu. Itu yang saya hendak tahu. Ini kerana kawasan saya, kawasan Parlimen Parit Sulong ini antara kawasan yang setiap tahun akan terkena bencana banjir sama ada banjir kilat ataupun banjir termenung.

Jadi, apabila kementerian mengagihkan peruntukan ini, adakah ia berdasarkan kepada jumlah peserta ataupun mangsa yang terlibat ataupun kekerapan waktu banjir itu ataupun mengikut mangsa banjir yang terlibat. Jadi, saya hendak minta supaya kementerian memaklumkan kepada— pertanyaan yang saya utarakan ini. Saya sudah banyak kali mengatakan bahawa apabila kita pergi ke pihak jabatan, mereka akan kata tidak ada bajet, tidak ada bajet,

sedangkan perkara ini setiap tahun berlaku. Apabila hujan turun beberapa hari, akan terdapatnya banjir. Saya juga telah mencadangkan kepada pihak agensi supaya apabila melakukan korekan di parit-parit itu supaya dilakukan secara berskala. Akan tetapi saya dimaklumkan disebabkan kekangan kewangan.

Jadi, saya harap pada kali ini pihak kementerian dapat meneliti untuk memastikan bahawa kemudahan yang ada ini adalah secara berterusan dan bukannya sekali. Bila sudah banjir, baru hendak mohon, baru hendak bagi, baru hendak bincang. Jadinya, kalau macam itu dia tidak akan selesaikan apa-apa juga masalah.

Bajet kalau kata tidak cukup, saya susahlah Tuan Pengerusi, saya hendak menerima alasan bajet tidak cukup, bajet tidak cukup sedangkan perkara ini setiap tahun ia berlaku. Jadi, saya harap pihak kementerian akan meneliti mengikut bagaimana, di mana ataupun keadaan di tempat ataupun di Parlimen berkenaan. Diharap bajet itu dapat diberikan kepada agensi yang berkaitan mengikut keperluan di setiap daerah. Itu sahajalah antara lain yang saya hendak bangkitkan. Walaupun satu perkara Tuan Pengerusi tetapi saya rasa perkara ini sangat penting kerana ia melibatkan ramai mangsa apabila terkena banjir. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

5.54 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh B.23 dan P.23. Mungkin isu kilang Eastern Steel Mill di Teluk Kalong, Kemaman akan menjadi satu isu yang agak besar seperti LYNAS jika tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Adalah difahamkan bahawasanya Eastern Steel, sebuah syarikat daripada negara China berhasrat untuk mengerjakan lebih kurang 6,000 ekar lombong bijih di Bukit Besi, Terengganu dan ia akan memproses besi ini di kilang membakar di Telok Kalong.

Ada juga yang telah dinyatakan dalam laporan yang kita dapati bahawasanya bijih besi ini mengandungi kandungan sulfur atau *sulphur content* yang amat tinggi, di mana ia akan mencemarkan alam sekitar apabila ia dibakar. Daripada contoh-contoh yang kita telah didapati bahawasanya negara seperti Australia dan juga Brazil. Walaupun begitu besar tetapi mereka tidak membenarkan besi-besi yang kandungan sulfurnya begitu tinggi dibakar di negara mereka tetapi di bawa keluar dan dibakar di negara China sendiri. Sehingga Australia membina satu landasan kereta api untuk membawa barangan ini keluar ke pelabuhan mereka untuk di proses di negara China, di mana kita sedia maklum pencemaran alam sekitar mereka amatlah dahsyat.

Apakah langkah-langkah pencegahan atau jaga-jaga untuk kita memastikan bahawasanya pencemaran yang tidak diingini tidak berlaku di Telok Kalong. Ini kerana Telok Kalong bertempat di kawasan strategik pelancongan pantai timur. Betul-betul di antara kawasan Dungun yang mempunyai kawasan peranginan seperti Tanjong Jara dan hotel-hotel lain dan juga

Cherating yang mempunyai Club Med dan Hyatt di Kuantan. Di mana apa-apa pencemaran alam akan menjejaskan dengan teruknya, alam sekitar dan mencemarkan industri pelancongan.

Kita mesti ingat bahawasanya pelancongan ini merupakan satu *sustainable development*, dengan izin, yang boleh diambil keuntungan dalam jangka masa panjang. Sementara perkilangan ataupun pembakaran bijih-bijih besi ini merupakan *unsustainable* dan *pollution centric development*.

Inilah yang saya ingin bangkitkan di sini. Apakah yang kita akan lakukan untuk memastikan melalui peninjauan oleh Jabatan Alam Sekitar supaya langkah yang sepatutnya diambil. Ini kerana saya telah menulis kepada Jabatan Alam Sekitar untuk meminta laporan. Apa yang dikatakan bahawasanya laporan telah *submitted to them by China top business steel*. Akan tetapi apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan *sulphur content* yang akan dibakar ini tidak akan terus mencemarkan alam sekitar kita. Ini kerana ia merupakan satu unsur yang agak tidak diingini di pantai timur di mana sumber pelancongan kita dalam jangka masa panjang akan terjejas teruk. Saya mohon perhatian daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Kapar dulu, selepas itu Yang Berhormat Batu Pahat. Kemudian, Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.58 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk berbincang Maksud B.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ada empat perkara.

Perkara pertama ada kena mengena dengan *point* pertama yang menekankan sebanyak RM5,648,800 untuk pelaksanaan program kerjasama konservasi *giant* panda. Bila saya tengok kepada butiran secara terperinci, saya mendapati RM5.6 juta ini, butiran terperinci adalah berkisar kepada Program Khusus. Butiran 140100 – Bertugas ke Luar Negara dan “*One-Off*”. Butiran 160330 – Ibu Pejabat.

Saya perlu penjelasan secara terperinci bagaimana program khusus bertugas ke luar negara ini dimasukkan dalam program kerjasama konservasi *giant* panda. Mengapa RM381,400 dibelanjakan di bawah tajuk, “140100 - Bertugas ke Luar Negara”, dan juga RM5,267,400 juga dibelanjakan dalam bentuk “*One-Off*”. Saya memerlukan jawapan secara terperinci untuk kedua-dua butiran ini.

Kedua adalah mengenai Pusat Pemeliharaan dan Pameran *Giant* Panda juga. Menurut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, Malaysia telah bersedia sepenuhnya untuk menerima kemasukan dua ekor *giant* panda dari China pada hujung bulan April nanti. Liputan ini bertarikh 27 Januari, menyatakan bahawa kompleks *giant* panda yang terletak di Zoo Negara hampir siap sepenuhnya dan bersedia menerima kedatangan Foa- panda

jantan, dan Fengi- panda betina yang akan diterbangkan oleh MAS Kargo tanpa sebarang bayaran. Itu jangan tanya saya.

■1800

Sebelum ini, menurut liputan berita 12 April 2013, tahun lepas, bekas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjangka bahawa projek pembinaan Pusat Konservasi dan Pameran Panda Gergasi di Zoo Negara yang mula dijalankan sejak April 2013 itu bakal disiapkan pada bulan November tahun lalu. Namun, merujuk kepada liputan akhbar terkini dan kenyataan Dato' G. Palanivel pada awal tahun ini, jelas kompleks tersebut masih belum disiapkan sempurna pada bulan Januari.

Persoalan saya ialah, minta penjelasan daripada Menteri berhubung kelewatan Kompleks Giant Panda disiapkan dan nyatakan status terkini tentang perkembangan pembinaan dan pengubahsuaian kompleks tersebut. Jangan-jangan panda itu sampai, kompleks pula tidak disediakan. Jadi minta penjelasan.

Saya juga tertarik dengan dua panda tadi. Macam saya katakan tadi, satu adalah panda jantan dan satu lagi ialah panda betina. Ada apa-apa rasional di sebalik satu jantan dan satu betina?... [*Dewan riu*] Saya minta kementerian tolong jelaskan. Mana tahu ada program selanjutnya kah? Mana tahu kita hasilkan panda sendiri kah? Minta Menteri jelaskan.

Soalan keempat saya adalah kena mengena dengan kementerian juga, saya minta memberi penjelasan tentang pertambahan perbelanjaan bagi projek ini. Dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, sejumlah RM15,648,800 telah diperuntukkan iaitu sebanyak RM10 juta bagi pembangunan dan RM5,648,800 bagi pengurusan. Ditambah pula dengan RM25 juta yang telah pun diperuntukkan seperti yang dinyatakan oleh Menteri sendiri, projek *giant* panda ini telah membelanjakan kira-kira RM40 juta. Saya minta Menteri menjelaskan RM40 juta dibelanjakan untuk program ini, adakah pendapatan kita berbaloi pada masa-masa kita sedang mengalami krisis kewangan? Saya minta Menteri jelaskan.

Terima kasih Tuan Pengerusi, salam reformasi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

6.02 ptg.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Parlimen sekalian. Saya merujuk kepada Maksud P.23 Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan perbahasan ringkas ini dengan memetik ayat Al-Quran Nur Karim surah Ar-Rum, ayat 41 yang memberikan maksud, "*Telah nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka (manusia) sebahagian daripada akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar*". [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Tuan Pengerusi, kita ingin menarik perhatian sebenarnya kepada alam sekitar, akibat daripada pembangunan kuari di kawasan Batu Pahat khususnya yang telah pun berjalan di Minyak Beku dan yang akan dibuka pula nanti di ladang kelapa sawit di Sungai Ayam berhampiran ataupun bersebelahan dengan Hutan Simpan Banang. Saya ada kesempatan pergi melawat pada hujung minggu ini Tuan Pengerusi, dibawa oleh penduduk-penduduk kampung dan kita melihat bahana yang akan ditimpa oleh kawasan ini kerana kawasan yang hendak dicadangkan untuk dibuka ini jalannya melalui sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Banang Jaya dan PIBGnya telah mengadakan protes, bahkan kalau ikut laporan mereka telah membuat laporan polis dan juga laporan SPRM membantah kepada projek itu kerana ia memberikan kesan yang buruk bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi juga kepada keselamatan murid-murid dan juga guru dan staf sekolah-sekolah berkenaan.

Kuari ini juga berdekatan dengan Sekolah Menengah Sains yang tidak jauh daripada situ dan juga kepada kem tentera yang baru dibuka untuk mengimbangkan pengundi di Batu Pahat. Kemudian kita juga melihat bahawa apabila diletupkan kawasan kuari itu, ia juga memberi kesan kepada hutan Banang kerana kuari itu di atas cerun, dan bila diletupkan, ada kesan kepada hutan Banang yang sebelah atasnya. Kemudian ada sumber air juga yang kemudian melibatkan, menyusahkan atau memberi kesan kepada petani-petani yang mengadakan ternakan air tawar di situ.

Tuan Pengerusi, atas akibat-akibat ini, bahana-bahana ini, kita ingin meminta perhatian khusus daripada Menteri dan kementerian supaya melihat atau meneliti tentang projek ini. Sekiranya korban pembangunan itu lebih besar daripada faedah yang didapati, kita mengharapkan supaya cadangan syarikat ini, ada nama syarikat bersama-sama saya ini, saya ingat tidak perlu sebutkan, supaya ianya dibatalkan dan bolehlah berpindah ke tempat lain yang tidak melibatkan kawasan sekolah, kawasan tentera dan juga persekitaran yang sebenarnya di Minyak Beku itu juga kawasan pelancongan.

Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

6.07 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana menyentuh pelbagai perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Perkara-perkara yang sering disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah yang berkaitan dengan rancangan tebatan banjir dan saliran bandar, dan kedua, penguatkuasaan dan pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi semuanya ini tidak disenaraikan di dalam bajet tambahan.

Untuk rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang menyebut semuanya ini, saya akan beri jawapan bertulis. Ini saya akan tanggung, beri jawapan bertulis.

Saya cuma hendak sentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan *giant* panda. Pertamanya yang menyebut tentang *giant* panda adalah Yang Berhormat Kota Raja. Kedua adalah Yang Berhormat Kulai juga menyentuh tentang *giant* panda. Selain daripada itu ialah Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Lipis juga ada sebut tentang *giant* panda dan Yang Berhormat Gopeng juga ada sebut tentang *giant* panda.

Saya ingin menjelaskan di sini ...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Anak muda Kapar jangan lupa, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Oh! Yang Berhormat Kapar ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Empat soalan tadi terperinci, *thank you*.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, Yang Berhormat Kapar yang bawa empat perkara tadi. Terima kasih Yang Berhormat Kapar yang membawa empat perkara tentang *giant* panda termasuk kenapa satu ekor jantan namanya Foa dan satu ekor betina namanya Feng Yi.

■1810

Ini tentang *giant* panda yang kita akan bawa masuk ke Malaysia. Peruntukan dipohon, ini bagi bajet tambahan, ialah bagi tujuan untuk melaksanakan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 12 Oktober 2012 dan 19 Disember 2012 bagi tujuan melaksanakan obligasi negara di bawah perjanjian Projek Kerjasama Konservasi Antarabangsa Giant Panda di antara Malaysia dan Republik Rakyat China yang ditandatangani pada 15 Jun 2012.

Melalui usaha kerjasama konservasi ini, Malaysia akan berpeluang menjalankan penyelidikan konservasi *giant* panda terutamanya untuk meningkatkan kemahiran dan perkongsian kepakaran tempatan terutamanya dalam pembiakan *artificial insemination*, kajian genetik dan kajian perilaku *giant* panda.

Peruntukan tambahan ini diperlukan memandangkan peruntukan sedia ada pada tahun 2013 tidak mencukupi untuk melaksanakan keputusan Jemaah Menteri yang dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2012. Jumlah peruntukan yang dipohon sebanyak RM5,648,800 adalah untuk membiayai keperluan penyediaan penerimaan *giant* panda iaitu pemberian sumbangan kepada Malaysian Zoological Society ataupun MZS untuk persediaan penempatan *giant* panda di Zoo Negara. Kos perkhidmatan pakar RRC, latihan lawatan teknikal dan mesyuarat berkaitan pengurusan *giant* panda serta kos promosi dan publisiti iaitu di bawah Butiran 140100 termasuk bertugas di luar negara. Ini adalah latihan untuk pegawai veterinar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum bagi laluan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Nanti selepas saya habis ini, boleh minta penjelasan, Yang Berhormat Kapar. Ringkasan perincian peruntukan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Geran <i>one-off</i> kepada Zoo Negara	5,000,000
2	Pengangkutan <i>giant</i> panda	20,000
3	Perkhidmatan pakar <i>giant</i> panda RRC	62,440
4	Kos latihan, lawatan rasmi dan mesyuarat teknikal luar negara	381,330
5	Kos promosi dan publisiti (CAPA)	135,000
	Jumlah	5,600,000

Selain daripada itu, untuk Butiran 07100, Pembinaan Pusat Pemuliharaan dan Pameran Giant Panda. Pusat ini adalah dibina di Zoo Negara. Sebanyak RM15 juta ditanggung oleh 1MDB. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tanggung RM10 juta, ini di dalam bajet tambahan yang dipohon. Jumlah keseluruhan ialah RM25 juta. Akan tetapi, siling projek ataupun kos projek ini ialah RM24,900,000. Ini kesemuanya untuk *Zoo Giant Panda*.

Majlis *sending off giant* panda akan diadakan pada 15 April. Jadi ianya akan dibawa ke Kuala Lumpur pada masa itu juga dan akan sampai ke KLIA pada pukul 6.30 pagi. Ini adalah majlis *sending off giant* panda.

Ada soalan tambahan untuk *giant* panda? Okey, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya memang minat panda, tidak ada masalah. Pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan izin Tuan Pengerusi, tadi mengenai Butiran 140100 – Program Kursus, berapa ramai pegawai yang terlibat dan berapa lama jangka masa latihan telah dijalankan? Nanti apabila sampai ke Malaysia, adakah pegawai-pegawai yang bekerja dari warga tempatan atau masih lagi kita akan gunakan kepakaran dari negara China? Minta penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Sama, Panda.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tambahan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan projek *giant* panda ini, saya pernah sebut dari segi kewangan sebab apabila ada satu isu berkenaan kos untuk menjaga kedua-dua panda tersebut selama 10 tahun, setiap tahun perbelanjaannya berapa? Siapa yang akan tanggung perbelanjaan tersebut? Kedua, dari segi urusan kos seterusnya apabila ada kutipan tiket dan sebagainya, siapa yang akan dapat pulangan tersebut? Adakah Zoo Negara ataupun kementerian? Jadi ini saya harap dapat diperjelaskan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Gopeng atas pertanyaan itu tadi.

Pertamanya daripada Yang Berhormat Kapar. Pakar dari China diperlukan pada permulaan satu bulan. Mereka datang untuk satu bulan di sini kerana pegawai kita dari Jabatan PERHILITAN telah pun dihantar ke negara China untuk latihan. Jadi mereka ini dilatih semenjak *giant* panda itu di dalam kuarantin di negara China, sebab ianya dikuarantinkan di *Dujiangyan Giant Panda Rescue and Disease Control Centre*. Ianya di situ sekarang dalam tempoh satu bulan sehingga 15 April apabila *giant* panda akan dibawa ke sini. Hasil daripada itu, pakar dari China juga akan datang ke sini dan berada di sini selama satu bulan untuk mengawasi apa yang pakar-pakar Malaysia akan buat kerana mereka sudah pun dilatih, jadi mereka akan buat.

■1820

Daripada segi perbelanjaan oleh sebab Zoo Negara ada mempunyai *Malaysian Zoological Society* (MZS), maka pengurusan ini akan dibuat oleh *Malaysian Zoological Society* (MZS). Yuran masuk dalam Zoo Negara adalah dipungut oleh MZS dan wang ini adalah kepunyaan MZS. Jadi, pakar daripada Jabatan PERHILITAN akan terus juga bertugas untuk melihat *progress* kehidupan *giant* panda di zoo negara itu kerana *artificial insemination* adalah sangat penting dalam perkara ini.

Apabila kita sudah ada anak panda, maka kita akan hantar balik seperti mana perjanjian yang telah pun ditandatangani. Jadi, diharapkan nanti dengan adanya Zoo Panda akan lebih banyak pelawat-pelawat, pelancong dari luar negara dan juga pelancong daripada negara-negara kita sendiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun. Yang Berhormat Kampar dan Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng, Gopeng.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Gopeng dengan Yang Berhormat Kampar lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana satu?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mula dahulu. Sebab saya ada bangkitkan soal jangka hayat panda tersebut lebih kurang 20 tahun. Yang *formerly*, yang akan datang itu umur 8 tahun. Kalau selepas 10 tahun dia sudah 18 tahun. Kemungkinan ada kebarangkalian kedua-dua *giant* panda itu mungkin mati semasa jagaan Malaysia ini. Apakah implikasi sekiranya ada berlaku kematian dan sebagainya? Adakah negara China akan gantikan dengan *giant* panda yang baru atau macam mana? Ini pertama.

Kedua, tadi saya sudah bangkitkan. Ini menunjukkan bahawa perbelanjaan yang kementerian keluarkan itu satu sen pun tidak dapat kecuali ada pulangan dari segi imej, mungkin hubungan dengan negara China dalam saat-saat MH370 ini. Akan tetapi cuma kita ada prioriti

yang lain untuk pelihara misalannya orang utan dan sebagainya. Saya rasa mungkin prioriti kita sudah lari dari prioriti yang sepatutnya. Kita sepatutnya pakar dalam memelihara orang utan, *Sumatran tiger* dan sebagainya dan bukan pakar dalam untuk memelihara *giant* panda. Oleh sebab itu, kita tidak boleh lawan dengan negeri China yang ada banyak *giant* panda tersebut. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Kapar atau Petaling Jaya Selatan. Yang mana satu Yang Berhormat?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Petaling Jaya Selatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Petaling Jaya Selatan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kapar dahulu, lepas itu Petaling Jaya Selatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri minat dengan Kapar. Yang Berhormat Menteri, tadi saya tanya tentang RM381,400 ini digunakan untuk pegawai dilatih di China. Saya ulang balik soalan saya, berapa ramai pegawai yang terlibat dan berapa lama jangka masa latihan ini? Itu yang pertama.

Kedua adalah tentang pembiakan dan bila ada kelahiran anak kita hantar pulang balik ke negara China. Bagaimana itu boleh membantu negara kita? Saya tekankan tadi RM40 juta telah dibelanjakan. Macam mana ini boleh memberi pendekatan kepada negara? Hubungan diplomatik satu hal. Pada waktu yang sama bagaimana benda ini dengan izin, *beneficial to our country*? Minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Menteri kata kos keseluruhan merupakan RM25 juta.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar duduk diam.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Untuk tahun yang berikutnya...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini pasal panda.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Setiap tahun kos pemeliharaan *giant* panda ini berapa?

Seorang Ahli: Bukan pandan tetapi panda. *[Ketawa]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Panda, panda. *Giant* panda. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lidah itu kasi betul sedikit, lidah itu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya juga hendak tahu tentang bekalan *bamboo* ini. Adakah *bamboo* ini dihasilkan, ditanam di negara kita atau import terus daripada

China? Kalau *bamboo* ini tanam di Malaysia, apakah syarikat yang dapat kontrak ini dan mereka tanam di mana? Ini perlu dijelaskan sebab panda ini tinggal di sini bukan dua tahun, tiga tahun. Mungkin 10 tahun. Perlu ada satu *supply* yang kekal untuk mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada tiga sahabat yang lagi menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan panda. Pertamanya Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Gopeng lagi menyebut tentang *artificial insemination* sebab dia kata kalau panda ini mati sebab umur panda 20, kan? Itu limit umur panda kalau 18 tahun mati. Akan tetapi pegawai yang telah pun dihantarkan untuk berlatih di situ mereka memang tahu, memang akan tahu sebab mereka adalah pegawai veterinar. Pegawai veterinar sememangnya pakar-pakar yang mengubati binatang-binatang jika binatang sakit.

Untuk *artificial insemination*, mereka inilah yang bertanggungjawab. Mereka memang sudah pakar dan mereka akan terus menjalankan tugas di sini. Jadi, kita harapkan nanti apabila *artificial insemination* sudah pun berjaya walaupun panda di negara kita 18 tahun, dua-dua ini mungkin mati. Itu sudah ada anak yang membela nasib panda yang sudah tua ini. *[Ketawa]* Jadi, ini yang kita harapkan daripada pakar-pakar kita yang sudah pun dilatih.

Tentang orang utan ini, sememangnya kita sudah ada pakar orang utan. Walaupun saya bukan *zoologist*, saya juga orang hutan kerana saya dilahirkan di dalam hutan di rumah panjang. *Background* saya adalah ekologi hutan dan alam sekitar. Saya juga orang hutan. Itu saya punya *background* tetapi kita ada pakar orang utan. Kita sudah tahu orang utan bahkan saya juga buat banyak penyelidikan dahulu untuk mewartakan kawasan-kawasan hutan untuk orang utan termasuk bekerjasama dengan pihak Indonesia agar hutan di kawasan sempadan akan terus dipelihara.

Akan tetapi Indonesia tidak meneruskan projek seperti ini dan oleh kerana pembakaran terbuka yang dilakukan di Kalimantan, maka orang utan sudah pun berhijrah ke negara kita. Tidak menggunakan pasport. *[Ketawa]* Terus melalui hutan juga. Jadi, orang utan lebih banyak lagi di negara kita sekarang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta maaf, minta maaf Yang Berhormat Menteri. Berapa ramai pegawai yang terlibat sebab kos kita adalah RM381,400. So, saya hendak tahu berapa pegawai yang terlibat dalam program kursus ke negara China itu? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Oh! Terima kasih. Pegawai yang terlibat adalah 8 orang, yang telah pun di...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya termasuk Yang Berhormat Kapar ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jangka masa latihan dengan izin?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Dan empat orang pegawai veterinar. Jadi, memang ramailah mereka ini sebab mereka sudah pun dilatih dan mereka akan tahu apa yang akan perlu dibuat.

■1830

Soalan daripada sahabat, Yang Berhormat PJ Selatan ini tentang makanan. Makanan adalah daun buluh dan spesies buluh ini ada di negara kita dan telah pun dikenal pasti oleh pihak FRIM (*Forest Research Institute Malaysia*) dan pihak FRIM juga akan meneruskan usaha ini supaya bekalan buluh ini akan sentiasa ada bahkan sekarang 'gajah' itu sedang dalam kuarantin di Dujiangyan.

Beberapa Ahli: Panda, panda.

Dato Dr. James Dawos Mamit: *Sorry*, panda. Panda sedang dalam kuarantin di Dujiangyan. Buluh daripada negara kita dihantar ke sana supaya 'gajah' ini...

Seorang Ahli: Gajah lagi?

Dato Dr. James Dawos Mamit: Eh! Panda ini. Kenapa kepala saya ini gajah? Sebab ramai rakan-rakan yang sebut gajah tadi. [*Ketawa*] Jadi panda ini akan dilatih untuk makan buluh kita dan oleh sebab itulah semasa panda di dalam kuarantin di dalam satu bulan ini, kita sudah tahu memang buluh ini memang disukai oleh panda sebagai makanan mereka.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Panda *last question*, Menteri.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Panda lagi ada Yang Berhormat Kapar? Yang Berhormat Kapar ini berminat sangatlah Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh Tuan Pengerusi? Soalan terakhir.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Okeylah, satu sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Menteri, satu sahaja, *last one*. Menteri, *baby* panda ini dengan izin Tuan Pengerusi, anak panda yang dilahirkan di luar negeri oleh pasangan yang dipinjamkan itu mesti dipulangkan selepas berusia tiga tahun. Adakah ini betul? Kalau betul kita kena pulangkan balik apabila dia berusia tiga tahun, apa *beneficial* dengan izin *for our country*, Menteri? Tiga tahun susah payah kita jaga lepas itu kena pulangkan balik ke negara China. So apa rasional dia dan mengapa kita setuju dengan persetujuan sebegitu? Penjelasan Menteri. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Sahabat saya Yang Berhormat Kapar, terima kasih atas pertanyaan begitu banyak tentang panda. Kalau anak panda ini sudah berumur tiga tahun, maka *giant* panda dua ini jantan dan betina akan dihantar baliklah. Jadi yang berumur tiga tahun ini anak panda adalah kepunyaan negara kita, ibu dan bapa kepada anak panda ini akan dihantar balik. Kita akan bela anak panda ini dan ianya adalah satu produk untuk pelawat melihat di Zoo Negara.

Begitu juga dengan negara-negara lain yang sudah pinjam panda dari negara China. Mereka mesti pulangkan kalau panda sudah menghasilkan anak-anak seperti ini, tiga tahun. Ibu dan bapa anak panda ini dihantar balik ke negara China, okey. Nanti apabila ianya sampai ke sini dan dikuarantin satu bulan, maka pada bulan Mei, selepas perasmian pada bulan Mei nanti, lawatan akan dirasmikan. Jadi orang ramai pun boleh mula pergi dan melihat panda, siapa yang berminat untuk melihat panda.

Untuk pertanyaan-pertanyaan yang lain yang berkaitan dengan RTB itu di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran. Projek rancangan tebatan banjir. Sebenarnya peruntukan ini adalah untuk tebatan banjir Sungai Jimah, Mukim Jimah, Port Dickson. Projek ini di Mukim Jimah dilaksanakan pada tahun 2013 dan tahun ini juga. Permohonan tambahan ini adalah berdasarkan surat daripada EPU, Jabatan Perdana Menteri.

Maka, peruntukan ini diberikan peruntukan tambahan untuk pengambilan balik tanah untuk kerja membaiki sungai, mendalam, melebar dan melurus dan untuk kerja melindungi tebing, pembinaan, membaiki struktur dan jambatan, pembetung dan sebagainya serta juga untuk pembinaan dan membaiki jalan. Jadi, bajet diperlukan bajet tambahan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Boleh mohon penjelasan sikit? Tuan Pengerusi.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Untuk rakan-rakan yang lain yang sebut masalah banjir di kawasan masing-masing, saya akan beri jawapan bertulis sebab Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti saya sendiri juga, banjir berlaku di kawasan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Sekejap. Oleh itu, saya memang prihatin dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang masalah berterusan sebegini. Banjir kilat dan banjir termenung dan sebagainya. Okey, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, tentang banjir ya.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Saya ingin mohon penjelasan iaitu apakah kriteria ataupun asas pertimbangan Sungai Jimah dipilih untuk diadakan projek tebatan banjir ini kerana kita tahu di tempat-tempat lain, banjir berlaku puluhan tahun, setiap saban tahun berlaku. Umpamanya di Rantau Panjang dan juga di Kuantan yang sampaikan banjir seperti satu bencana. Jadi soalan saya adalah apakah kriteria jabatan ataupun kementerian memilih sesuatu tempat untuk diadakan projek tebatan banjir. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong sekali. Sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Saya akur dengan apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi tetapi saya harap jawapan bertulis itu betul-betul jawapan bertulislah sebab kadang-kadang bertulis-tulis tak tulis-tulis pun Yang Berhormat Menteri.

Jadinya saya harap pihak Yang Berhormat boleh bagi jawapan itu sebagai bertulis kerana itu sangat penting untuk makluman dan pengetahuan kami di peringkat Parlimen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat juga akan memberi jawapan bertulis tentang pencemaran alam kilang di Teluk Kalong, Kemaman. Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong dan Kuala Terengganu. Saya memang sudah mencatatkan apa yang disebutkan, yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tentang pelbagai perkara yang berkaitan dengan banjir termasuk juga Kuantan dan yang lain-lain. Jadi oleh itu saya akan memberi jawapan bertulis dan perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah perkara yang amat penting untuk rekod kementerian juga supaya mana tempat yang belum lagi menjalankan kajian perlu dijalankan kajian supaya reka bentuk struktur yang diperlukan untuk RTB nanti boleh dibuat.

Oleh itu saya memang mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang banjir berlaku di kawasan masing-masing. Untuk Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi, apakah kriteria-kriteria Sungai Jimah di Port Dickson. Kriteria Sungai Jimah, mungkin Jimah yang dipilih di Port Dickson.

■1840

Ini adalah berasaskan daripada permohonan kerajaan negeri yang menyentuh tentang keperluan untuk menangani banjir di Sungai Jimah di Port Dickson. Kedua, Port Dickson adalah satu kawasan atau pun *tourism destination*, kawasan yang dilawati oleh pelancong-pelancong juga dari luar negara.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga menyebut tentang pembangunan sumber air negara. Walaupun ini adalah token RM20 sahaja untuk mengekalkan butiran ini. Akan tetapi ini adalah penting untuk tindakan yang perlu diambil pada masa hadapan iaitu untuk Projek Integrated Atmospheric and Radar-Satellite, Model-Base Rainfall and Flood Forecasting for Main River Basin. Jadi ini adalah penting, inilah yang saya sebut tadi. Akan tetapi peruntukan ini sangat kecil, RM10 sahaja. Itulah sebabnya saya maklumkan tadi saya akan ambil jawapan yang bertulis kerana ini adalah satu perancangan di peringkat dasar. Akan tetapi nanti untuk kawasan-kawasan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat senang kementerian buat perancangan dan reka bentuk struktur untuk menangani projek rancangan tebatan banjir ini.

Untuk Jabatan Alam Sekitar, ramai juga rakan-rakan menyebut tentang Jabatan Alam Sekitar ini iaitu pengawasan dan penguatkuasaan. Butiran ini 060000, ini adalah untuk kerja-kerja kecemasan, pembaikan tanah runtuh di Institut Alam Sekitar Malaysia iaitu EiMAS. Ada tanah runtuh di sana dan diperlukan peruntukan untuk mempercepatkan kerja ini. Kalau tidak bangunan akan rosak disebabkan tanah runtuh.

Oleh itu kerja-kerja penyiasatan tapak untuk peruntukan ini, reka bentuk dan pembinaan bagi menyelamatkan bangunan pentadbiran EiMAS yang paling hampir dengan tanah runtuh dan menstabilkan cerun runtuh supaya tiada pergerakan tanah aktif lagi, pergerakan tanah yang menyebabkan tanah runtuh. Inilah duit yang diperlukan RM492,350 ini bukan sebenarnya untuk tugas-tugas pengawasan penguatkuasaan. Akan tetapi tugas-tugas untuk penguatkuasaan ini akan diteruskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Lebih-lebih lagi tentang isu-isu yang disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Ada syarikat ayam lah yang buat pekan berbau, kampung pun berbau, kawasan perumahan berbau dan ada lagi kilang *steel mill* ini yang mengeluarkan iaitu *solid waste* yang sememangnya beracun.

Pagi tadi rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, saya bantah satu kertas kerja di persidangan FMM Integrated Solid Waste Management. Tajuk kertas saya ialah '*Integrated Solid Waste Management for Environmental Sustainability*'. Siapa yang berminat, saya boleh bagi dengan rakan-rakan apa yang terkandung dalam kertas kerja itu. Oleh itu peranan Jabatan Alam Sekitar adalah amat penting untuk mengawasi dan menguatkuasakan perundangan supaya alam sekitar kita tidak tercemar dan tidak terjejas.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kluang bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kluang?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kluang, okey.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang *solid waste*. Apa peranan kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan peranan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar? Terima kasih. Tentang segi isu *solid waste*.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sebenarnya peranan kerajaan tempatan adalah juga penting bagi penguatkuasaan dan pengawasan. Akan tetapi kalau PBT tidak buat tugas seperti ini, kalau lah seperti satu contoh, Sungai Ferringhi dan Pantai Ferringhi itu seharusnya PBT lah yang bertanggungjawab tetapi atas komplain awam tentang perkara ini. Maka Jabatan Alam Sekitar buat penyiasatan tentang pencemaran sungai di situ.

Oleh itu, kerajaan tempatan seharusnya bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan bahawa sungai tidak tercemar kerana pembuangan sampah, pembuangan sisa-sisa seperti *heavy metal* atau pun logam berat di dalam sungai itu amatlah berbahaya. Ini kerana semua pembuangan lebih-lebih lagi *organic waste* atau pun sisa-sisa organik. Ini akan menyebabkan pembiakan bakteria, *coliform bacteria* di sungai yang sekiranya kalau kita mandi di sungai, berenang di sungai, kulit kita juga akan terjejas disebabkan bakteria terlalu banyak, kandungan bakteria di sungai.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Maaf Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Apatah lagi logam berat, logam berat, *heavy metal* ini sebab ada ikan atau pun ikan *bottom feeders*. Sebab logam berat ini ianya bercampur dengan tanah atau pun kelodak di landasan sungai ini, ikan-ikan ini atau pun udang di bawah itu atau pun ketam memang di bawah itu mencari makan. Ia makan tanah di bawah itu, lepas itu keluarkan lagi.

Akan tetapi apa yang berlaku adalah logam berat masuk ke dalam daging ikan atau pun di dalam daging udang itu, nanti kalau kita makan sudah pasti kita akan kena keracunan makanan atau pun *food poisoning*. Jadi ini memang...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Maaf Yang Berhormat Menteri, maaf Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Kita perhatikan dan PBT seharusnya membuat penguatkuasaan juga selain daripada Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Maaf Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Akan tetapi kita selalu menasihati, ya?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sini, sini, sini Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kluang?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kluang.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Ya minta penjelasan. Soalan saya ini ialah apakah peranan kementerian Yang Berhormat dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya tanya soalan itu kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang *solid waste*. Akan tetapi dasar *solid waste* ini walaupun kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin ada pandangan tentang *solid waste* tetapi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendak teruskan dengan program *incinerator*. So, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang *incinerator* dan adakah dasar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercanggah dengan pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

■1850

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kerana menyentuh perkara ini tetapi ia tidak ada di dalam bajet tambahan. Oleh itu, kalau ia tidak ada dalam bajet tambahan, kalau saya hendak beri *lecture* di sini, ia mengambil masa selama satu jam kerana ia berkaitan yang kedua ini kita kena buat perbandingan. Saya juga ada buat reka bentuk tentang *sanitary landfill* dan juga tentang *incinerator*. Di Kuching, kita punya adalah *integrated*. Satu untuk *sanitary landfill*, satu untuk *incinerator*. Kita ada kedua-duanya sekali. Jadi, kita tahu kelemahan. Saya tahu kelemahan sebab saya yang mula-mula dahulu bertanggungjawab atas perancangan dan reka bentuk ini bersama dengan seorang pakar dari Germany. Jadi, ini mengambil masa yang agak panjang nanti. Jadi itu sahaja yang saya boleh

menerangkan kepada Yang Berhormat tentang *incinerator* kalau dibandingkan dengan *sanitary landfill*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Satu lagi. Ini saya mesti. *[Ketawa]* Saya mesti maklumkan kepada rakan-rakan, kawan-kawan Yang Berhormat tentang program pengawasan hutan melalui udara oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Butiran P.07200 iaitu RM2 juta ini adalah untuk menjalankan perkhidmatan menyediakan penebangan bagi tujuan pengawasan hutan melalui udara di Semenanjung Malaysia. Untuk Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, nilainya ini untuk Semenanjung Malaysia adalah RM912,500 dengan tempoh kontrak kepada syarikat selama satu tahun.

Keduanya adalah perkhidmatan menyediakan penebangan bagi tujuan pengawasan hutan melalui udara Sabah dan Sarawak untuk Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. So, nilai tender ini di Sabah dan Sarawak adalah RM912,500 dengan tempoh kontrak juga satu tahun. Jadi ini adalah diperlukan kerana pertamanya, pengawasan daripada udara adalah amat penting. Kadangkala kita tidak tahu apa yang berlaku di tempat-tempat ataupun di hutan-hutan yang mana tidak ada jalan raya untuk kita pergi ke situ. Maka, kegunaan helikopter diteruskan.

Selain daripada itu, selama ini Jabatan Alam Sekitar juga mengawasi kawasan-kawasan lain untuk menilai pencemaran lebih-lebih lagi di sungai, pencemaran di tanah kerana sisa-sisa toksik ataupun *hazardous* kadang-kadang dibawa dari utara untuk dirawat di Bukit Nanas di Negeri Sembilan. Bukan semuanya dibawa ke situ. Ada kala syarikat membuang separuh daripada sisa-sisa toksik itu tidak tahu. Mungkin di ladang kelapa sawitkah dan di dalam sungai. Ini kerana apabila mereka bawa sisa-sisa toksik ke Bukit Nanas untuk dirawat, mereka perlu membayar. Jadi untuk mengurangkan kos, sudah tentu mereka kemungkinan buat itu. Oleh itu, pengawasan menggunakan helikopter daripada udara adalah amat penting.

Selain daripada itu sekarang, kementerian sudah pun menubuhkan Bahagian Geospatial, maklumat *geospatial*. Ini kita menggunakan GPS, kita menggunakan *remote sensing*, kita menggunakan Geographic Information System (GIS). Kalau kita dapat semua maklumat ini dengan tempoh yang singkat, maka kita boleh terus pergi membuat penguatkuasaan di tempat yang begitu. Oleh itu, saya sememangnya menyokong apa yang disentuh dan disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang masalah alam sekitar, masalah banjir dan saya akan berusaha memberi ucapan bertulis. *Sorry...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Memberi jawapan bertulis ataupun maklumat bertulis kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Satu sahaja.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Supaya kita semua akan menjaga alam sekitar, bukan hanya tanggungjawab saya sendiri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Satu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Sepang.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey. *Last ya?*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Timbalan Menteri, berkaitan dengan isu perhutanan tadi tentang Timbalan Menteri mengatakan ada pengawasan tentang penebangan hutan melalui udara. Akan tetapi saya rasa, saya ingin mendapatkan maklumat daripada Timbalan Menteri, apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini berhubung dengan penebangan hutan-hutan di tepi-tepi lebuhraya ini? Kalau dahulu, kalau mungkin 10 tahun, 15 tahun dahulu kita lihat kawasan lebuhraya kita ini khususnya Lebuhraya PLUS ini, dari selatan ke utara, kita boleh melihat suasana hijau yang begitu menyamankan. Kalau kita *drive* itu kita rasa satu suasana yang begitu seronok.

Akan tetapi sekarang kalau kita lihat penebangan ini ataupun pembotakan tanah-tanah di lebuhraya semakin berlaku seolah-olah tidak ada satu kawalan dan ini sekali gus kita rasa sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada kepanasan ini. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian ada membuat pemantauan tentang penebangan hutan ataupun kawasan-kawasan hijau di sepanjang lebuhraya? Saya rasa kena ada satu kawalan dan saya harap pihak kementerian mengambil tindakan proaktif untuk sekurang-kurangnya mengawal. Kita mesti ada satu tahap peratusan berapa yang kita boleh tebang dan sebagainya. Jadi saya harap kementerian boleh memberikan jawapan terhadap isu ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat tentang penebangan hutan di sepanjang lebuhraya. Ini disebabkan pembangunan yang diperlukan. Pertamanya di lebuhraya, apabila lebuhraya dibina, maka hutan perlu ditebang untuk kegunaan untuk lebuhraya. Selain daripada itu, jika tanah di tepi-tepi lebuhraya itu sudah pun diguna pakai untuk ladang dan juga untuk aktiviti pertanian, ia juga ditebang. Akan tetapi untuk Jabatan Perhutanan, Jabatan Perhutanan mewartakan hutan simpan kekal. Hutan simpan kekal ini sememangnya tidak boleh ditebang.

Jadi apabila hutan simpan kekal ditebang, maka itu adalah satu kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara. Akan tetapi, hutan adalah di bawah tanggungjawab negeri, semua hutan kerana di dalam *Schedule 9* dalam Perlembagaan iaitu Senarai 1 adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, Senarai 2 di bawah tanggungjawab kerajaan negeri dan Senarai 3 *concurrent* di bawah tanggungjawab kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat.

■1900

Jadi, hutan adalah di bawah kerajaan negeri. Lesen untuk pembalakan adalah dikeluarkan oleh kerajaan negeri tetapi Kerajaan Pusat selalu berbincang. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di bawah Kerajaan Pusat selalu berbincang dengan kerajaan negeri mengenai kawasan manakah hutan simpan kekal yang diperlukan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga perlu tahu bahawa hutan adalah amat penting kepada kita kerana hutan menyerap gas karbon dioksida melalui proses fotosintesis. Satu hektar hutan di negara kita menyerap lima tan gas karbon dioksida setiap tahun. Kita ada lebih 22 juta hektar hutan di dalam negara kita.

Jadi, bayangkan kalau kita darab dengan 22 juta ini untuk satu tahun, itulah jumlah gas karbon dioksida yang diserap. Ini amat penting untuk kita memelihara hutan kerana pokok menyerap gas karbon dioksida. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan pandangan tentang penebangan hutan di tepi jalan ataupun di lebuhraya. Dengan maklumat yang saya sudah pun berikan Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya boleh saya sampaikan, yang lain semuanya saya akan beri jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,439,150 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM8,439,150 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM22,000,020 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM22,000,020 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Maksud Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Oleh sebab hanya token, ia tidak perlu dibahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Maksud Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Nibong Tebal.

7.03 mlm.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud P.25, Butiran 13003 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia: Program Pembangunan – Infrastruktur Asas, yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta yang dikehendaki bagi membiayai projek merobohkan dan membina semula Kompleks Pekan Rabu di Alor Setar yang merupakan projek baru dan tidak disediakan dalam peruntukan 2013.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanyakan tentang kewajaran permohonan peruntukan ini di bawah SKM kerana ini adalah pembangunan infrastruktur. Pada pandangan saya, SKM memerlukan lebih banyak peruntukan untuk melaksanakan program-program bagi menggalak dan memperkukuhkan gerakan koperasi bagi membudayakan koperasi di negara ini. Ini kerana koperasi juga memainkan peranan yang cukup penting, menyumbang agak signifikan ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Lagipun Pekan Rabu ini adalah satu ikonik di Kedah. Jadi, apa salahnya kalau Kerajaan Negeri Kedah pun yang membangunkan kompleks ini. Dengan menghabiskan peruntukan yang banyak, yang baik untuk program-program penggalakan dan penumbuhan koperasi. Disasarkan kepada organisasi-organisasi akar umbi seperti petani, nelayan, sekolah dan lain-lain organisasi di akar umbi supaya pembudayaan gerakan koperasi di Malaysia ini boleh ditingkatkan dengan cukup efisien.

Keduanya Tuan Pengerusi, kalaulah sekiranya diluluskan juga. Saya ingin tahu siapakah yang menguruskan Pekan Rabu ini. Adakah di bawah kelolaan SKM ataupun di bawah agensi-agensi lain iaitu persoalan tambahan. Sehubungan dengan itu, kita dapati juga yang berniaga di Pekan Rabu mungkin bukan orang tempatan. Jadi, saya tidak nampak sekali lagi kewajaran kenapa SKM terpaksa dibebankan dengan pembangunan Kompleks Pekan Rabu ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

7.06 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Saya juga turut hendak berbahas sedikit mengenai Kepala P.25, Butiran 13003 - Suruhanjaya Koperasi Malaysia: Program Pembangunan – Infrastruktur Asas. Peruntukan tambahan diminta diberikan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi

program pembangunan infrastruktur asas bernilai RM5 juta, khusus untuk pembangunan semula Pekan Rabu di Alor Setar. Jadi, kita menyedari bahawa seperti Yang Berhormat Nibong Tebal sebutkan tadi, Pekan Rabu di Alor Setar ini adalah sebuah institusi atau *landmark* yang menjadi ikon kepada Bandaraya Alor Setar itu sendiri. Terletak di antara Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar. Ditubuhkan, bermula sejarahnya pada 1920. Semasa itu Allahyarham Tunku Yaacob mula menubuhkan pasar Pekan Rabu ini di Tanjung Chali, kemudian dipindahkan pada tahun 1932 di tempat sekarang kemudian dibangunkan, dibuat secara dalam bentuk syarikat kerjasama pada tahun 1940.

Ketika ini, di bawah Koperasi Pekan Rabu Berhad yang mempunyai ahli sebanyak 1,300 orang. Menjadi satu tempat di mana peniaga-peniaga yang terlibat daripada ahli-ahli koperasi ini 100% adalah orang-orang Melayu yang memasarkan produk-produk tradisional kraf seperti tepak sirih, keris dan sebagainya, kuih-muih tradisional, produk-produk ikan, *downstream* seperti ikan pekasam, ikan kering kemudian baju Melayu, songkok, kain songket sepertimana Pasar Payang di Kuala Terengganu. Kemudian barang-barangan untuk pergi ke umrah, sudah tentu juga ada gerai-gerai makan dan minum hatta kepada produk seperti belacan dan sebagainya.

Jadi, sudah tentulah seperti yang kita sedar bahawa sebagai ikon, satu jenama yang unggul di Kedah ini, kerajaan juga telah pun menyediakan pelbagai kemudahan sehinggalah mewujudkan Pekan Rabu yang ada ketika ini. Pada akhir 70-an, awal 80-an dan juga dibuat *escalator* untuk memudahkan orang ramai pergi ke Pekan Rabu kerana kita sedar Jalan Tunku Ibrahim itu agak sibuk, jadi dibuatkan *escalator* ini.

Akan tetapi untuk mengembangkan lagi pembangunan Pekan Rabu ini, pada 27 Mac 2013, kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk projek pembangunan semula Pekan Rabu berjumlah RM55.58 juta. Ketika itu Yang Berhormat Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah pun melancarkan projek ini iaitu untuk merobohkan bangunan lama serta membina semula bangunan sehingga tujuh tingkat melibatkan 360 lot kedai dan juga menyelesaikan masalah tempat letak kereta iaitu dengan membina 387 parkir ataupun tempat letak kereta.

■1910

Jadi kita sedar bahawa salah satu kelemahan yang ada di Pekan Rabu hari ini adalah masalah *parking* di mana tidak ada tempat *parking* yang khusus dan mungkin saya ingat dalam perancangan ini, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan kepada kita antara komponennya ialah membina parkir bertingkat, jadi boleh menyelesaikan masalah *parking* kerana memang sibuk Jalan Tunku Ibrahim dan juga Jalan Langgar di tengah-tengah Bandaraya Alor Setar. Jadi kita berbanggalah dengan kelulusan awal yang telah diberikan oleh kerajaan. Saya Jerlun menyokong peruntukan yang dimohon sebanyak RM5 juta untuk permulaan kerja-kerja ini.

Cuma, persoalan-persoalan yang timbul adalah adakah *design* ataupun reka bentuk bangunan baru itu telah pun siap? Kemudian seterusnya bilakah projek ini akan dimulakan dan

bila pula projek ini akan disiapkan? Sudah tentulah kita bimbang, takut, jangan salah pilih kontraktor kerana nanti mungkin takut terbengkalai sebab bangunan ini memang siapa pun kalau pergi Alor Setar mesti lalu dan jumpa bangunan ini. Jadi kita bimbang dan takut nanti masalah terbengkalai projek tersebut.

Kemudian sudah tentu isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan *relocation* penempatan pemindahan sementara peniaga-peniaga yang sedia ada ini. Diharapkan tidak menimbulkan isu-isu yang boleh sehingga menjejaskan perniagaan mereka yang begitu teruk. Akan tetapi saya yakin, mereka pun sebagai ahli-ahli koperasi di situ bersetuju untuk berpindah sementara dan sanggup berkorban untuk disiapkan projek yang baru ini. Jadi sesungguhnya kita berharaplah kepada kementerian memastikan reka bentuk dan juga yang penting sekali ialah pelantikan kontraktor itu adalah betul-betul orang yang mampu melaksanakan kerja mengikut jadual dan mempunyai modal yang cukup dan yang penting ia tidak terbengkalai. Itu yang kita bimbangkan.

Cuma lagi satu isunya ialah mungkin kementerian atau mungkin juga melalui koperasi kena pastikan, seperti Yang Berhormat Nibong Tebal sebutkan tadi, juga mungkin ada satu dua orang yang bukan warganegara berniaga di situ. Tetapi kita sedia maklumlah, di Kedah ini terutama sekali Kedah dan Perlis, memang kita tidak dapat lari daripada kurang-kurangnya turut mempromosikan produk-produk keluaran negara jiran iaitu Siam. Jadi kita tidak mahulah barangan Siam ini mendominasi Pekan Rabu di masa yang akan datang.

Jadi, terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Jerlun menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

7.13 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, pertama saya pohon banyak maaf kerana suara saya kurang baik hari ini. Tuan Pengerusi, walaupun begitu, saya cuba untuk menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kurang jelas, saya minta maaf kerana sudah dua hari suara saya sudah... Saya ingat saya boleh jelaskan dua persoalan ini.

Pertama, terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal, masih ada dalam Dewan. Untuk makluman Yang Berhormat, agensi pelaksanaan projek Pekan Rabu ini ialah JKR. Peniaga di Kompleks Pekan Rabu ialah warga tempatan, anak jati Kedah yang juga merupakan anggota Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan Kompleks Pekan Rabu ini adalah di bawah Lembaga Koperasi itu sendiri. Sebab itu projek ini diletakkan di bawah koperasi kerana Koperasi Pekan Rabu ini diwujudkan dan didaftar di bawah Akta Koperasi 1993 oleh Suruhanjaya

Koperasi Malaysia. Jadi, projek ini selepas daripada ini akan diurus tadbir oleh Koperasi Pekan Rabu sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Jerlun, mengenai dengan apa yang telah dibangkitkan mengenai dengan tapak pelaksanaan projek, di antara 18 hingga 26 bulan yang akan kita laksanakan.

Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat mengenai dengan status apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, reka bentuk pengubahsuaian bagi penempatan sementara seperti Yang Berhormat sebut itu di dalam dan juga di luar iaitu akan diletakkan di Bangunan Ukir Mall yang telah siap oleh pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri. Iklan untuk kerja-kerja pengubahsuaian telah pun dibuat pada 26 Mac yang lalu.

Keduanya untuk hendak melaksanakan projek ini, *pre-lab value engineering* dengan izin, akan diadakan pada 4 April 2014 manakala *lab VE* akan diadakan pada 14 hingga 18 April 2014 nanti.

Ketiganya, bagi hendak memastikan projek ini juga, *soil investigation* sedang dibuat oleh Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik JKR. *Design review* akan dimuktamadkan oleh arkitek CNS dan juga MNE pada 25 April nanti. Iklan untuk tawaran pra kelayakan bagi projek ini akan dibuka pada 8 April 2014 dan akan ditutup pada 24 April 2014. Selepas itu, iklan kepada kontraktor yang telah disenaraikan pendek akan dibuka pada 16 Mei 2014 dan dokumen tender akan dijual kepada kontraktor pada 19 Mei 2014 dan ditutup pada 10 Jun 2014 untuk memastikan supaya kontraktor-kontraktor apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dapat kita pastikan. Oleh sebab itu, ada kontraktor yang telah di senarai pendekkan. Selepas itu, *letter of award* dijangka akan dikeluarkan pada 29 Julai 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tarikh masuk tapak adalah pada 20 Ogos 2014. Tempoh pajakan seperti saya sebutkan tadi, tempoh projek ini ialah 18 hingga 26 bulan. Kaedah pelaksanaan projek adalah 50% *integrated bidding system* iaitu pasang siap dan 50% lagi secara konvensional. Pihak JKR telah pun memulakan proses penyediaan dokumen pelawaan bagi proses *prequalification* dengan izin. JKR akan mengemukakan unjuran aliran tunai projek bagi tahun 2014 selewat-lewatnya 31 Mac 2014. Jadi insya-Allah Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sebutkan tadi akan dipastikan agar tarikh dan juga kontraktor yang akan melaksanakan projek ini dapat menjalankan dengan sebaik mungkin.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, memang projek ini adalah RM55.8 juta keseluruhannya. Pada tahun 2013 inilah peruntukan yang dipohon sebanyak RM5 juta untuk kita... RM5 juta ini diperlukan untuk urusan pembayaran premium tanah setelah mengambil kira nilai pasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta di Alor Setar. *Insya-Allah* pada tahun 2014 ini sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan dan tahun 2015 sebanyak RM30.58 juta untuk keseluruhan projek ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,325,350 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM5,325,350 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2013]

**Maksud B.27 [Jadual] –
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2013] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tenom.

■1920

7.20 mlm.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut ingin berbahas dalam Perbekalan Tambahan ini bagi B.27, Kementerian Kerja Raya yang mana seperti yang tertulis dalam buku ini di mana Kementerian Kerja Raya telah diberi sebanyak RM50 juta untuk peruntukan tambahan bagi memperbaiki kerosakan infrastruktur jalan-jalan yang rosak akibat banjir di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri KKR kerana telah datang dan meninjau beberapa masalah yang dihadapi oleh orang-orang di kawasan saya terutama berkenaan dengan jalan-jalan raya selepas Tenom telah dilanda banjir.

Cuma Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dan JKR, setelah daripada lawatan tersebut, adakah peruntukan sebanyak RM50 juta ini juga jalan-jalan di Tenom, jalan-jalan utama, *federal road* di antara Tenom ke Mabong, di antara Tenom Taman Pertanian ataupun Inubai ataupun Tenom-Keningau yang mana bukan sahaja telah dilanda banjir tetapi telah mengakibatkan ada beberapa tempat atau lokasi sepanjang jalan *federal road* ini telah mengalami hakisan tebing yang amat teruk dan menyebabkan hari ini jalan-jalan raya tersebut telah sempit dan menyebabkan kesukaran para pengguna untuk melalui kawasan-kawasan tersebut.

Begitu juga Tuan Pengerusi, berkenaan dengan P.27 Butiran 61000 berkenaan dengan memperbaiki jajaran Pan Borneo ini. Cuma saya ingin mengambil sedikit kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, saya ingin supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan semula jajaran Pan Borneo ini. Kalau dilihat jajaran ini, ia cuma melalui Tenom sahaja. Dari Sarawak dan terus pergi ke Kimanis, Kimanis melalui Keningau. Apa kiranya Tuan Pengerusi,

kalau boleh pihak kementerian melihat jajaran dari Sepitang ke Mabong ke Tenom, Tenom ke Keningau dan terus ke Tawau. Saya kira ini amat penting juga.

Sebenarnya apabila adanya jajaran Pan Borneo ini, sebenarnya memberi impak yang baik kepada kawasan saya Tuan Pengerusi, yang mana bila mempunyai jalan yang bagus, Tenom banyak hasil pertanian yang boleh membantu untuk memasarkan lagi hasil-hasil pertanian ini. Mungkin ke Brunei Darussalam, mungkin ke Sarawak, Limbang ataupun Labuan sendiri dan saya kira jajaran ini cukup penting kepada kami. Jadi saya hari ini Tuan Pengerusi, saya harap pihak kementerian boleh membuat satu jajaran supaya kami di Tenom mendapat limpahan daripada pembangunan yang saya kira satu projek yang besar bagi kita di negeri Sabah terutamanya untuk membangunkan dan meluaskan jalan-jalan utama di negeri Sabah.

Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

7.24 mlm.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya satu perkara sahaja di bawah Butiran 90000 – Lain-lain Pembinaan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya tentang siasatan terhadap peristiwa siling runtuh di Hospital Serdang. Saya rasa Hospital Serdang itu menggunakan peruntukan sebanyak RM690 juta untuk membina hospital itu dan ia beroperasi sejak Disember 2005. Akan tetapi dalam tempoh dua atau tiga tahun ini, siling di hospital itu telah runtuh sebanyak tujuh kali.

Jadi saya rasa hendak tanyalah apa hasil siasatan Kementerian Kerja Raya terhadap peristiwa tersebut? Saya rasa hospital ini tidak sampai sepuluh tahun tetapi struktur silingnya nampaknya tidak berapa stabil. Jadi saya ingin bertanya apa hasil siasatan daripada Kementerian Kerja Raya dan sama ada kontraktor untuk Hospital Serdang itu didapati bahawa mereka telah bersalah? Ini kerana kalau menurut satu jawapan yang saya terima daripada kementerian pada hari ini, dalam jawapan itu tertulis bahawa Jabatan Kerja Raya dijangka akan memanggil tender bagi tujuan membaiki kerosakan siling di hospital berkenaan pada bulan ini. Akan tetapi soalan ini tidak dijawab sama ada tindakan telah diambil terhadap kontraktor ataupun mana-mana pihak dan apakah sebab siling di hospital itu sering runtuh dan sama ada kontraktor yang membina hospital ini akan dipertanggungjawabkan.

Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang.

7.26 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak menyentuh Butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan. Saya ingin menyentuh tentang di mana Limbang dan Lawas mendapat RM140 juta di mana Limbang sebanyak RM71

juta untuk menaik taraf Pan Borneo. Saya tahu RM71 juta memang tidak boleh hendak memperelok semua sepanjang jalan yang ada dari sempadan Brunei menuju ke sempadan satu lagi untuk Parlimen Limbang di Pan Borneo itu hanyalah sepanjang 52 kilometer. Akan tetapi *certain contract* telah pun diaward untuk menaik taraf jalan ini.

Jadi saya hendak membawa perkara ini iaitu untuk *rehabilitation* contohnya. Saya dapati ianya telah pun diaward tender kepada kontraktor tetapi apabila mereka hendak melaksanakan, mereka sendiri pun mengajak saya sendiri hendak tengok. Mereka ini membuat apa yang telah pun disebut dalam kontrak. *This chainage to this chainage to this chainage* tetapi mereka ini bukan apa, saya mengucapkan terima kasihlah. Mereka ajak saya sendiri naik kereta, tengok sepanjang jalan, tengok tempat-tempat yang telah ditetapkan ini. Saya pun terkejut juga. Kenapa yang tempat elok kita buat? Kita *target* tempat-tempat yang kurang itu yang perlunya. Kenapa kita berulang-ulang hendak membaiki tempat yang elok?

Jadi saya hendak mempersoalkan sedikit di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa, *who is actually doing this investigation on the ground*, di mana sepatutnya dibuat dan di mana tidak. Ini bukan lagi cerita - saya duduk sendiri dengan kontraktor daripada JKR, duduk dalam kereta, jalan tengok tempat-tempat ini. Memang betul apa yang mereka katakan. Ini tidak payah buat, ini sudah elok. Banyak lagi yang tidak elok sepanjang jalan 52 kilometer itu. Betullah, sebab kalau kita berulang-ulang buat tempat elok, sampai bila tempat yang tidak elok ini akan diperbaiki?

Jadi saya minta kepada kementerian *review* balik tempat-tempat yang telah dikatakan sepatutnya *chainage* ini *chainage* ini. Ini kerana semasa saya sendiri turun melihat setelah diajak oleh kontraktor dan juga JKR di Limbang – sebab mereka pun fikir juga, nanti Yang Berhormat bising dia kata. Memanglah. *It was my job before. I know*. Betul juga. Kenapa yang elok dibuat? Jadi mereka telah berjanji kepada saya untuk *review* balik mana yang hendak dibuat dan mana yang tidak. Sepatutnya tengok balik mana *chainage* patut dibuat. Saya tunggu sampai hari ini belum ada khabar berita. Sebab, betul juga, saya tidak apa, rakyat kata kenapa tempat yang elok dibuat, yang tidak elok tidak dibuat? Persoalan balik kepada rakyat juga. Pengguna jalan raya ini adalah rakyat yang terbanyak.

Jadi saya mintalah jangan sampai kita pula, jabatan, agensi, kementerian nanti dikatakan, ya lah, minta maaf lah ya, biasalah kita *on the ground* ini kadang-kadang, “*Butakah? Tidak nampakkah? Mana satu patut bikin, mana satu tidak?*” Ini biasalah kita dengar, kita *on the ground* ini. Jadi saya mintalah kalau perkara ini kerja-kerja hendak dibuat yang dalam program untuk membaiki jalan Pan Borneo di Parlimen Limbang yang RM71 juta ini dilihat semula kandungannya, perisiannya *whether*, ya lah, perincian kerja-kerja yang hendak dibuat itu. Saya mintalah kepada kementerian.

Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

■1930

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

7.30 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh Butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan dan juga Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Saya hanya ingin memfokuskan tentang pertamanya, saya ingin bertanyakan kepada pihak Menteri, apakah status pemulihan ataupun pembaikan semula jambatan yang runtuh di Putrajaya Link selepas Plaza Tol Putrajaya, Lebuhraya ELITE yang berhampiran dengan *Science Park 2*? Jadi saya ingin tahu sebab saya hampir selalulah lalu, kawasan itu masuk dalam kawasan Sepang.

Saya ingin bertanya kementerian, apakah statusnya sebab saya lihat macam seolah-olah tidak ada satu kerja-kerja pemulihan dilakukan. Jadi saya ingin tahu apakah yang telah dilakukan untuk memulihkan jambatan itu kerana ramai daripada pengguna-pengguna jalan raya di situ khususnya yang bekerja di Putrajaya dan tinggal di kawasan sama ada di Puchong ataupun Sepang, mereka melalui kawasan itu. Selalu mereka menyatakan bahawa khususnya pada hari Jumaat sebelah petang berlaku kesesakan yang agak teruk di situ kerana jalan dilencongkan.

Jadi, saya ingin bertanyakan apakah status kerja-kerja pemulihan yang telah dibuat dan kalau belum dibuat, boleh terangkan kenapakah tidak berlaku kerja-kerja pemulihan itu? Bukan sahaja ia menyebabkan pemandangan – sakitlah mata kita memandang itu dan juga menyusahkan pengguna-pengguna di situ, pengguna jalan raya.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanyakan berkaitan dengan di sini ada peruntukan sebanyak RM49,555,000 untuk Membina Jalan-Jalan Baru (Projek Baru). Saya ingin bertanyakan, adakah pihak kementerian mempunyai satu perancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan akibat jalan yang sempit yang dilalui oleh volum kenderaan yang begitu tinggi terutamanya pada hujung-hujung minggu, daripada simpang empat yang berhampiran dengan Litar F1 untuk pergi ke kawasan Pekan Lama Sepang dan seterusnya Sungai Pelek. Kawasan itu memang kawasan yang selalu mengalami kesesakan yang teruk khususnya di hujung minggu, jadi saya ingin bertanyakan adakah pihak kementerian ingin ataupun mempunyai perancangan untuk sama ada membesarkan jalan ataupun untuk mengelakkan kesesakan yang timbul di kawasan tersebut.

Terakhirnya, saya juga minta supaya pihak kementerian dapat mengambil satu inisiatif untuk apa dipanggil untuk menimbangkan untuk membina *flyover* di kawasan jalan raya, lebuhraya antara Dengkil ke Bangi yang berhampiran dengan simpang empat yang pergi menuju ke Dengkil, daripada KLIA sebelah kiri pergi Dengkil dan sebelah kanan pergi ke Bangi dan kalau terus ke Putrajaya. Di situ pun berlaku kesesakan setiap petang yang begitu panjang. Jadi penduduk meminta saya untuk menyuarakan adakah kerajaan bersedia untuk membina *flyover*

untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang teruk di kawasan tersebut? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

7.34 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja, yang pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kementerian kerana telah banyak membantu dalam bukan sahaja membina bahkan penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan.

Saya ada satu perkara sahaja. Saya tidak akan jemu untuk membangkitkan perkara ini kerana pada setiap tahun saya telah membangkitkan perkara ini bahkan pada penggal yang lepas saya telah pun dijanjikan supaya pembinaan jalan ini dilaksanakan dalam *rolling plan* ke-4. Malangnya dalam *rolling plan* ke-4 pun projek ini saya tengok sudah hilang iaitu satu projek jalan empat lorong daripada Tangkak, Jasin ke Ayer Keroh.

Jalan empat lorong ini telah pun diluluskan semasa projek penyelenggaraan. Saya fikir Yang Berhormat Ledang pun faham perkara ini, dalam kawasan beliau. Projek ini hanya sempat dilaksanakan untuk 2 pakej sahaja iaitu pakej pertama dan pakej keempat sahaja. Pakej pertama daripada kawasan Yang Berhormat Ledang, Tangkak sampai satu kawasan namanya Kemenggang. Selepas itu, pakej pertama daripada Ayer Keroh sampai dekat 'Ona' sahaja tetapi Pakej Kedua dan Pakej Ketiga masih belum dilaksanakan.

Bayangkanlah kalau jalan ini hanya separuh jalan sahaja dilaksanakan. Jadi, kami memang mengharapkan sangat kalau boleh pihak kementerian melaksanakan pembinaan Pakej Kedua dan Pakej Ketiga ini kalau boleh dengan kadar segera supaya kita dapat meningkatkan lagi pembangunan Bandar Jasin yang jauh ketinggalan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

7.36 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bangkit dua perkara sahaja Butiran 81000 – Membina Projek Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Saya sudah beberapa kali bangkit di Dewan yang mulia ini tentang Jalan Pesisiran Pantai di Melaka yang telah saya ingat melebihi 10 tahun telah diumumkan. Mengapa projek ini berhenti di Taman Melaka Raya? Bahagian menyambung Taman Melaka Raya ke Padang Temu sudah beberapa tahun masih tidak ada nampak sebarang perkembangan. Saya beberapa kali tanya di Dewan ini dan yang akhir saya dapat jawapan dari kementerian ialah kajian yang terperinci yang terakhir pun semua sudah dibuat. Mereka akan laksanakan projek ini dalam satu masa yang terdekat. Akan tetapi saya ingin tanya adakah projek ini telah dibatalkan kerana nampak ada projek tambak laut akan berlangsung di kawasan yang berkaitan.

Saya difahamkan satu jambatan perlu dibina bagi menyambungkan kedua-dua tempat ini tetapi saya tidak tahu apakah perancangan Kementerian. Saya harap saya dapat satu jawapan yang lebih tepat, kalau tidak kita sama-sama kena tunggu kerana jalan pesisiran pantai ini ialah satu perancangan yang terbaik sekali untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di kawasan Melaka Raya dan juga Bandar Raya Melaka. Saya harap dapat satu jawapan.

Kedua, tentang Butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan. Saya ingin tahu dalam perancangan, tahun ini berapa batang jalan di Melaka akan dapat dinaiktarafkan kerana keadaan jalan-jalan di Melaka ini sangat amat tidak memuaskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar.

7.39 mlm.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama Butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan. Seperti yang Kementerian sedia maklum baru-baru ini Daerah Kuantan keseluruhannya mengalami banjir besar, jadi banyak jalan-jalan yang rosak akibat dari banjir ini. Walaupun saya sebahagian di bawah sahaja Daerah Kuantan ini kerana kita ada tiga Parlimen tetapi saya merangkumi kesemua disebabkan Yang Berhormat Indera Mahkota tidak ada, Yang Berhormat Kuantan tidak ada, jadi saya tolong perjuangkan keseluruhan Bandar Kuantan. *[Tepuk]* Jadi tolonglah.

Saya rasa perbelanjaan tidak mungkin sampai RM5 juta untuk membaiki dan saya difahamkan melalui mesyuarat tindakan daerah Jumaat lepas, JKR dan juga pejabat daerah telah pun mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan negeri jalan-jalan yang perlu diperbaiki.

■1940

Kedua, Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru, projek baru. Saya seperti mana kata Yang Berhormat Jasin tadi tak jemu-jemu untuk membangkitkan masalah Jalan Sungai Lembing ke Jerantut. Jalan ini telah pun diumumkan kelulusannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan RMKe-10.

Jadi saya berharap kerajaan ambil maklum dan kalau boleh disegerakan pembinaan jalan ini kerana sekiranya jalan ini dapat dibina dengan kadar segera, Sungai Lembing akan menjadi bandar transit kepada orang-orang daripada Lepeh, daripada Raub, daripada Jerantut untuk ke Kuantan. Dengan itu ekonomi orang-orang Sungai Lembing akan meningkat. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

7.41 mlm.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga membahaskan Maksud P.27, Butiran Projek 81000 – Membina Jalan-jalan Baru.

Saya ingin bertanya kepada Menteri mengenai status Jalan Bukit Kemuning yang saya kira, maklumat yang saya ada, reka bentuk bagi cadangan projek ini telah pun dibuat dan

sepatutnya pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Hingga ke hari ini tak nampak bayang bila projek ini akan dilaksanakan.

Untuk makluman memang berlaku kesesakan jalan raya di sepanjang Bukit Kemuning sebelum bulatan Jalan Kebun itu sendiri. Saya mengucapkan terima kasih kerana bulatan Jalan Kebun ini telah dinaiktarafkan namun ia tidak menyelesaikan masalah lalu-lintas di situ. Sepatutnya ada *flyover* baru yang bersama dengan projek Jalan Bukit Kemuning ini. saya juga ingin bertanya, berapakah kos sebenarnya untuk projek ini? Ini kerana mungkin saya diberitahu tentang projek ini bergantung sama ada mempunyai peruntukan atau tidak. Jadi sudah beberapa kali katanya ditangguh. Jadi bolehkah saya mendapat sedikit maklumat bila projek ini akan dimulakan kerana sudah lama diluluskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

7.42 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekejap, sedikit sahaja. Khusus ini sebab orang kampung. Kepala P.27, Butiran 70000. *[Disampuk]* Ini orang kampung kacau sangat sebab saya pun sudah bawa benda ini di dalam persidangan yang lalu. Bercakap tentang projek Jalan F7. Jalan F7 ini, Alor Setar- Kangar- Padang Besar sepanjang 81.85 kilometer.

Jadi antara Alor Setar ke sempadan Daerah Kota Setar ke Daerah Kubang Pasu itu dia ada jalan yang diperluaskan dan ada *side table* untuk laluan motosikal. Akan tetapi apabila dia masuk Parlimen Jerlun daripada kilometer 14 ke kilometer 15 itu, sehingga kilometer 25 ke sempadan Perlis, dia balik jalan biasa. Kemudian bila dia masuk negeri Perlis, dia balik, dia luas balik.

Jadi Jerlun ini, sepanjang lebih kurang sepuluh kilometer itu tidak ada jalan yang luaslah. Jadi saya hendak minta, mohon statuslah. Kalau boleh jalan yang telah disediakan sejak tahun 1989 dan kalau dari segi kajian trafik JKR pun sudah tepu statusnya. Maka kita minta diperluaskan sedikit supaya mudah orang-orang kampung ini hendak bawa padi dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

7.44 mlm.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perkara di bawah Maksud P.27, Butiran 61000 bahawa Kementerian Kerja Raya telah menambah peruntukan wang rakyat sebanyak RM141 juta untuk membaiki jalan-jalan raya di negeri Sabah dan Sarawak termasuk Lebuhraya Pan Borneo.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bahawa kenapa perbelanjaan bagi maksud itu akan melebihi sehingga menuntut tambahan? Bukankah bajet untuk membaiki jalan raya dan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo telah pun dicadangkan dan diluluskan di dalam

Belanjawan Tahunan 2013. Jikalau Belanjawan telah meluluskan perbelanjaan untuk projek-projek pembinaan, naiktaraf dan membaiki jalan raya pada tahun ini, maka ia seharusnya mempunyai peruntukan yang cukup untuk melaksanakan projek tersebut.

Adakah peruntukan yang ditambah ini, adakah untuk menambah projek menambahkan projek yang selain daripada projek yang sedia ada? Jika ya, di mana projek-projek tersebut telah terlibat? Di manakah peruntukan ini akan digunakan dan adakah ini khas untuk pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Persekutuan telah menambah peruntukan setiap tahun. Saya merasakan bahawa keadaan ini tidak harus berterusan sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata, kita hendak menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Saya boleh terima jika tujuan peruntukan tambahan sebanyak RM141 juta ialah untuk menambah projek-projek pembinaan naik taraf atau membaiki jalan raya di Sabah dan di Sarawak dan bukannya menambah perbelanjaan ke atas apa-apa projek yang telah sedia ada dalam Belanjawan. Akan tetapi sekiranya RM141 juta ini ditambah kerana *over budget* dengan izin ataupun perbelanjaan tersebut telah melebihi belanja sebenar tanpa penjelasan, maka ia adalah satu pembaziran yang teruk dan membuktikan kementerian ini melaksanakan projek tersebut tidak efisien.

Tuan Pengerusi, wang-wang ini adalah wang rakyat (*public trans*). Oleh itu saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan atas penggunaan peruntukan tersebut di bawah Maksud 27 yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang.

Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

7.48 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hanya ringkas sahaja dan mengambil masa yang singkat. Cuma saya berpendapat KKR adalah merupakan kementerian yang sentiasa memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Tidak seperti yang baru dikatakan, hanya untuk membazir duit rakyat.

Saya hendak berbahas atas tajuk Projek Memperelok Jalan di bawah 07000. Saya tidak pasti sama ada peruntukan tambahan ini melibatkan jalan yang melibatkan banyak kerosakan iaitu jalan di antara Lipis ke Jerantut dan mungkin Jerantut ke Kuala Krau, kawasan Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Jalan ini merupakan sangat penting sekali kerana perhubungan antara Lipis ke Kuantan dan ini telah diguna pakai oleh lori-lori yang agak berat menyebabkan jalan ini kekerapan pecah dan selalunya akan menyebabkan kemalangan serta menyebabkan kerosakan kereta.

Saya seperti Yang Berhormat Jasin, seperti Yang Berhormat Paya Besar tidak akan jemu-jemu bercakap tentang soal jalan ini. saya berharap supaya dalam bajet tambahan ini boleh membantu bagi jalan tersebut. Yang lalu pun saya sudah bercakap dalam sidang bajet yang lalu.

■1950

Maknanya saya hendak dapat kepastian sama ada bajet tambahan ini terlibat dengan jalan tersebut. Seperkara lagi ada membina jalan-jalan baru iaitu projek baru seperti Yang Berhormat Paya Besar katakan tadi dia hanya menyebut daripada Kuantan sehingga Jerantut. Macam dia tidak hendak bagi orang Lipis pergi ke Kuantan. Sebab itu dia separuh sahaja. Saya juga telah menyebut...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar bangun Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Untuk Jerantut ke Lipis itu Ahli Parlimen Lipis kena berjuang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sedang dalam perjuangan. Untuk Jerantut dia berjuang, untuk Lipis dia tidak berjuang. Di mana keadilannya?

Dalam sidang bajet yang lalu saya ada menyebut tentang soal sambungan Jerantut ke Lipis dan yang menjawab tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri dia kata dia akan masukkan ke dalam bajet tapi saya tidak tahulah ke dalam bajet yang mana. Yang akan datang, akan datang mungkin, bersidang akan datang pun tidak tahulah ataupun pilihan raya yang akan datang. Saya pun tidak pasti. Itu sebab saya ingin bertanya dari segi soal membina jalan-jalan baru ini saya mohon jasa baik. Ini bagi memastikan pembangunan seimbang di Pahang Barat itu sendiri. Maknanya Pahang Barat Jerantut, Lipis, Raub dan Bentong.

Seperkara lagi saya hendak tanya status jalan di bawah CSR yang melibatkan antara Lipis, Raub dan Bentong. Hampir siap sekarang ini antara Gua Musang ke Lipis. Jadi status dia ini adalah salah satu penyumbang kepada ekonomi dan kemudahan bagi dua atau tiga negeri yang boleh berjalan lancar untuk memastikan setiap musim perayaan termasuk juga musim cuti persekolahan dan sebagainya melibatkan *jammed* yang amat teruk di antara bandar Lipis, Jerantut dan Bentong. Ini adakah termasuk dalam jalan baru ataupun telah diperancang dan bilakah pembinaannya.

Seperkara lagi dalam membina jalan-jalan baru ini jalan antara Jerantut – Benta yang juga difahamkan sebelum saya jadi ADUN lagi sudah diluluskan. Sehingga saya jadi Ahli Parlimen tidak buat-buat lagi. Jadi saya hendak tahu status tersebut. Sudah berapa kali pecah tanah. Tanah memang pecah tapi jalan memang tidak ada. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kluang.

7.52 mlm.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya minta status Jalan Batu Pahat di kawasan Parlimen Kluang dan kawasan Parlimen Ayer Hitam. Pemisah jalan yang telah disebut beberapa kali dan saya minta kementerian beritahu status.

Kedua saya ingin ambil kesempatan ini untuk membincang isu-isu terkandung dalam *The Independent Advisory Panel to the Ministry of Transport Malaysia Report on Genting Highland Bus Crash*. Saya tidak akan bincang isu yang melibatkan MOT tetapi hanya membincangkan isu yang melibatkan Kementerian Kerja Raya terutama yang melibatkan JKR.

Dalam laporan yang saya sebutkan tadi ada dikatakan Ketua Pengarah JKR tidak hadir dalam *interview session* (sesi temu duga) yang Ketua Pengarah diminta untuk hadir dan dalam laporan ini yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan saya petik di sini. "*The DG of PWD did not turn up for the interview session. Instead, a representative was sent but he was not able to provide clarifications needed by the Panel. Subsequently, the Panel sent an official letter dated on 10th December 2013 to the DG of PWD to express the Panel's disappointment for his absence.*" Dalam muka surat 17 laporan yang sama adalah dikatakan bahawa *the absent of the DG of PWD, JKR for the interview session...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *which butiran are you referring to?*

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Dasar. Okey, saya habiskan. Saya hanya minta jawapan kerana ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Habiskan.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: ...Melibatkan jalan raya. *The absent of the DG of PWD for interview session without any notice is not acceptable by the panel. The DG had further demonstrated his low priority and seriousness towards road safety by assigning one of the senior principal assistant directors to represent PWD, and he could not provide any clarification on important issues sought by the panel.*

Saya hendak minta kementerian supaya beritahu Dewan ini kerana tidak ada kesempatan untuk membahaskan laporan ini secara terperinci tapi dalam laporan tersebut telah disebutkan banyak isu tentang keselamatan jalan raya yang melibatkan JKR dan saya harap Kementerian Kerja Raya boleh maklumkan Dewan ini tentang isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut yang melibatkan JKR. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Samarahan.

7.56 mlm.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun ringkas sahaja. Saya ingin bercakap dengan Maksud P.27 Butiran 90000 – Lain-lain Pembinaan. Yang ini merujuk kepada projek pembinaan jambatan Samarahan. Projek jambatan Samarahan ini merupakan projek yang lama dimohon dan ditunggu oleh rakyat kawasan Kota Samarahan. Memandangkan ia amat penting bukan sahaja sebagai jalan pengangkutan bagi daerah Asa Jaya tetapi ia juga merupakan penghubung antara daerah Asa Jaya dan juga daerah Samarahan dan ia juga merupakan pelengkap kepada pembinaan jalan *coastal road* negeri Sarawak ataupun jalan pesisir pantai di kawasan pantai di Sarawak.

Oleh itu, saya ingin hendak bertanya tentang status dan kita sebenarnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan projek pembinaan jambatan Samarahan ini pada awal tahun lepas dan kita dimaklumkan pembinaannya akan bermula pada awal tahun 2014. Oleh itu, saya ingin hendak membawa suara rakyat, rintihan rakyat, keluhan rakyat di kawasan saya walaupun projek ini telah diumumkan sudah lulus dan akan dibuat, namun begitu sampai sekarang belum lagi jelas dari sudut keterangan projeknya. Oleh itu, saya ingin hendak mohon status projek ini dan kita harap dengan penjelasan ini rakyat di kawasan Samarahan dapat reda sedikit memandangkan situasi ataupun kepentingan yang amat mendesak pada masa ini.

Begitu juga saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan permohonan jejantas. Yang ini saya telah kemukakan juga dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hari itu. Namun begitu bila saya rujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini akan *direfer* kepada kerajaan negeri memandangkan permohonan ini di atas jalan negeri tetapi permohonan ini sebenarnya merentasi jalan persekutuan iaitu Jalan Dato' Musa di hadapan pintu utama lama UNIMAS. Pembinaan jejantas ini amat penting untuk kepentingan masyarakat Samarahan khasnya para pelajar UNIMAS dan UiTM.

Oleh itu, saya sekali lagi merayu kepada kementerian untuk mempertimbangkan lagi permohonan ini untuk keselesaan, kesejahteraan rakyat khasnya di Kota Samarahan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan. Selepas itu Yang Berhormat Parit. Selepas Yang Berhormat Parit setakat itu besok Yang Berhormat Menteri jawab.

7.59 mlm.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memberi sedikit bantahan mengikut butiran 61000. Mengikut ini satu peruntukan tambahan begitu banyak RM141 juta tapi di sini kita tidak tahu berapa perbelanjaan yang dipakai untuk membaiki projek jalan-jalan di mana. Jadi semua ini untuk jajahan Pan Borneo atau tidak. Jadi di sini saya minta Yang Berhormat Menteri boleh mengasingkan peruntukan Pan Borneo ini satu peruntukan sebab kita faham Pan Borneo ini satu projek mega lebuhraya yang memerlukan banyak peruntukan. Jadi kita harap lain kali peruntukan membaiki jalan lain boleh diasingkan. Jadi kita pun faham.

Satu lagi mengikut Butiran 90000. Yang ini pun ada peruntukan tambahan sebanyak RM105 juta, adakah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan di bawah AP55. Kita tidak faham AP55 apa itu bagi kerja-kerja pembaikan cerun ini. Jadi saya mahu minta satu penjelasan peruntukan ini adakah untuk jalan-jalan persekutuan di Sabah atau tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit.

8.01 mlm.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya menimbulkan Perkara 61000 – Naik Taraf Jalan. Saya hendak membangkitkan masalah Jalan Parit - Seputeh sebab saya Parlimen Parit sepanjang 13 kilometer yang telah saya bangkitkan beberapa kali tapi hingga hari ini tidak nampak lagi bila, tidak nampak lara lagi bila hendak buat. Jadi saya harap KKR akan menimbangkan perkara ini sebab rakyat di sana telah bising dan selalu keluar surat khabar dan sekali dua kali masuk dalam siaran televisyen. Itu yang pertama.

Kemudian perkara 70000 – Memperelokkan Jalan. Di kawasan saya di Seri Iskandar ke Bota ada jalan permukaannya tidak rata dan selalu berlaku kemalangan iaitu dekat dengan Stesen Komunikasi TLDM, Seri Iskandar. Saya harap KKR dapat tengok perkara ini.

Yang ketiga ialah saya hendak mencadangkan kepada JKR supaya menggantikan sistem kelubung kepada jambatan. Hari ini di dua tempat di Serapoh dan Simpang Tiga di mana punca kepada banjir akibat daripada kelubung yang sering tersumbat. Kalau digantikan dengan jambatan maka air ini akan cepat lalu dan ini akan mengelakkan berlaku banjir. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, setakat itu sahaja perbahasan untuk kementerian. Esok Yang Berhormat Menteri akan mula menjawab.

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Rabu 2 April 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.03 malam]